UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM, Bangi
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603 8921 5540
Fax: +603 8921 4097

www.**UKM**.my

LAPORAN TAHUNAN UKM 2021 • UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia

LAPORAN TAHUNAN
UKM2021

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan · Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia

NARATIF BAHARU UKM
UNIVERSITI WATAN KITA

LAPORAN TAHUNAN
UKM2021

KANDUNGAN

1.

IMBASAN SEJARAH	4
FALSAFAH, VISI, MISI, MATLAMAT PENDIDIKAN DAN NILAI TERAS	8
CANSELOR	10
PRO-CANSELOR	12
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	14
PEGAWAI PENGURUSAN UTAMA	20
STRUKTUR ORGANISASI UKM	24
SENAT UNIVERSITI	30
PERUTUSAN NAIB CANSELOR	32




2.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI	**36**
Kecemerlangan Penyelidikan Membawa Kepada Pelonjakan Penarafan UKM	38
Dana Penyelidikan dan Inovasi	38
Penyelidikan Translasi dan Multidisiplin Berdampak	43
Impak Penyelidikan Kepada Komuniti dan Industri	48
Kecemerlangan Penerbitan	51
Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi (Mengikut Bidang)	52
Pengurusan Harta Intelek & Pemindahan Teknologi	55
Produk UKM	57

3.

AKADEMIK DAN MAHASISWA	**64**
Enrolmen Pelajar	66
Kemasukan Pelajar	67
Biasiswa & Insentif	68
Konvokesyen Ke-49 Tahun 2021	70
Anugerah Akademik Pelajar	71
Ijazah Kehormat	73
Penganjuran Majlis Konvokesyen UKM Ke-49 Era Pandemik COVID-19	75
Pengajaran dan Pembelajaran	77
Pencapaian dan Pengiktirafan	81
Latihan Industri Pelajar	82
Kemahasiswaan	85
Pengantarabangsaan Pelajar	89
Program Kebajikan Pelajar	90
Keusahawanan Pelajar	93
Perluasan Kerjaya Pelajar	98
Program dan Pengiktirafan GENIUS@Pintar UKM	100
Kebolehpasaran Graduan	103



© 2022 Hak Cipta Terpelihara Universiti Kebangsaan Malaysia

4.

PENGANTARABANGSAAN, INDUSTRI, ALUMNI DAN KOMUNITI	**106**
Antarabangsa, Alumni dan Komuniti	108
Jaringan Strategik Antarabangsa	109
Mobiliti Antarabangsa Pelajar UKM	120
Jaringan Industri	121
Alumni	125
Komuniti	129



5.

PENYERLAHAN BAKAT	**137**
Pemerkasaan dan Kelestarian Kecemerlangan Bakat UKM	138
Perjawatan	138
Kenaikan Pangkat Staf	139
Pelantikan Khas	140
Cuti Belajar	140
Anugerah Perkhidmatan	142
Kaunseling dan Intervensi Staf	143
Persaraan	144
Menangani Cabaran Pandemik COVID-19	144
Pembangunan dan Pengukuhan Kompetensi	145
Memperkasa Kebitaraan Digital	146
Merajui Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi	147
Kepimpinan Universiti Mendepani Cabaran	147

6.

KELESTARIAN PENDANAAN	**148**
Kelestarian Pendanaan	150
Ringkasan Prestasi Penjanaan Pendapatan 5 Tahun	152
Kursi dan Endowmen	155
Projek Pembangunan Khas	157
Prestasi Perbelanjaan 2021	160
Prestasi Kewangan	161



7.

HOSPITAL PENGAJAR UKM	**167**
Sepintas Lalu	168
Kepakaran Klinikal	171
Prestasi Hospital Canselor Tuanku Muhriz	172
Program Kualiti Hospital Canselor Tuanku Muhriz	175
Keterlibatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz dalam Pengurusan COVID-19	176
Program Imunisasi Vaksin COVID-19 HCTM	177
Jaringan dan Khidmat Masyarakat	178
Sejarah Ringkas Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM (HPKK)	181
HPKK ke Hospital COVID-19: Sejarah Tercipta	182
Aktiviti Perkhidmatan Kaunseling Dalam Tempoh Hospital COVID-19	186
Peristiwa Penting Bagi Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM Tahun 2021	188

8.

LAPORAN PENYATA KEWANGAN	190
JAWATANKUASA KERJA LAPORAN TAHUNAN UKM 2021	261

Imbasan Sejarah



Imbasan Sejarah

1903

- Cetusan pertama gagasan perlunya pendidikan tinggi untuk orang Melayu muncul dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja

1917

- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) seorang cendekiawan, menulis berkenaan gagasan penubuhan universiti kebangsaan dalam akhbar *Lembaga Melayu*

1923

- Abdul Kadir Adabi, seorang lagi cendekiawan Melayu mengemukakan memorandum gagasan penubuhan universiti kebangsaan kepada DYMM Sultan Kelantan

1957-1967

- Gerakan pemikiran. perdebatan serta tekad golongan cendekiawan Melayu dalam perjuangan untuk penubuhan universiti kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi semakin bersemarak

1968

- Cendekiawan Melayu membentuk sebuah jawatankuasa penaja bagi merancang penubuhan sebuah universiti kebangsaan. Pelbagai forum budaya dan politik diadakan bagi mendapat sokongan kerajaan dan rakyat

1970

- Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memulakan operasi pertamanya di Lembah Pantai Kuala Lumpur
- Kumpulan pelajar pertama prasiswazah seramai 192 orang dan dua orang pascasiswazah mendaftar di Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam

1973

- Konvokesyen pertama diadakan di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur dengan melahirkan seramai 167 orang graduan sulung UKM

1974

- Penubuhan UKM Kampus Sabah di Kebun Kawang, Papar. Nama Kebun Kawang kemudiannya ditukar kepada Limauan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun yang ketika itu sebagai Ketua Menteri Sabah
- Bangunan sementara Fakulti Perubatan mula beroperasi di Jalan Raja Muda Abdul Aziz dalam Kompleks Hospital Kuala Lumpur

1975

- Hospital Kuala Lumpur diisytihar sebagai Hospital Pengajar Fakulti Perubatan UKM

1977

- Kampus induk UKM di Bangi dengan keluasan 1,096.29 hektar memulakan operasinya

1980

- UKM Kampus Sabah yang menempatkan Fakulti Sains dan Sumber Alam berpindah ke Bukit Padang, Kota Kinabalu
- Kampus tetap UKM Bangi dirasmikan penubuhannya oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah pada 2 September 1980

1990

- UKM Kampus Sabah berpindah ke Menggatal, Tuaran bersama Fakulti Sains Pembangunan yang asalnya ditempatkan di Kampus Induk Bangi

1996

- UKM Sabah ditutp secara rasminya

1997

- Penubuhan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM)

2006

- Diiktiraf sebagai universiti penyelidikan di Malaysia
- Menerima Anugerah Perdana Menteri

2010

- Memproleh status Swa-Akreditasi

2012

- Menerima status Universiti Autonomi

2014

- Pertukaran nama Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

2016

- Penubuhan Majlis Alumni UKM
- Pembinaan Hospital Pakar Kanak-Kanak

2018

- Penubuhan Pejabat Antarabangsa Royal College of Surgeon of Edinburgh di Pusat Perubatan UKM Fakulti/ Perubatan yang pertama di luar United Kingdom

2019

- Pelancaran no plat khas kenderaan UKM sempena Sambutan Jubli Emas UKM

2020

- Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UKM
- Takbir urus universiti dalam norma baharu
  - Penyampaian perkhidmatan selaras mengadaptasi perubahan dan dasar Universiti dalam mendepani krisis pandemik
  - Transformasi sistem elektronik dan pembudayaan teknologi dalam pengoperasian
- Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) berperanan dalam membendung penularan COVID-19

2021

- Pusat Pemberian Vaksin UKM
  - PPV IPT@UKM di Dewan Gemilang
  - Pusat Pemberian Vaksin IPT UKM – *Drive Thru*
  - Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)
  - *Special PPV (SPPV)*
- Pengoperasian HPKK UKM sebagai sebuah Hospital COVID-19
- UKM menjadi universiti awam pertama menerima sijil akreditasi APEL oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi melaksanakan pengakreditan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu bagi tujuan penganugerahan kelayakan akademik (APEL.Q).

Falsafah, Visi, Misi, Matlamat Pendidikan dan Nilai Teras

Universiti Kebangsaan Malaysia

Falsafah

Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti

Visi

UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamis, berilmu dan berakhlak mulia

Misi

Menjadi Universiti terpilih yang memartabatkan Bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan



Matlamat Pendidikan

Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif

Nilai T.E.R.A.S

Bakat (*Talent* (T)), Etika (*Ethics* (E)), Memperkasa (*Revitalise* (R)), Tangkas (*Agile* (A)) dan Jiwa (*Soul* (S))

CANSELOR

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

D.K., D.M.N., D.K. (Perak)., D.K. (Perlis)., D.K. (Selangor)., D.K. (Kedah)., D.K. (Kelantan)., D.K. (Johor)., D.K. (Terengganu)., D.K.Y.R., P.P.T., LLB (Aberystwyth)., Hon. LLD (South Wales)., Hon. Fellow (Aberystwyth)., FRCSEd (Hon)



PRO-CANSELOR



1

Yang Amat Mulia Tunku Laxamana Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Tuanku Ja'afar

DK., DKYR., SPNS., SPMP., PPT., BSc. (Econ) (Hons)., Legion d'Honneur, Ordre du Merite, Palmes Academiques (France)., Order of Gran Cruz De La Orden Bernardo O'Higgins (Chile)., Fellow of Aberystwyth University (Wales)., Royal Fellow of Lestari Institute (UKMalaysia)



2

Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

DKH., DKYR., SHMS., SSDK., PSM., PAT., JP. Hon. PhD.(UUM), Hon.PhD. (KUIN), Hon.PhD. (UPNM).

Tunku Temenggong Kedah



3

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali

P.M.N, P.S.D, S.S.M.Z, D.A, S.M.W, D.I.M.P, J.S.D, A.M.T, P.P.T, A.S.P, BEcon (UKMalaysia), MBA (NTU-MIT), DPA (INTAN)

Lembaga Pengarah Universiti



Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak
Pengerusi

Prof Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1 November 2021 yang juga merupakan alumni pertama yang dilantik bagi jawatan ini. Kini beliau juga merupakan Naib Canselor di Universiti of Cyberjaya. Selain memegang jawatan Presiden Persatuan Ortopedik Malaysia dari 1996 hingga 1998, Prof Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak pernah berkhidmat sebagai pendaftar pelawat di Jabatan Ortopedik Universiti Edinburgh, dan pendaftar dan Felo Klinikal dalam Kecerdasan Tulang Belakang di Southport Spinal Injuries Centre di Liverpool, Britain. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM dari 2008 hingga 2010 dan sebagai Pengarah Hospital UKM (HUKM), yang kini dikenali sebagai Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dari 2003 hingga 2007.



Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
Naib Canselor / Ahli

Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman dilantik sebagai Naib Canselor UKM pada 1 Januari 2021. Sebelum menjawat jawatan sebagai Naib Canselor, beliau pernah menjawat beberapa jawatan lain antaranya sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Akademik dan Pembangunan) di Jabatan Pendidikan Tinggi serta sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Ketokohan dan kewibawaan beliau terserlah apabila beliau menjawat beberapa jawatan penting antaranya adalah Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Ketua Perunding bagi Kajian Dasar Air Negara serta menjawat jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah/Majlis Penyeliaan di beberapa institusi penting negara seperti Malaysian Qualification Agency (MQA), Malaysian National News Agency (BERNAMA), serta Education Malaysia Global Services (EMGS). Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam bidang Geografi Fizikal di UKM kemudian melanjutkan pengajian di University of Manchester, United Kingdom dalam bidang Sarjana Sains di Fakulti Sains dan Kejuruteraan. Beliau juga berkelulusan PhD daripada Fakulti Sains, Pertanian dan Kejuruteraan dari University of Newcastle Upon Tyne di United Kingdom



Prof. Dato' Dr. Husaini Omar
Ahli

Prof. Dato' Dr. Husaini Omar dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Perkhidmatan Awam) mulai 16 Februari 2021. Beliau merupakan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi. Prof. Dato' Dr. Husaini berkelayakan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Geologi) daripada Universiti Malaya (UM) dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Geologi dari University of Leeds, United Kingdom. Beliau seterusnya memperoleh *Doctor of Engineering (System Engineering)* dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2002. Beliau mempunyai pengalaman industri selama lapan (8) tahun sebagai jurutera geologi sebelum memulakan karier sebagai pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1996. Beliau meniti kejayaan akademik dan pentadbiran sehingga dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM pada 15 Februari 2017 sebelum menjawat jawatan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 1 Januari 2018 sehingga 6 Januari 2019. Beliau pernah menggalas tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Prof. Dato' Dr. Husaini telah menerbitkan lebih 200 buah penerbitan dalam bentuk jurnal, prosiding, buku, dan laporan teknikal hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Beliau juga telah menyelia lebih 20 orang pelajar pasca siswazah dan sebahagian daripada hasil penyelidikan beliau telah dipatenkan di Malaysia dan Amerika Syarikat.



Dr. Nirwan Noh
Ahli

Dr. Nirwan Noh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Kementerian Kewangan) pada 1 Januari 2018. Beliau merupakan Timbalan Ketua Ekonomi, Sektor Penyelidikan Ekonomi, Bahagian Ekonomi di Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor kewangan dan ekonomi melalui penempatan di beberapa kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya. Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian) Ekonomi dari McGill University, Montreal, Canada, Sarjana Kewangan Antarabangsa dan Polisi Ekonomi dari Unniversity of Glasgow, United Kingdom dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lembaga Pengarah Universiti



Prof. Emeritus Datuk Dr. Sukiman Sarmani
Ahli

Prof. Emeritus Datuk Dr. Sukiman Sarmani dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Masyarakat Setempat) pada 1 Oktober 2018. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Beliau merupakan seorang tokoh akademik yang dihormati dan pernah berkhidmat dalam pelbagai agensi seperti Pengerusi Lembaga Perlesenan Atom di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI), Naib Presiden Global, Sun Moon University, Seoul, Korea, Ahli Panel Pembangunan Program di bawah The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dan Ahli Majlis Akademi Sains Malaysia. Beliau juga pernah dilantik dalam pelbagai jawatan pentadbiran di UKM termasuk Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Hubungan Antarabangsa) mulai 2004 hingga 2008. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Kimia dari UKM dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Reading, United Kingdom.



Prof. Dr. Lilia Halim
Ahli

Prof. Dr. Lilia Halim dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Senat) pada 15 Januari 2020. Beliau merupakan seorang Profesor dalam Pendidikan Sains di Pusat Kajian Pembudayaan STEM, Fakulti Pendidikan UKM. Memulakan kerjaya sebagai Guru Fizik dan berkhidmat di Universiti pada 1991, minat dan skop penyelidikan beliau banyak memberi tumpuan kepada mempromosikan literasi sains dalam pembelajaran. Beliau banyak menyumbang kepakaran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selain menerima beberapa penganugerahan seperti Silver Medal Award (2019)- STEM Mentoring Program dan Distinguished Research Award (2016), East Asian Science Education Association, Japan. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Fizik di Carleton University, Canada, Master of Education (Science Education) (Leeds University, UK) dan berkelulusan PhD dalam bidang Pendidikan Sains dari (King's College London, UK).



Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie
Ahli

Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah mewakili Sektor Swasta pada 1 Mei 2020. Beliau sangat berpengalaman luas dalam bidang pengangkutan dan logistik serta penglibatan dalam khidmat masyarakat. Kini, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif di Bintang Bulk Mover Sdn Bhd dan N'Osairis Technology Sdn Bhd. Selain dari sektor pengangkutan dan logistik, beliau juga memegang beberapa jawatan sebagai Pengarah dan Penasihat dalam sektor awam dan swasta termasuk industri perdagangan, perkhidmatan, peruncitan, makanan dan minuman, pendidikan dan pertanian. Beliau juga merupakan ahli Malaysia-Indonesia Business Council (MIBC) dan Malaysia Entrepreneurs Council selain penglibatan beliau dalam Malaysian Logistic Advisory Council (MLAC). Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie mendapat pendidikan di Pusat Pengajian Pentadbiran Awam dan Undang-undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau juga mempunyai kelayakan profesional sebagai ahli Institut Logistik dan Pengangkutan Bertauliah (CILT).



Dato' Sri Amrin Haji Awaluddin
Ahli

Dato' Sri Amrin Haji Awaluddin dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah mewakili Sektor Swasta pada 7 Ogos 2020. Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji dan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun di sektor korporat. Beliau memulakan karier di institusi perbankan sebelum memegang beberapa jawatan penting di beberapa syarikat seperti Renong Berhad, Malaysian Resources Corporation Berhad dan Putera Capital Berhad. Beliau meneruskan kecemerlangan kerjayanya dengan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di beberapa syarikat besar di Malaysia seperti Natseven TV Sdn Bhd (NTV7), Sistem Televisyen Malaysia Berhad, Media Prima Berhad, Sime Darby Property Berhad, Bousted Holdings Berhad dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Dato' Sri Amrin memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Acadia, Canada dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dengan kepujian dari University of Hull, England. Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Pengurusan Bertauliah (CIMA), UK dan Akauntan Bertauliah Insitut Akauntan Malaysia (MIA).

Lembaga Pengarah Universiti



Datuk Johan Idris
Ahli

Datuk Johan Idris dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah mewakili Sektor Swasta pada 1 Januari 2021. Beliau merupakan Rakan Kongsi Urusan KPMG di Malaysia dan berkhidmat sebagai ahli Lembaga KPMG Asia Pacific dan Ahli Majlis KPMG International. Datuk Johan pernah memegang jawatan sebagai Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA) bagi penggal 2013-2015. Datuk Johan kini merupakan Ahli Majlis dan EXCO Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA). Pengalaman profesionalnya melangkaui Malaysia termasuk Amerika Syarikat dan Indonesia. Beliau telah mengetuai dan menguruskan audit (assurance assignment) pada peringkat antarabangsa termasuk penglibatan dalam 500 Syarikat tersenarai Awam yang terbesar (Fortune 500). Kepakaran beliau meliputi pembabitan dalam sektor automotif, minyak dan gas, perladangan, makanan dan minuman, pengangkutan, peruncitan & pembuatan, teknologi dan sektor penjanaan kuasa. Pada 2015, Datuk Johan Idris telah memenangi Anugerah Juara CEO oleh Talent Corporation Malaysia.



Dato' Yeow Wah Chin
Ahli

Dato' Yeow Wah Chin telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah UKM Mewakili Alumni pada 15 Mei 2019. Beliau sangat berpengalaman luas dalam bidang kepakaran perbankan dan undang-undang komersial. Kini, beliau menjadi Pengurus Bersama melalui penubuhan firma guaman Tetuan Yeow & Salleh. Beliau telah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Disiplin Peguambela dan Peguamcara selama beberapa tahun dan juga pernah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Amalan Penyampaian Majlis Peguam. Mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, (Book Prize Winner for Analytical Economics and Public Policy), Ijazah Sarjana Muda Undang Undang dari University of Wales, Aberystwyth, UK dan memperoleh Certificate in Legal Practice (CLP). Beliau juga banyak melibatkan diri dalam Badan Bukan Kerajaan antaranya Council Chairman of Lions Clubs International Multiple District 308 untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Penasihat Undang-undang Persatuan Hokkien serta Penasihat Undang-undang Persatuan Penterjemah Untuk Orang Pekak, Wilayah Persekutuan dan Selangor.



Puan Hjh. Musliati Moslimin
Ahli

Puan Musliati Moslimin dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman). Beliau merupakan Pegawai Tadbir lantikan di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat, Jabatan Ketua Menteri Sabah. Merupakan seorang yang komited terhadap kerjaya, beliau juga banyak melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat dan penglibatan dalam banyak Jawatankuasa dan Lembaga Pengarah agensi awam di bawah Kerajaan negeri Sabah. Kini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Pelancongan Negeri Sabah (STB) dan Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Puan Musliati Moslimin memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian di Open University Malaysia (OUM) dan memegang Ijazah Sarjana Eksekutif Pengurusan Korporat di Universiti Malaysia Pahang.

Pegawai Pengurusan Utama

Naib Canselor
Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
Prof. Dr. Mohammad Kassim

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
Prof. Dato' Dr. Norizah@Norazah Mohd Nordin

Pendaftar
Dato' Dr. Syed Kamarudin Sadakkuthulla

Bendahari
Mohd Azli Mohd Kasirun

Ketua Pustakawan
Rohaya Umar

Penasihat Undang-undang
Prof. Madya Dr. Salawati Mat Basir

Pro-Naib Canselor
(Strategi dan Pembangunan Korporat)
Prof. Dr. Roslee Rajikan

Pro-Naib Canselor
(Penjanaan dan Prasarana)
Prof. Dr. Norhamidi Muhamad

Pro-Naib Canselor
(Kampus Kuala Lumpur)
Prof. Dato' Dr. Hanafiah Haruna Rashid



1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar)
5. Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)

6. Pendaftar
7. Bendahari
8. Ketua Pustakawan
9. Penasihat Undang-undang

Struktur Organisasi

Universiti Kebangsaan Malaysia

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Ketua Unit Audit Dalam

Lembaga Pengarah UKM Holdings

NAIB CANSELOR

Ketua Unit Integriti & Ombudsman

CANSELORI

Pro-Naib Canselor Strategi & Pembangunan Korporat

- Pusat Strategi UKM (Strategi-UKM)
- Pusat Komunikasi Korporat
- Pusat Pembangunan Profesional & Kepimpinan (Profesional-UKM)
- Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Pro-Naib Canselor Penjanaan & Prasarana

- Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM)
- Jabatan Pembangunan Prasarana UKM

Pro-Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur

- Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- Hospital Pakar Kanak-kanak

Ketua Pegawai Maklumat

- Pusat Teknologi Maklumat

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)

- Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
- Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
- Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)
- Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM-Global)
- Fakulti
- Pusat Pengajian

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi)

- Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi
- Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKMTM)
- Penerbit UKM
- Pusat IDEA-UKM
- Institut
- Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim
- UKM Technology Sdn. Bhd.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

- Pusat Hal-Ehwal Pelajar (HEP-UKM)
- Pusat Perumahan Pelajar
- Kolej Kediaman
- Pusat Sukan Universiti
- Pusat Kebudayaan Universiti
- Pusat Kesihatan Universiti
- Pusat Kesatria Universiti (KESATRIA-UKM)
- Pusat Perhubungan Alumni (Alumni-UKM)
- Pusat Islam

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)

- Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (I-KOM)
- Pusat Pembangunan Kerjaya (UKM-Karier)
- Yayasan Canselor
- Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM – CESMED)

Pendaftar

- Unit Governan
- Unit Perkhidmatan & Sokongan OKU (UPS-OKU)
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan
- Bahagian Keselamatan

Bendahari

- Bahagian Perolehan
- Bahagian Bayaran
- Bahagian Dasar dan Akaun
- Bahagian Hasil
- Bahagian Aset
- Bahagian Bajet

Penasihat Undang- undang

- Unit Perundangan

Ketua Pustakawan

- Perpustakaan Tun Seri Lanang
- Perpustakaan Alam & Tamadun Melayu
- Perpustakaan Undang-undang
- Perpustakaan Dr. Abdul Latiff
- Perpustakaan Perubatan
- Perpustakaan Lingkungan Kedua
- Muzium Warisan Akademik

Pengarah Urusan UKM Holdings

- UKM Kesihatan Sdn. Bhd.
- UKM Pakarunding Sdn. Bhd.
- UKM Unipeq Sdn. Bhd
- UKM Daya Urus Sdn. Bhd.

- **Fakulti**
  - Fakulti Pengajian Islam
  - Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
  - Fakulti Sains & Teknologi
  - Fakulti Perubatan
  - Fakulti Ekonomi & Pengurusan
  - Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina
  - Fakulti Pendidikan
  - Fakulti Pergigian
  - Fakulti Sains Kesihatan
  - Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
  - Fakulti Undang-undang
  - Fakulti Farmasi
  - Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB)
  - Pusat Pengajian Citra Universiti (CITRA UKM)
- **Pusat Pengajian**
  - Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
  - Pusat GENIUS @ Pintar Negara

- **Institut**
  - Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
  - Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)
  - Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
  - Institut Sel Fuel (SELFUEL)
  - Institut Islam Hadhari (HADHARI)
  - Institut Kajian Etnik (KITA)
  - Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS)
  - Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik (IMEN)
  - Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
  - Institut Biologi Molekul Perubatan (UMBI)
  - Institut Perubahan Iklim (IPI)
  - Institut IR4.0 (IIR4.0)
  - Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (MINDA-UKM)

- **Kolej Kediaman**
  - Kolej Dato' Onn
  - Kolej Aminuddin Baki
  - Kolej Ungku Omar
  - Kolej Burhanuddin Helmi
  - Kolej Ibrahim Yaakub
  - Kolej Rahim Kajai
  - Kolej Ibu Zain
  - Kolej Keris Mas
  - Kolej Pendeta Za'ba
  - Kolej Tun Hussein Onn
  - Kolej Tun Dr. Ismail
  - Kolej Tun Syed Nasir

Petunjuk:

Jawatan Pentadbiran Pengurusan Tertinggi yang dinyatakan dalam Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 (Sebagaimana pada 22 November 2012)

Jawatan Pentadbiran Pengurusan Universiti yang diwujudkan secara dalaman Universiti

Senat Universiti

PENGERUSI

Naib Canselor
Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
BA (Hons) (UKMalaysia), M.Sc (Manchester Univ), Ph. D (Newcastle Upon Tyne Univ)

KEAHLIAN TIMBALAN NAIB CANSELOR

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
Prof. Dr. Mohammad Kassim
BSc. (Chemistry) (Lakehead Canada)., S.Sn (Kimia) (UKMalaysia)., Ph.D (Bristol)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani
BA(Hons.) (Al-Azhar), S.P.I. (UKM), Ph.D (Manchester)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil
ANS., B.Sc. (UKMalaysia), M.Sc. (UKMalaysia), Ph.D. (Sheffield)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
Prof. Dato' Dr. Norizah @ Norazah Mohd Nordin
Bsc (Mathematics) (Florida State University), Dip. Pend (UiTM), Msc. (Mathematics)(California State University), Ph.D (Information Science)(UKM)

KEAHLIAN DEKAN

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Prof. Dr. Aini Aman
Dip.Arts (New York), BSc (Accounting) (Indiana), MBA (Manchester), Ph.D (Manchester)

Fakulti Pengajian Islam
Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari Long
B.A. (Hons)(UKM), M.A. (Nottingham), Ph.D (Malaya)

Fakulti Perubatan
Prof. Dr. Abdul Halim bin Abdul Gafor
MBBS(Malaya), MMED(UKM)

Fakulti Pergigian
Prof. Madya Dr. Tuti Ningseh binti Mohd Dom
BDS (Malaya), MPH (Michigan), Ph.D (UKMalaysia)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Prof. Dr. Kadaruddin bin Aiyub
BA (Hons), MEM (UKM), MSc., Ph.D (Norwich)

Fakulti Sains dan Teknologi
Prof. Dr. Ishak Ahmad
BSc (Hons)(Chemistry) (UKM), PhD (UMIST)

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Hamidon Wan Badaruzzaman
BSc, MSc (Bradford), Ph.D (Wales), MIEM, P.Eng.

Fakulti Pendidikan
Prof. Dr. Mohd. Mahzan Awang
BA (Hons.) (UM), MA (UKM), Ph.D (Dundee)
(Mulai 1 September 2021)

Fakulti Undang-undang
Prof. Madya Dr. Jady @ Zaidi bin Hassim
LL.B (Hons), MCL(IIUM), Ph.D (UKM)

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Prof. Dr. Salwani Abdullah
BSc (Computer Science) (UTM), MSc (UKM), Ph.D (University of Nottingham, UK)

Fakulti Farmasi
Prof. Madya Dr. Mohd Makmor Bakry
BPharm (Hons) (UKM), Ph.D (Medicines and Therapeutics) (Glasgow)

Fakulti Sains Kesihatan
Prof. Dr. Suzana Shahar
Bsc. Dietetic (UKM), MMedSci (Sheffield), Ph.D (Shefffield)

UKM – Graduate School of Business (UKM – GSB)
Prof. Dr. Zafir Khan Mohamed Makhbul
BBA (Hons)(UUM), MBA (UKM), Ph.D (UTM)

Pusat Pengajian Citra Universiti
Prof. Dr. Khairul Anwar @ Johari Mastor
SmSn(Kep.) (UKM), MAEd (George Washington, USA), Dip. Peng. Islam (UKM), Ph.D (New South Wales, Australia)

KEAHLIAN PENGARAH

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
Prof. Dr. Sufian Jusoh
LL.B (Wales); LL.M (Lond.); Doctor Iuris (Institute of Economic and European Law, University of Bern).

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Prof. Datuk Dr. Awang bin Sariyan
Ph.D (Falsafah Pendidikan Bahasa)(UMalaya), Sarjana Sastera (linguistik)(UMalaya)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Prof. Madya Dr. Goh Choo Ta
BSc., MSc., Ph.D (UKM)

Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
Prof. Madya Dr. Ahmad Rifqi Md Zain
BEng. (Hons)(Coventry), MSc. (Glasgow), Ph.D (Glasgow)

Institut Perubatan Molekul (UMBI)
Prof. Madya Dr. Nor Azian Abdul Murad BSc. (UPM), MSc. (UKM), Ph.D (University of Queensland, Australia)

Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
Prof. Madya Dr. Mohd Adib Ibrahim
BSc. (UiTM), MBA (UKM), MSc. (UKM), Ph.D (Southampton)

Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
Prof. Madya Dr. Syarul Nataqain binti Baharum
BSc. (UPM), Ph.D (UPM)

Institut Sel Fuel (SELFUEL)
Prof. Ir. Dr. Siti Kartom Kamarudin
BEng. (UKM), MSc (UKM), Ph.D (UKM)

Institut Islam Hadhari (HADHARI)
Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham
Sm.P.I, S.P.I (UKM), Ph.D (UM)

Institut Kajian Etnik (KITA)
Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
PJN., DSNS., PPT., BA, MA (Malaya)., Ph.D (Monash)

Institut Perubahan Iklim (IPI)
Prof. Madya Dr. Zaini Sakawi
BSc, MSc, Ph.D (UKM)

Institut IR4.0 (IIR4.0)
Prof. Madya Dr. Rabiah binti Abdul Kadir
BSc (UPM), MSc (UKM), Ph.D (UKM)

Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM – CESMED)
Prof. Madya Dr. Noor Azuddin Yakob
BSc (Accounting) (Washington), MFIn (Wollongong, NSW), Ph.D (UKM)

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
Prof. Datuk Dr. Muhammad Hussin
B.Econ (Hons)(UKM), Dip. Pend. (UKM), Med (UKM), Ph.D (Cardiff)

Pusat GENIUS@Pintar Negara
Prof. Madya Dr. Rorlinda Yusof
BSc (Central Michigan), MEd. (UMalaya), Ph.D (UKMalaysia)

Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim
Prof. Dr. Dayang Anita Abdul Aziz
BMedSc (UKM), MD (UKM), FRCS (Edinburgh, UK)

Senat Universiti

KEAHLIAN PROFESOR

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Prof. Dato' Dr. Norman Mohd Saleh
BAc (UKMalaysia), MSc (University of Anglia, England), Ph.D (La Trobe, Australia)

Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Prof. Dr. Andanastuti Muchtar
B.Eng. (Hons) Mech Eng (Leeds), Ph.D (NUS)

Prof. Dr. Che Hassan Che Haron
BSc (Mechanical Engineering) (Bridgeport), MS (Pittsburgh), Ph.D (Coventry)

Fakulti Pendidikan
Prof. Dr. Lilia Halim
BSc (Ottawa), Dip. Pend. (UKM), Med (Leeds), Ph.D (London)

Fakulti Pengajian Islam
Prof. Dr. Mohd. Nasran Mohamad
Sm.P.I. (Kep.) (UKM), M.C.L. (UIAM), Ph.D (Manchester)

Fakulti Perubatan
Prof. Dato' Dr. Hanafiah Haruna Rashid
SCMEDSCI (St. Andrews), MBCHB (Edinburgh), FRCS (Edinburgh)

Prof. Dr. Zaleha Abdullah Mahdy
MD (UKM), MOG(UKM), MRCOG (London), MD (UK)

Prof. Dr. Ismail Mohd. Saiboon
MBBS (UM), MSurg (Orth& Trauma) (UKM), Subspecialized Emergency Medicine (UKM)

Fakulti Sains dan Teknologi
Prof. Dr. Maslina Darus
BSc. (Mathematics) (Acadia), Ph.D (Swansea)

Prof. Dr. Yang Farina Abdul Aziz
BSc (Manchester), Ph.D (Reading), AMIC

Prof. Dr. Mohd Talib bin Latif
BSc (UKM), MSc (UKM), Ph.D (Norwich)

Fakulti Pergigian
Prof. Dr. Rohaya binti Megat Abdul Wahab
BDS (Malaya), MDEntSc (Leeds), MOrthRCS (Edinburgh)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Prof. Datin Dr. Ruzy Suliza Hashim
Dip.Ed (TESL) (UKM), BA (Otago), MA (Essex), Ph.D (Otago)

Fakulti Sains Kesihatan
Prof. Dr. Bariah Mohd. Ali
SmOptom (UKM), Ph.D (UNSW), FAMO, FBCLA

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Prof. Dr. Shahrul Azman Mohd Noah
BSc (Hons)(UKM), MSc, Ph.D (Sheffield)

Fakulti Undang-undang
Prof. Dr. Zinatul Ashiqin Zainol
LL.B (Hons) (IIUM), LL.M (London), Ph.D (IIUM)

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa
Prof. Dato' Dr. Rashila Haji Ramli
BSc (Chemistry) (Western Illinois), MBA (Northern Arizona), Ph.D (Political Science) (Northern Arizona)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman
LL.B. (Hons) (UKM), LL.M. (Wales, U.K.), Ph. D. (UKM)

KEAHLIAN KO-OPT

Pro Naib Canselor
(Strategi dan Pembangunan Korporat)
Prof. Dr. Roslee Rajikan
DNS., SmSn (Dietetik) (UKMalaysia), MSc. (Aberdeen), Ph.D (Glasgow)

Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi
Prof. Ts. Dr. Muhammad Rahimi Yusop
B.Sc., M.Sc. (UKM), Ph.D. (Edinburgh, UK)

Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti
Prof. Madya Dr. Roziah Sidik @ Mat Sidek
Sm.P.I.(Kep.), Dip.Pend. (UKM), M.Litt. (Edinburgh), Ph.D (Malaya)

Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum
Prof. Ir. Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ihsan
BEng (Mechanical Engineering) (UKM), Ph.D (Wales)

Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin
MD (UKM), MS (Gen. Surg.) (UKM), Fellow in Hepatobillary Surgery (Melbourne)

KEAHLIAN EX-OFFICIO

Pendaftar
Dato' Dr. Syed Kamarudin Sadakkuthulla
DIMP., KMW., PPN., SmSEkon(Kep)(UKMalaysia), S.SPend.(Pend. Ekon) (UKMalaysia), Ph.D (Pend. Ekon) (UKMalaysia)

Bendahari
Encik Mohd Azli Mohd Kasirun
BAC (Hon)(UKMalaysia), MBA (Cardiff, UK)

Ketua Pustakawan
Cik Rohaya Umar
B. A (Hons) Islamic Studies (UKM), Postgrad. Dip. in Lib. Sc. (ITM), M.S. (UPM)

Penasihat Undang-undang
Prof. Madya Dr. Salawati Mat Basir
L.LB, LLM, Ph.D (UKM)


UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Perutusan Naib Canselor



Tahun 2021 meraikan 51 tahun penubuhan UKM pada 1970 dan merupakan tahun UKM MARA melangkah melepasi fasa 50 tahun pertama sejak penubuhannya. Bagi memastikan Pelan Strategik UKM 2019-2021 direalisasikan dan aspirasi UKM untuk menjadi Universiti Kelas Dunia pada tahun 2025 tercapai, UKM telah membangunkan kerangka TERAS yang mengandungi elemen kebitaraan dan prakarsa yang dijadikan hala tuju universiti. Kerangka ini menjadi lembayung yang memayungi elemen kebitaraan dan prakarsa. Lembayung TERAS UKM terdiri daripada 5 nilai utama, iaitu Bakat (Talent), Etika (Ethics) Memperkasa (Revitalise), Tangkas (Agile) dan Jiwa (Soul). Nilai TERAS ini akan menjadi tonggak kepada iltizam warga UKM ke arah menjayakan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), New Deals KPT, Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 dan Fokus 6 Strategik KPT.

Pemangkin bagi kelima-lima nilai ini adalah elemen kebitaraan kepada TERAS, iaitu Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin. Setiap satu nilai ini memberi pengertian yang memayungi kebitaraan dan menjadi asas kepada semua Pusat Tanggungjawab untuk merangka strategi dan gerak kerja masing-masing berdasarkan prakarsa yang telah dirangka. Cakupan di bawah kebitaraan Watan terdiri daripada 5 prakarsa, iaitu penghayatan Falsafah Universiti, pemerkasaan bahasa Melayu, pemuliharaan Warisan Budaya, pengukuhan Jati Diri dan pemupukan semangat Patriotik. Bagi rangkuman kebitaraan i-Minda pula meliputi prakarsa Advokasi, Inovasi, Ekosistem, Nilai dan Mutu dan Translasi. Liputan Holistik pula meliputi prakarsa Keusahawanan, Kreatif, Kepimpinan, Kerjaya, dan Nilai Murni. Aspek kebitaraan Digital meliputi prakarsa Infra dan Info, Pedagogi dan Ekologi Pembelajaran, Pembudayaan, Kelestarian dan Governan. Kebitaraan Prihatin merupakan yang terakhir dalam nilai TERAS yang meliputi prakarsa SIHAT, Perpaduan, Kebajikan, Kemasyarakatan dan Mesra OKU.

Lembayung TERAS menjelaskan tentang nilai dan prinsip yang menjadi tunjang kepada perancangan dan pelaksanaan tanggungjawab warga UKM dan menjadi asas kepada perancangan strategik, pembinaan gerak kerja dan penentuan Indeks Pencapaian Utama yang meliputi aspek Penyelidikan, Akademik, Antarabangsa, Bakat, Jaringan dan Kewangan. TERAS merupakan tekad UKM untuk perlu terus berpegang kepada misi dan visi Universiti kerana pembangunan universiti ke arah kecemerlangan memerlukan kepimpinan yang dinamik dan asas perjuangan yang jelas dan terkehadapan. Interaksi dan kesepaduan kesemua elemen kebitaraan TERAS ini akhirkan akan memberi impak yang signifikan kepada kebolehpasaran graduan dan penjanaan pendapatan di UKM.

TERAS menerajui kelestarian penyelidikan seiring dengan UKM sebuah Universiti Penyelidikan. Penyelidikan UKM terus menyumbang dan memberikan impak yang besar kepada pencapaian ranking dimana kedudukan pada tahun 2021 UKM berada di kedudukan ke-141 berbanding 150 pada tahun 2020 sekaligus, meletakkan UKM sebagai universiti 11% terbaik dunia. Tahun 2021 merekodkan keseluruhan projek penyelidikan yang diluluskan kepada penyelidik di UKM adalah sebanyak 1,331 projek dengan peruntukan berjumlah RM76.2 juta. Daripada jumlah ini, 26% adalah dari sumber dana penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu sebanyak RM18.7 juta dan Dana Universiti Penyelidikan (RU) sebanyak 21% sebanyak RM15.6 juta serta Dana Antarabangsa sebanyak 19% iaitu RM14.2 juta. Selain dana baharu, terdapat 3516 projek penyelidikan yang sedang aktif dijalankan oleh penyelidikan UKM. Bagi Geran Penyelidikan, UKM telah menerima RM89.2 juta berbanding RM 76.5 juta pada tahun 2020. Melalui dana dan geran yang diperolehi, UKM berjaya menghasilkan penerbitan yang berimpak iaitu 235 buku penyelidikan, penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS/ WOS/ERA, mencatatkan 3,876 dan bilangan sitasi penerbitan mencatatkan 136,863. Selain itu, penerbitan dalam Jurnal Q1 dan Q2 juga meningkat daripasa 1,225 tahun 2020 kepada 1,511 tahun 2021 manakala bagi Jurnal Q1-Q4 meningkat daripada 1,741 tahun 2020 kepada 2,422 taun 2021. Selain itu, 196 artikel penyelidik UKM tersenarai dalam jurnal terbaik 10% pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya. Hasil daripada penyelidikan yang berkualiti ini sebanyak 20 produk telah dikomersial merangkumi produk rawatan kesihatan, makanan, komuniti dan industri.

TERAS memacu UKM terus MARA terkehadapan dalam pemerkasanaan Akademik dan Mahasiswa. Pada tahun 2021, kemasukkan pelajar baharu adalah seramai 7,501 orang menjadikan enrolmen pelajar keseluruhan adalah 36,574 orang, dengan nisbah Pascasiswazah berbanding Prasiswazah sebanyak 38:62.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Tahun 2021 tidak menghalang pelajar antarabangsa menjadikan UKM sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pengajian. Seramai 1,031 pelajar antarabangsa telah mendaftar pada tahun 2021 menjadikan enrolmen pelajar antarabangsa di UKM seramai 2,882 meliputi 65 Negara. Sebagai universiti Watan yang cakna dengan keperluan pelajar, UKM telah menawarkan Biasiswa UKM kepada pelajar baharu sesi 2021. Biasiswa ini terbahagi kepada dua (2) iaitu Biasiswa Naib Canselor dan Biasiswa Zakat UKM dengan jumlah 12 penerima dikalangan pelajar UKM. Selain itu, UKM terus menyumbang dalam kebajikan pelajar dalam tempoh pandemik dengan bantuan insentif komputer riba, tabung khairat kematian, Foodbank Varsiti, sumbangan bantuan banjir, bantuan insentif kecemasan dan pelbagai lagi.

Selain itu, keMARAan UKM dalam Akademik dan Mahasiswa diteruskan dengan menjadi Universiti Awam pertama menganjurkan Majlis Konvokesyen era pandemik COVID-19. Majlis Konvokesyen ke-49 dilaksanakan pada 27 November hingga 8 Disember 2021 yang dihadiri seramai 7,709 graduan. Penganjuran Majlis Konvokesyen yang menggunapakai prosedur baharu dengan pematuhan SOP Covid-19 yang menjadi rujukan dan panduan kepada universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain. Pada Majlis Konvokesyen kali ini, UKM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua (2) tokoh ternama iaitu Tan Sri Dr. Jeffery Cheah dalam Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kepimpinan Dalam Jaringan Pendidikan Kesihatan dan Kelestarian) dan YM Dato' Raja Abdul Aziz Raja Adnan dalam Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

“**TERAS menyerlah** pemerkasaan dan **kelestarian** kecemerlangan bakat dalam usaha berterusan bagi memperkasa dan **mengukuhkan kebitaraan UKM.** “

(Sains Nuklear). Kesarjanaan tahun 2021 terus perkasa dengan penganugerahan Apple Teacher kepada 65 warga UKM oleh syarikat Apple selain menjadi perintis kepada universiti awam lain kerana menjadi yang pertama menerima sijil akreditasi APEL.Q oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

TERAS melonjak kebolehpasaran graduan UKM dengan menghasilkan graduan yang boleh mencipta pekerjaan (job creator). Pemenang tempat pertama Anugerah Perusahaan Graduan Terbaik di Majlis Anugerah Keusahawanan Kementarian Pengajian Tinggi (KPT) 2021 iaitu Bulan Bintang Clothing Sdn. Bhd merupakan syarikat pembekal baju melayu yang diasas oleh saudara Azzim Zahid, graduan UKM dalam jurusan Komunikasi Media. Syarikat dengan jualan melebihi 10,000 unit ini telah memberi peluang kepada graduan UKM yang lain untuk sama-sama menjana pendapatan sebagai wakil penjual. Selain Azzim, ramai lagi graduan UKM yang berjaya menjadi usahawan seperti Saudari Aisyah Hijanah Azhari (Hijanah Haul Holdings Sdn. Bhd), saudari Nurfarahin Shakila Mohd Razali (Rokmal Alfan Enterprise), saudara Aidil Idzham Riza (Aidl Resources), saudara Helmi Hafizi Basri (HHZ Production), saudari Suriya Vathi Subramanian (NS Surprise Box) dan ramai lagi. Sepanjang tahun 2021, UKM telah menganjurkan lebih 100 program bagi tujuan perluasan kerjaya pelajar termasuk program di bawah Dana PENJANA KPT-CAP dan Dana KPT-PACE. Hasilnya, kadar kebolehpasaran graduan UKM 2021 mencapai 87.9% dan UKM berada di tempat ke-2 bagi keseluruhan universiti awam.

TERAS melebar jaringan strategik antarabangsa membolehkan UKM MARA untuk menjadi universiti terkemuka dunia. Penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2022 menyaksikan UKM pada tahun 2021, berada di kedudukan 144 terbaik dunia. Manakala bagi QS Asia University Ranking, UKM meningkat ke kedudukan 33 terbaik di Asia sekaligus, diiktiraf sebagai universiti 11% terbaik dunia. COVID-19 tidak menghalang UKM untuk melebarkan jaringan dengan pelbagai rakan strategik di dalam dan luar negara berteraskan pengantarabangsaan. Antara rakan antarabangsa UKM adalah National University of Singapore (Singapura), Tecnológico de Monterrey (Mexico), Universidad de Guanajuato (Mexico), University of Alberta (Kanada), McMaster University (Kanada), University of Tsukuba (Jepun), Kyoto University (Jepun), Kansai University (Jepun), IPB University (Indonesia), Jeonbuk National University (Republik Korea) dan banyak lagi. Jaringan strategik dalam dan luar negara diutuhkan lagi dengan keahlian UKM dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti The Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP), University of the Mobility for the Asia and the Pacific (UMAP), ASEAN University Network (AUN), University Alliance in Talent Education (UAiTED), President’s Forum of Southeast Asia and Taiwan Universities (SATU), ASEA-Europe University Network (ASEA-UNINET), The Association of Southeast Asia Institutions of Higher Learning (ASAIHL), Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN), The Talloires Network of Engaged Universities (Talloires Network) dan Global University Network for Innovation (GUNI).

TERAS menyerlah pemerkasaan dan kelestarian kecemerlangan bakat dalam usaha berterusan bagi memperkasa dan mengukuhkan kebitaraan UKM. Tahun 2021 menyaksikan, UKM melantik seramai 122 orang di bawah Skim Lantikan Khas yang melibatkan 34 orang Profesor Antarabangsa Tersohor, 42 Profesor Adjung, 1 Felo Antarabansga Tersohor, 23 Profesor Kehormat, 13 Profesor Pelawat dan sebagainya. Selain itu, 27 warga UKM diluluskan bercuti belajar dan 13 diluluskan cuti sabatikal yang melibatkan institusi dalam dan luar negeri. Bakat UKM diperkasa dengan kewujudan dua sistem utama iaitu Sistem Pengurusan Pembangunan Bakat (Urus Bakat) dan Pelantar Maya Pembestarian Bakat (MayaBestari@UKM) yang bertujuan merangkumkan data bagi program Pembangunan dan pengukuhan kompetensi warga UKM.

TERAS melestarikan prakarsa pendanaan secara bersepadu selaras dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. UKM sentiasa terus memperkukuh dan meningkatkan hasil penjanaan dalaman universiti dan penjimatan menerusi aktiviti penjanaan pendapatan dengan mengoptimumkan sumber, aset dan idea penjanaan sedia ada atau baharu untuk melestarikan kewangan universiti bagi mengekalkan kecemerlangannya. Tahun 2021, menunjukkan penjanaan sumber dalaman adalah berjumlah RM437.7 juta. Selain itu, peningkatan hasil Kursi pada tahun 2021 sebanyak 100% (RM15 juta) berbanding tahun 2020 dan hasil Endowmen menunjukkan peningkatan sebanyak 29% (RM3.12 juta) berikutan peningkatan penerimaan sumbangan daripada pelbagai pihak kepada universiti. Prestasi kutipan keseluruhan Wakaf Am dan Wakaf Khas bagi tahun 2021 berjumlah RM549,165.21, dengan peningkatan sebanyak 164% berbanding tahun RM 207,827.08 bagi tahun 2020. Kutipan zakat tahun 2021 juga menunjukkan peningkatan sebanyak 6% (RM0.8 juta) dan agihan oleh UKM 50% dari jumlah zakat yang dikutip juga menunjukkan peningkatan sebanyak 29% (RM1.71 juta).

Program Pengajian : Bioteknologi Tumbuhan
Tahun Pengajian Semasa : Tahun 3
Tempat Kelahiran : Baling, Kedah
Tarikh perniagaan : Ogos 2020
No. pendaftaran SSM : 003243338-A
Nama perniagaan : HappyBox Gift Legacy
Nama produk : Suprise Box
Jenis produk : Suprise Box
Status produk : Produk Sendiri
Dijalankan secara : Atas talian, fizikal
- beroperasi dari rumah
Alamat Perniagaan : Kampung Banggol Glugor, Bongor, 09100, Baling, Kedah
Tempoh perniagaan : 1 tahun 6 bulan
Kotakcokelat | Kotakcokelat | Shakirahnahar1997@gmail.com


"Bertindak Segera"
Usahawan SISWA
Harun bin Muzhaffar Anbu
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Program Pengajian : Kerja Sosial
Tahun Pengajian Semasa : Tahun 3
Tempat Kelahiran : Sg. Buloh Selangor
Tarikh perniagaan : 23 Mac 2021
No. pendaftaran SSM : CA0320910-X
Nama perniagaan : De'Qasha
Nama produk : De'Qasha
Jenis produk : Pewangi/Air Freshener
Status produk : Produk Sendiri
Dijalankan secara : Atas talian, fizikal
- beroperasi dari rumah
Alamat Perniagaan :
Tempoh perniagaan : 2 bulan
deqasha.official | deqasha_official | deqasha | harunmuzhaffar98@gmail.com


"Buat apa pun kerana Allah, InshaAllah semua pasti akan boleh "
Bil. Ejen
24
Orang Ejen
Usahawan SISWA
Mohammad Hakimi Bin Mazei
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Program Pengajian : Ekonomi
Tahun Pengajian Semasa : Tahun 2
Tempat Kelahiran : Kota Bahru,Kelantan
Tarikh perniagaan : Julai 2018
No. pendaftaran SSM : 002987262-H
Nama perniagaan : MOHAMMAD HAKIMI BIN MAZEI
Nama produk : Tune Talk
Jenis produk : Telco
Status produk : Agent
Dijalankan secara : Atas talian, - beroperasi dari rumah
Alamat Perniagaan :
Tempoh perniagaan : 35 bulan
Hakimimazei | Hakimimazei | Hakimimazei | Haxkimie@gmail.com


"Tidak boleh buat semua, jangan tinggal semua"
RUDEGRAPHER
Usahawan SISWA
Muhammad Arif Budiman B. Mohammad Hakim
Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Program Pengajian : Perakaunan
Tahun Pengajian Semasa : Tahun 3
Tempat Kelahiran : Cheras
Tarikh perniagaan : Ogos 2020
No. pendaftaran SSM : 003152544-V
Nama perniagaan : Rudegrapher Production
Nama produk : Produksi media
Jenis produk : Media
Status produk : Produk Sendiri
Dijalankan secara : Atas talian, fizikal
- beroperasi dari rumah
Alamat Perniagaan : No 3, Jalan 8/32c, Seksyen 8, Bandar Baru Bangi
Tempoh perniagaan : 11 bulan
RUDEGRAPHER PRODUCTION | abby99.hakim@gmail.com


Perluasan Kerjaya Pelajar

Sepanjang tahun 2021, Universiti melalui Pusat Pembanguan Karier UKM (UKM-Karier) telah menganjurkan lebih 100 program perluasan kerjaya pelajar seperti ceramah kerjaya, klinik resume, karnival kerjaya, lawatan industri, *mock interview* dan pelbagai lagi. Kesemua aktiviti ini melibatkan kerjasama dengan pihak industri sebagai penceramah bertujuan mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar. Pelbagai program peningkatan kemahiran di bawah Dana PENJANA KPT-CAP dan Dana KPT-PACE telah dijalankan sepanjang 2021. Antara program yang menarik perhatian adalah penganjuran UKM Halal Industry Training Scheme (UKM HITS) dan kesemua peserta telah berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.

UKM-Karier juga telah menganjurkan *Virtual Career Exhibition* bersempena Karnival Konvokesyen UKM bermula pada 22 November – 11 Disember 2022. Sebanyak 35 syarikat telah terlibat dalam acara ini yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan latihan industri.

"Pelbagai program peningkatan kemahiran di bawah **Dana PENJANA KPT-CAP** dan **Dana KPT-PACE** telah dijalankan **sepanjang 2021**."





Virtual Career Exhibition

Pandemik COVID-19 telah membawa banyak perubahan dalam penganjuran Karnival Kerjaya tahun 2021. Penganjuran ini diadakan secara dalam talian dan melibatkan 35 buah syarikat yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan latihan industri.


Program Dan Pengiktirafan Genius@Pintar UKM

Tawaran biasiswa ke Universiti Tersohor

Pusat GENIUS@Pintar Negara (PGPN) sentiasa komited dalam memastikan kemenjadian holistik pelajar dan alumni, sama ada yang sedang berada di pusat ini atau yang sedang melanjutkan pengajian pada peringkat lebih tinggi. Kerjasama yang baik secara berterusan dengan pihak penaja telah membuka jalan dan peluang kepada pelajar dan alumni PGPN untuk mendapat tawaran biasiswa. Selain itu, prestasi pembelajaran yang cemerlang beserta hasil penyelidikan dan sikap kepimpinan yang tinggi telah menyumbang kepada kejayaan para pelajar dan alumni untuk mendapat tempat/ ditawarkan ke tempat pengajian dibeberapa buah universiti terkemuka di luar negara khususnya di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Pada tahun 2021, seramai 38 pelajar (ALUMNI program Kolej GENIUS@Pintar Negara dan ASASIpintar) berjaya mendapat tawaran biasiswa untuk melanjutkan pengajian pada peringkat persediaan, ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah di universiti serata dunia. Seramai 24 pelajar dan alumni sedang melanjutkan pengajian mereka di dalam negara dan 14 yang lain di luar negara dalam pelbagai bidang khususnya STEM.

"Seramai 38 pelajar (ALUMNI program **Kolej GENIUS@Pintar Negara** dan **ASASIpintar**) berjaya mendapat tawaran biasiswa untuk melanjutkan pengajian pada peringkat **persediaan**, **ijazah pertama, sarjana** dan **doktor falsafah** di **universiti serata dunia."**




Rajah 13: Senarai Penaja Biasiswa Tahun 2021

Pencapaian Pelajar Genius@Pintar



Ummi Khalidah binti Azman
The Most Convincing Speech
Program Kolaborasi Antarabangsa
Virtual Ballon Debate
SMK Raja Permaisuri Bainun, Perak
15 Oktober 2021



Muhammad Syarif bin Mohd Shariful Azwan
Anugerah Delegasi Terbaik
Taldykorgan Model United Nations
Taldykorgan Nazarbayev Intellectual School
5 - 6 Jun 2021



Wong Chin Wen
Tempat Pertama
All-Star Youth Online Chess Championship
X-Chess Academy
3 April 2021



Muhammad Amir Rafiq bin Rafee
Honorable Mention
XXIX International Philosophy Olympiad (eIPO2021)
27 - 3 Mei 2021



Pingat Emas
"Asian Youth Innovation Awards 2021"
Malaysia Technology Exhibition (MTE 2021)
22 - 26 Mac 2021



Pingat Emas dan Hadiah Utama
"Using Computer- Brain Interface for Rehabilition Purpose for Amputated and Paralyzed Patients"
Malaysian Young Scientists Conference & Exhibition (MYSCE 2021)
5 Feb - 23 Apr 2021



Pingat Emas
"SN Bracelet as Alerting Device"
(World Young Inventors Exhibition)
International Invention, Innovation and Technology Exposition ITEX 2021
26 Nov - 9 Dis 2021




Tempat pertama
National Science & Math Quiz 2021
(State Level Challenge)
USCI University
17 Julai 2021

Kebolehpasaran Graduan

UKM perlu memastikan graduan yang dilahirkan adalah berkualiti dan sentiasa relevan dalam memenuhi kehendak majikan dan akhirnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, kebolehpasaran graduan dijadikan sebagai agenda utama universiti yang perlu dicapai seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik UKM 2021–2025. Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 yang menjadi panduan kepada semua universiti awam dan swasta dalam merancang dan melaksana aktiviti berkaitan kebolehpasaran graduan dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti dan daya saing yang tinggi.

Pada tahun 2021, seramai 7,708 (94.4%) graduan UKM telah memberi maklum balas mengenai status pekerjaan melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG). Hasil daripada kajian tersebut, kadar kebolehpasaran mencatat sebanyak 87.9%. Kadar ini telah meningkat sebanyak 4.5% berbanding tahun 2020 (83.4%). Peningkatan ini disebabkan oleh inisiatif Dana PENAJA KPT-CAP yang menjanjikan peluang pekerjaan kepada graduan serta peningkatan pengambilan tenaga kerja oleh majikan berikutan pembukaan pelbagai sektor ekonomi selepas tempoh pandemik COVID-19.


"Kadar kebolehpasaran mencatat sebanyak **87.9%**. Kadar ini telah meningkat sebanyak **4.5%** berbanding tahun **2020 (83.4%)**. Peningkatan ini disebabkan oleh inisiatif **Dana PENAJA KPT-CAP"**



KADAR GE: 87.9% (6398)


STATUS PEKERJAAN	PERATUS (BILANGAN GRADUAN)
Bekerja	72.8% (5691)
Melanjutkan pengajian	4.9% (357)
Meningkatkan Kemahiran	1.8% (134)
Menungggu Penempatan	3.0% (216)
Belum Bekerja	12.1% (880)
JUMLAH	**7278**

Rajah 15: Perbandingan Kadar Kebolehpasaran Graduan UKM (2017 – 2021)



Catatan: GE meliputi status Bekerja; Melanjutkan Pengajian: Meningkatkan Kemaniran: dan Menunggu Penempatan





Sumber: Laporan awal kajian pengesanan Graduan 2021, KPT

CATATAN:
UKM mencatatkan peratus **BEKERJA** kedua tertinggi (79%) berbanding graduan UA yang lain.

Rajah 16: Perbandingan Graduan Bekerja antara UA Tahun 2021 (Warganegara)



Pengantarabangsaan, Industri, Alumni dan Komuniti


Antarabangsa, Industri, Alumni dan Komuniti

UKM sebagai sebuah universiti watan sentiasa mengutamakan komuniti tempatan dan antarabangsa dalam setiap gerak langkahnya. Fakta ini telah diterapkan secara jelas dalam Visi UKM, iaitu 'UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia'.

Pembabitan pelbagai pihak, iaitu rakan antarabangsa, industri, alumni dan komuniti dalam memperkaya dan memperkukuh jenama UKM di peringkat kebangsaan dan persada antarabangsa semakin menampakkan hasil dengan peningkatan bilangan pelajar antarabangsa di UKM dan juga senarai alumni yang semakin gah.

Dalam mendepani cabaran pandemik global, terutama dengan kekangan pergerakan fizikal di seluruh dunia, UKM terus memperkukuh hubungan dengan rakan strategik di dalam dan luar negara menggunakan pelbagai kaedah komunikasi melalui e-mel, mesyuarat dalam talian dan penganjuran webinar. Warga UKM juga mendapat lebih banyak peluang untuk mengerat hubungan dan menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh rakan strategik antarabangsa yang dianjurkan secara dalam talian. Secara tidak langsung, hal ini mampu memperkasa talent di UKM dengan pendedahan kepada pengalaman antarabangsa.

Pandemik COVID-19 tidak mematahkan semangat UKM dalam meneruskan aktiviti membantu masyarakat. Di saat negara menjalani Perintah Kawalan Pergerakan, pelbagai inisiatif membantu mangsa COVID-19, musibah banjir dan juga kepada asnaf yang memerlukan telah dilaksanakan. Dengan sokongan padu kakitangan, pelajar dan alumni serta pemegang taruh UKM, bantuan dapat diberikan kepada masyarakat. Ini jelas menunjukkan UKM sebagai sebuah universiti watan yang prihatin.



"Apabila amalan itu telah menjadi darah daging maka kita akan selamat. Bersyukur kepada Allah dan jangan takbur"

Mat Kilau

Jaringan Strategik Antarabangsa

Penarafan Antarabangsa

Pada tahun 2021, ketika dunia masih berjuang melawan pandemik global, UKM terus relevan di dunia pendidikan tinggi.

Penarafan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2022* menyaksikan UKM berada di kedudukan 144 terbaik dunia. Manakala bagi QS Asia University Ranking 2022, UKM meningkat ke kedudukan 33 terbaik di Asia.

No	Perkara	2020	2021	2022
1	QS World University Ranking	160	141	144
2	Times Higher Education University Ranking	601 - 800	601 - 800	601 - 800



Pertubuhan Antarabangsa

UKM menjadi ahli kepada pelbagai pertubuhan antarabangsa dalam usaha memantapkan jaringan antarabangsa UKM dan memperkukuhkan jaringan kolobarasi akademik dan penyelidikan:

- Naib Canselor UKM merupakan salah seorang Lembaga Eksekutif bagi The Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP) tahun 2021–2022. AUAP adalah adalah sebuah Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang memegang status perundingan formal tertinggi dengan UNESCO. AUAP menganjurkan persidangan dan bengkel secara berkala untuk pemimpin dan institusi pendidikan tinggi di rantau Asia Pasifik untuk membincangkan isu-isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh pendidikan tinggi.
- UKM memegang peranan aktif sebagai Sekretariat Kebangsaan di Malaysia bagi University of the Mobility for the Asia and the Pacific (UMAP) semenjak 2015 sehingga kini. Keahlian UMAP adalah melebihi 600 institusi pengajian tinggi dari 35 buah negara.
- UKM memainkan peranan yang aktif di dalam ASEAN University Network (AUN) dengan menerajui dua Jaringan Bertema (Thematic Network) seperti di bawah. Terdapat lebih dari 30 buah universiti dan institusi pengajian tinggi yang menyertai AUN:
  - AUN -ASEAN Economic Community (AUN-AEC) yang diterajui oleh IKMAS
  - AUN University Social Responsibility & Sustainbility (AUN-USR&S) yang diterajui oleh UCTC
- Selain itu, UKM turut menganggotai University Alliance in Talent Education (UAiTED), President's Forum of Southeast Asia and Taiwan Universities (SATU), ASEA-Europe University Network (ASEA-UNINET), The Association of Southeast Asia Institutions of Higher Learning (ASAIHL), Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN), The Talloires Network of Engaged Universities (Talloires Network) dan Global University Network for Innovation (GUNI).

Jaringan Bersama Universiti Antarabangsa

Sepanjang 2021, UKM menggunakan platform dalam talian untuk kekal berhubung dengan rakan strategik sedia ada dan mengambil peluang ini untuk menerokai peluang kerjasama dengan rakan berpotensi dari dalam dan luar negara. Kebanyakan perbincangan berkisar berkenaan potensi mobiliti kakitangan dan pelajar, kolaborasi penyelidikan, permohonan geran antarabangsa serta perkongsian kepakaran dan penerbitan. Sesi perbincangan ini turut melibatkan perwakilan dari fakulti, institut dan pusat yang berkaitan.


Pada 2021, UKM Global telah mempengerusikan dan menghadiri sebanyak 63 mesyuarat dalam talian dengan pelbagai rakan strategik di dalam dan luar negara berteraskan pengantarabangsaan.

Rakan antarabangsa ini termasuk National University of Singapore (Singapura), Tecnológico de Monterrey (Mexico), University of Alberta (Kanada) dan McMaster University (Kanada).

> "Pada 2021, **UKM Global** telah mempengerusikan dan menghadiri **sebanyak 63 mesyuarat** dalam talian dengan pelbagai **rakan strategik** di dalam dan **luar negara berteraskan pengantarabangsaan."**




Mesyuarat bersama
Lobachevsky University, Rusia




Mesyuarat bersama
McMaster University, Kanada




Mesyuarat bersama
Macquarie University, Australia



Mesyuarat bersama
Tsuda University, Jepun



Mesyuarat bersama
Tecnológico de Monterrey, Mexico



Mesyuarat bersama
Memphis University, Egypt

Jaringan Bersama Kedutaan

UKM terus memelihara hubungan baik dengan kedutaan asing di Malaysia melalui pertemuan dan perbincangan dalam talian. Peluang berbincang secara dalam talian ini dimanfaatkan oleh pihak terlibat untuk merancang pelbagai acara dan kadeah untuk mengeratkan hubungan di antara UKM dengan pihak Kedutaan secara khususnya serta hubungan dua hala bagi kedua-dua negara secara amnya.

Antara kedutaan asing di Malaysia yang telah berhubung dengan UKM adalah Kedutaan Hungary dan High Commision of Canada.

Pertemuan dengan rakan di High Commission of Canada juga telah memudah cara gapaian UKM kepada rakan strategik berpotensi di Kanada seperti University of Alberta, Carleton University, Ryerson University, Dalhousie University dan Lakehead University untuk membincangkan pelbagai peluang kerjasama termasuk permohonan geran antarabangsa.

UKM turut mengadakan mesyuarat dengan British Council (Malaysia) bagi memperkenalkan UKM kepada rakan strategik berpotensi di United Kingdom untuk turut sama memohon geran antarabangsa

Turing Scheme. Melalui British Council (Malaysia), UKM telah mengadakan sesi perbincangan dengan beberapa universiti di United Kingdom seperti Birmingham City University, Swansea University, Edge Hill University dan University of Greenwich.



Mesyuarat bersama
High Commision of Canada (Malaysia)




Mesyuarat bersama
British Council (Malaysia)



Mesyuarat bersama
Carlton University, Canada



Mesyuarat bersama
Dalhousie University, Canada



Mesyuarat bersama
Swansea University, United Kingdom

Penganjuran Webinar

Penganjuran webinar masih lagi giat dijalankan sepanjang 2021. Sepanjang 2021, sebanyak 1,800 webinar antarabangsa telah dicatatkan dan dianjurkan oleh pelbagai pusat tanggungjawab di UKM berkaitan bidang masing-masing. Penganjuran webinar ini mempamerkan ketangkasan UKM dalam mendepani halangan fizikal oleh pandemik global COVID-19 dalam pengembangan ilmu kepada masyarakat setempat dan antarabangsa.

Pada tahun 2021, UKM Global telah menganjurkan lapan (8) webinar bertaraf antarabangsa dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tertinggi (AKEPT), National Cheng Kung University Overseas Hub in Malaysia (NCKU OH Malaysia) dan Toshiba International Foundation (TIFO).

Siri webinar ini menyaksikan penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti Presiden, Naib Canselor, Rektor, Timbalan Naib Canselor dan perwakilan Pusat Hubungan Antarabangsa, ahli akademik dan penyelidik serta pelajar dari kalangan rakan strategik universiti antarabangsa.

Antara universiti rakan antarabangsa yang terlibat adalah University of Tsukuba (Jepun), Kyoto University (Jepun), Sophia University (Jepun), Kansai University (Jepun), Toyo University (Jepun), Tokyo University of Foreign Studies (Jepun), IPB University (Indonesia), Jeonbuk National University (Republik Korea) dan Universidad de Guanajuato (Mexico).

AKEPT Global Series 4: University Presidents Forum in collaboration with UKM

Universities Leadership in Challenging Times. And the Way Forward

- 450 kehadiran
- 18 negara
- Facebook: Reach 22106, View 6900, Engagement 2367, Share 72

10/02/2021 @ 10.00 am





National Cheng Kung University Overseas Hub in Malaysia (NCKU OH Malaysia) in Collaboration with International Relations Centre (UKM Global) Webinar

International Strategies on Student Mobility in the Era of a Global

- 330 kehadiran
- 16 negara
- Facebook: Reach 3471, View 1100, Engagement 390, Share 24

25/05/2021 @ 10.00 am



National Cheng Kung University Overseas Hub in Malaysia (NCKU OH Malaysia) in Collaboration with UKM International Relations Centre (UKM Global) Webinar

Virtual Student Mobility During COVID-19 from Students' Perspective

- 105 kehadiran
- 4 negara
- Facebook: View 1100

22/10/2021 @ 8.30 pm

UKM Global Webinar Series supported by Toshiba International Foundation n

Internationalization Experience of Higher Education Institutions in Japan and Malaysia

- 322 kehadiran
- 10 negara
- Facebook: Reach 770, View 425, Engagement 254, Share 16

29/10/2021 @ 10.00 am



UKM Global Webinar Series supported by Toshiba International Foundation

The Internationalization Experience of Higher Education Institutions in Japan and Malaysia

- 185 kehadiran
- 12 negara
- Facebook: Reach 3600, View 1100, Engagement 382, Share 15

30/08/2021 @ 10.00 am





UKM Global Webinar Series supported by Toshiba International Foundation

The Importance of Associations in the Internationalization Strategies of Universities

- 216 kehadiran
- 13 negara
- Facebook: Reach 721, View 321, Engagement 191, Share 9

22/11/2021 @ 10.00 am



UKM Global Webinar Series supported by Toshiba International Foundation

Transdisciplinary Education and the Growth of Global Citizens

- 313 kehadiran
- 12 negara
- Facebook: Reach 1426, View 731, Engagement 431, Share 18

28/09/2021 @ 10.00 am

UKM Global Webinar Series supported by Toshiba International Foundation


Embracing Language and Culture Through Internationalization

- 230 kehadiran
- 10 negara
- Facebook: Reach 425, View 233, Engagement 232, Share 15

08/12/2021 @ 2.30 pm




International Webinar on
Covid-19 and Law
18 February 2021 (Thursday)
2.00 pm – 6.00 pm
Platform Zoom Meeting
Free registration for UKM staff and students
Registration fee for public: RM50/pax


Clarivate
Research and Publishing Integrity – Through the author and journal lens
5th Oct 2021 (Tues) 2.30 – 4pm KL Time
Click here to register: https://bit.ly/3z5DZo3
Organised in collaboration with:


FORUM HADHARI BIL 1-2021
IMPACT OF COVID-19 ON THE ECONOMY AND ITS RECOVERY POTENTIALS USING ISLAMIC ECONOMIC INSTRUMENTS
https://bit.ly/forum1-2021
THURSDAY 10.00 A.M. - 12.00 P.M.
25 MARCH 2021


IDEA
Bicara Penyelidikan: Soal Perkongsian
L'ORÉAL-UNESCO For Women In Science National Awards
19 Julai 2021
10:00 A.M
ISNIN
webex by CISCO
Panel:
Prof. Dr. Huda Abdullah
Moderator:
Dr. Nadirah Hani Jamadon
TERBUKA KEPADA PENYELIDIK WANITA DALAM BIDANG SAINS BERUMUR 40 TAHUN KEBAWAH


4th International
SEMINAR
ON ISLAMIC CIVILIZATION (ISIC 2021)
5 & 6 Februari 2021
(23 & 24 Jamadilakhir 1442-1443H)
Theme: Movements & Ideologies in The Pre-Modern & Modern Islamic World


WEBINAR :
DENTAL OPERATORY IN COVID-19 ERA
Faculty of Dentistry, UKM
July 29, 2021 (Thursday)
2pm - 5pm
YouTube LIVE STREAM
Speakers:
Understand the challenges and updates in providing safe dentistry with the experts:
Good air quality - What does it mean to dentistry?
Making dentistry safer during the pandemic - What have we learned so far?
Innovative solutions for disinfection in dental practices
Newcastle University


IDEA FAKULTI PERUBATAN
NON-COMMUNICABLE DISEASE (NCD)
ROUND TABLE DISCUSSION SERIES
CARDIOVASCULAR SYSTEM
FORUM: THE NEXT LEVEL OF NCD RESEARCH IN CARDIOVASCULAR SYSTEM
SAVE THE DATE
08 OCTOBER 2021
4.00 PM (MYT)
PANEL
MODERATOR
Organized by
HEALTH AND ADVANCED MEDICINE CLUSTER


IDEA FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI ATAN KITA
NON-COMMUNICABLE DISEASE (NCD)
ROUND TABLE DISCUSSION SERIES
FORUM: THE NEXT LEVEL OF GUT RESEARCH
SAVE THE DATE
22 OCTOBER 2021
10.00 AM (MYT)
PANEL
MODERATOR
Organized by
HEALTH AND ADVANCED MEDICINE CLUSTER


IDEA KPT SIRI 1/2021
BICARA PENYELIDIKAN
A7
2 CPD POINT
IDEA EMB
TECHNICAL WEBINAR
TECHNOLOGICAL ADVANCES FOR MANAGING CHRONIC PAIN
PANEL
CHRISTOPHER J. GILLIGAN, MD, MBA
MODERATOR
ASSOC. PROF. DR. TOH CHARNG JENG


ICEEI2021
THE 8th INTERNATIONAL CONFERENCE ON ELECTRICAL ENGINEERING AND INFORMATICS
12 - 13 OCTOBER 2021 • Innovation in Sustaining Digital Society
www.ftsm.ukm.my/iceei2021
Virtual Conference
OFFICIATED BY
YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
KEYNOTE SPEAKER
Prof. Dr. Magne Jorgensen


NO GOING BACK!
29TH JUNE 2021
12PM-2PM (MYT)
Live on FB
Join us as we discuss a world of 3 Zeros.
Zero Net Carbon Emission, Zero Poverty, Zero Unemployment
COUNTRY FORUM MALAYSIA
myHarapan
in conjunction with the Social Business Day 2021


RICEUKM
INOVASI
SERIES 4/2021
CAISER
ALL ARE CORDIALLY INVITED!
WAY OF TECHNOLOGY : FROM LAB TO MARKET
LIVE WEBINAR
SCAN QR CODE
FREE PARTICIPATION!
DATE :
24 AUGUST 2021 (TUESDAY)

Penganugerahan/ Pengiktirafan Antarabangsa

Sepanjang tahun 2021, kepakaran dan sumbangan UKM serta warganya terus diiktiraf oleh umum, sama ada di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa.

Budaya kecemerlangan dalam kalangan warga UKM memberi nilai tambah kepada ciri kepimpinan dalam kalangan warga UKM menerajui masyarakat serta menjadi contoh kepada masyarakat umum.






































Mobiliti Antarabangsa Pelajar UKM

Pada tahun 2021, program pengantarabangsaan telah dijalankan di sembilan (9) buah negara melibatkan 15 institusi. Sejumlah 17 program berkredit dan tanpa kredit yang melibatkan 62 orang pelajar dari pelbagai fakulti dan institut telah dilaksanakan dengan jayanya.


Program yang dijalankan merangkumi pertukaran pelajar, mobiliti, latihan industri dan kajian penanda aras. Setiap program mempunyai elemen teras dan prakarsa yang didukung oleh UKM antaranya kerjaya, kepimpinan, nilai murni, inovasi, kreativiti dan kemasyarakatan yang dapat memberi nilai tambah kepada pelajar secara holistik. Hal Ehwal Pelajar UKM sentiasa memberi sokongan kepada pelajar dalam menjalankan program pengantarabangsaan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan keunggulan global UKM.

> "Program yang dijalankan merangkumi **pertukaran pelajar**, **mobiliti, latihan industri** dan **kajian penanda aras.**"

Jaringan Industri

Pada tahun 2021 sebanyak lebih 180 dokumen kerjasama (MoU/ MoA) baharu telah termeterai antara UKM dengan pelbagai organisasi yang melibatkan Agensi, Industri (Syarikat), Institusi dan NGO. Sebanyak lebih 35% kerjasama tersebut adalah melibatkan industri.

Sebanyak lebih 400 aktiviti di bawah MoU/ MoA yang masih aktif/ sedia ada telah dilaporkan diadakan sepanjang 2021.



Rajah 17: Aktiviti di Bawah Dokumen Kerjasama (MoU/MoA) 2021

Aktiviti di Bawah MoU/MoA
















UKM (CITRA) menandatangani MoA Work Based Learning 2021 bersama sembilan (9) syarikat

Pada tahun 2021 juga, sebanyak lebih 900 aktiviti (tanpa dokumen kerjasama Mou/ MoA) telah dijalankan oleh UKM bersama pihak industri yang merangkumi aktiviti akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.



Rajah 18: Aktiviti Bersama Industri- Tanpa Dokumen Kerjasama 2021

Aktiviti Bersama Industri (Tanpa MoU/MoA)













Aktiviti Profesor Adjung

Pada tahun 2021, UKM mempunyai lebih 50 Profesor Adjung yang terdiri daripada tokoh industri yang mempunyai pengalaman yang luas dan bidang kepakaran masing-masing yang telah dilantik di 19 Pusat Tanggungjawab (PTj) di UKM.









Antara tanggungjawab Profesor Adjung di UKM adalah:


1. memberikan seminar, bengkel, syarahan khusus dan memberi kuliah khusus sekiranya diperlukan sebagai tenaga pengajar oleh PTj;
2. memberi pandangan kepada PTj untuk memantapkan kurikulum dan program-program baru yang dikenal pasti PTj;
3. digalakkan untuk menerbit artikel/penulisan.











Alumni

Chapter Antarabangsa

Webinar IKA UKM Indonesia

Inisiatif membina jaringan berimpak tinggi bersama alumni merupakan salah satu teras khidmat ALUMNI-UKM. Jaringan-jaringan yang membuka ruang kolaborasi berkesan amat digalakkan. Antara kejayaan pusat adalah dapat mewujudkan Chapter Antarabangsa Alumni UKM Indonesia atau nama rasminya Ikatan Keluarga Indonesia (IKA) dan kini, dalam perbincangan mengenai penubuhan Chapter Alumni China dan Libya.

Penubuhan *chapter-chapter* ini dapat mengembangkan jaringan di samping dapat mempromosikan program pengajian universiti. Majlis Alumni UKM turut menjadi penghubung untuk pembentukan Chapter Alumni China.





Program Alumni Sepanjang Pandemik COVID-19

Sumbangan Portable Oxygen Concentrator (POC) dan Power Air Purifying Respirator (PAPR) kepada HCTM

Majlis Serahan Peralatan Perubatan kepada Hospital Canselor Tunku Muhriz telah berjaya dilaksanakan dengan penyerahan 80 unit Portable Oxygen Concentrator (POC) dan 15 unit Power Air Purifying Respirator (PAPR) oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat) Prof. Dato' Dr. Norazah Mohd Nordin kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM.

Sebahagian daripada sumbangan adalah daripada Presiden Sayling Wen Cultural & Educational Foundation (Datuk Wira Wen Tai Chun dan isteri, Datin Wira Audrey Yang), iaitu sumbangan 1,050 pasang Isolation Coverall PPE dan 10 unit 5L Oxygen Concentrator.

Semasa tempoh pandemik COVID-19, ALUMNI-UKM turut tidak terkecuali melaksanakan pelbagai aktiviti bagi membantu komuniti dan meringankan beban pesakit dan hospital. Antara program yang telah dijalankan adalah penjanaan dana untuk pembelian Portable Oxygen Concentrator (POC) dan Power Air Purifying Respirator (PAPR) untuk disumbangkan kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz. Sebanyak RM468,592.62 dana telah berjaya dikumpul hasil kutipan daripada para alumni, warga dan masyarakat. Selain daripada peralatan bantuan perubatan, kutipan bagi sumbangan PPE kepada HTCM juga telah berjaya dijalankan.

Ini jelas menandakan keprihatinan alumni UKM dan rakan industri dalam membantu negara yang mendokong aspirasi UKM sebagai sebuah universiti watan yang mendokong dan mendaulatkan amanah negara.





"Ini jelas menandakan **keprihatinan alumni UKM** dan rakan industri dalam membantu **negara"**

Sumbangan kepada Pusat Pemberian Vaksin UKM (PPVUKM)

UKM telah dipilih sebagai salah satu Pusat Pemberian Vaksin (PPVUKM). Sepanjang tempoh UKM menjadi PPV, di antara sumbangan alumni UKM yang memberi nilai tambah kepada PPV UKM adalah sumbangan 12 unit kerusi roda,

petugas, dua buah kanopi, satu unit air cooler, 3,600 botol minuman beroksigen serta pek makanan bagi petugas yang semuanya berjumlah hampir RM36,000.00.









Program Anjuran Fakulti Bersama Alumni

Perkongsian Ilmu Bersama Alumni





Alumni merupakan aset kepakaran yang besar dan universiti perlu mengambil peluang ini dengan menyediakan platfom untuk mereka menyumbang ilmu dan kepakaran semula kepada alma mater. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, fakulti turut mengambil langkah proaktif dan merebut peluang menyediakan platform perkongsian ilmu secara dalam talian oleh alumni. Perkongsian ini diadakan dalam beberapa bentuk seperti bicara, wahana, syarahan dan forum.

Program perkongsian alumni ini memberi peluang kepada alumni untuk berkongsi pengalaman serta inspirasi kejayaan mereka kepada pelajar UKM mahu pun perkongsian kepakaran bidang masing-masing. Ia merupakan satu pentas terbaik bagi para pelajar dan warga universiti bertemu dengan alumni.







Program Alumni untuk Mahasiswa

Projek Bantuan Insentif Peranti Pelajar UKM






Semasa wabak COVID-19 melanda global, semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan secara dalam talian. Justeru, mempunyai peranti seperti komputer riba merupakan satu keperluan bagi para pelajar.

Alumni turut memberi bantuan sumbangan kewangan maksimum sebanyak RM500 seorang kepada pelajar B40 yang memerlukan dana bagi pembaikpulihan komputer riba untuk membantu pembelajaran mereka.

Pengiktirafan Kepada Alumni

Universiti Kebangsaan Malaysia telah berjaya melahirkan ramai alumni tersohor sama ada dalam sektor perkhidmatan awam, korporat, NGO mahupun keusahawanan. Ramai telah mendapat pengiktirafan dan menjadi pakar rujuk dalam bidang masing-masing. Antara pelantikan penting bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

























Komuniti

Sebagai jambatan penghubung utama universiti dengan komuniti, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UKM berperanan memperkasa komuniti melalui kepakaran universiti bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat sama ada dalam negara atau pun luar negara. Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) yang menjadi paksi kepada kelestarian hubungan dinamik di antara universiti, kerajaan, industri dan juga masyarakat.

Keterlibatan komuniti merupakan suatu interaksi yang bermatlamat, saling menghormati dan produktif antara universiti dengan pemegang berkepentingan di dalam (fakulti, institut, pusat, jabatan, kolej, persatuan) dan luar universiti (industri, komuniti, NGO dan agensi kerajaan) untuk membangunkan kerjasama yang saling bermanfaat. Ia melibatkan kerjasama dan persefahaman untuk membangunkan perkongsian penyelesaian, melalui perkongsian tadbir urus dan aset, dengan matlamat akhir ke arah faedah bersama kepada semua pihak berkepentingan.







Asian Youth Volunteer Programme

Program Sukarelawan Belia e-ASEAN (e-AYVP) Filipina 2021 memfokus kepada bidang tematik Pembangunan Pendidikan, khususnya dalam "Memperkukuh Sistem Penyampaian Pendidikan ASEAN dalam Masa Mencabar". Matlamat utama AYVP adalah untuk memacu kesukarelawanan belia dan pembangunan komuniti yang melibatkan golongan muda dengan sasaran umur demografi antara 18 dan 30 (belia dari pendidikan tinggi, kolej dan profesional bekerja) di seluruh ASEAN.

e-AYVP Philippines 2021 bertujuan untuk membangunkan Pemimpin Pendidikan Belia ASEAN dengan kecekapan dan kemahiran dalam kepimpinan belia, pembangunan pendidikan, dan perkongsian nilai ASEAN melalui semangat kesukarelawanan dan penglibatan masyarakat.

Sepanjang acara 14 hari, 231 belia di seluruh negara ASEAN+3 menyertai program belia serantau yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dianjurkan bersama Universiti Filipina (UP). Semasa AYVP ke-9, penceramah sumber pakar adalah antara wakil daripada organisasi kerajaan dan antarabangsa, fakulti dan pegawai universiti. Bersama-sama, pemimpin belia ASEAN membincangkan amalan dan pengajaran terbaik dalam menangani kaedah penyampaian pendidikan semasa pasca wabak, termasuk penyediaan cadangan projek komuniti dalam talian yang mereka bentangkan sehari sebelum upacara itu. Sebagai sebahagian daripada kesan pengganda dan kemampanan program, pemimpin belia ini akan mengusahakan cadangan Pembangunan Pendidikan dan berpeluang untuk dianugerahkan geran benih *(seed grant)* sehingga USD500 untuk pelaksanaan projek dalam talian di negara asal mereka.





"ASEAN membincangkan amalan dan pengajaran terbaik dalam menangani **kaedah penyampaian pendidikan** semasa **pasca wabak."**





Kerjasama antara belia ASEAN dan institusi rakan kongsi yang terlibat, sudah pasti akan melengkapkan pemimpin belia dengan pengetahuan yang diperlukan dan kemahiran abad ke-21 untuk dapat memimpin belia lain dalam melaksanakan projek komuniti dalam talian di negara asal masing-masing.

Webinar Pendanaan Industri Untuk Projek Komuniti Kongsi Strategi Pendanaan Industri


Webinar Pendanaan Industri untuk Projek Komuniti adalah satu langkah yang baik bagi berkongsi strategi selain mengukuhkah lagi kefahaman serta pengetahuan tentang keperluan mendapatkan dana daripada pihak industri. Webinar ini adalah salah satu wadah kepada seluruh warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk mempersiapkan diri dalam merancang pelaksanaan program pembangunan komuniti yang memberikan impak yang signifikan kepada masyarakat. Ia juga selari dengan hasrat UKM untuk menjana, menyebar dan menerapkan ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakat. Prakarsa universiti untuk masyarakat atau "U4S" yang menitikberatkan pemindahan ilmu dengan pengisian kesarjanaan menggunakan pendekatan quadarplehelix iaitu kolaborasi universiti-agensi-industri-komuniti perlu sentiasa dipupuk sebagai salah satu usaha penambahbaikan kepada inisiatif Program Pemindahan Ilmu.


Gabungan kepakaran serta kemahiran pelbagai pihak dalam UKM juga amat signifikan dalam merealisasikan hasrat komuniti di lokaliti terpilih untuk menuai jasa UKM dalam program yang bersifat lestari dan mampan.

Agenda transformasi masyarakat ini menjadi salah satu keutamaan UKM dalam merealisasikan hasratnya sebagai sebuah universiti watan. Webinar yang dianjurkan oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), dengan kerjasama Pejabat Hubungan Industri (PHI) menampilkan tiga ahli panel, iaitu Prof. Dr. Azizan Ahmad yang merupakan Pengerusi Jabatan Sains Kimia, Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Seri Azalina Mohd Ghazalli, Ketua Jabatan Halal dan Hubungan Kerajaan, Duopharma Biotech Berhad dan Mahyoun Manshor, Setiausaha Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat Berhad.











Misi Bantuan Kasih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



UKM adalah universiti watan kita, ia bermula daripada masyarakat dan kepada masyarakat juga manfaat akan dikembalikan. Misi Bantuan Kasih (MBK) adalah bukti bahawa UKM adalah sebuah universiti yang merakyatkan khidmat dan baktinya. MBK juga merupakan satu tanda betapa prihatinnya warga dan alumni UKM terhadap kesusahan yang dihadapi masyarakat umumnya.

Melalui misi ini, UKM akan sentiasa tersemat di hati masyarakat, dan mereka bukan mengenali UKM sekadar sebagai sebuah gedung ilmu, tetapi sebagai sebuah universiti yang sangat prihatin kepada masyarakat di sekitarnya. Gandingan utuh antara warga dan alumni adalah bukti kejayaan bagi setiap misi yang dianjurkan.

Melalui program-program keterlibatan masyarakat seperti Misi Bantuan Kasih, alumni tidak ketinggalan membantu masyarakat. Mulai Januari 2021, sebanyak enam Misi Bantuan Kasih (MBK) telah dijalankan dengan tujuan untuk membantu masyarakat yang terkesan akibat musibah banjir dan COVID-19. Bantuan turut dihulurkan kepada asnaf yang memerlukan.

Sepanjang tahun 2021, MBK telah dilaksanakan di Kelantan, Pahang, Selangor dan Perak. Pelbagai bentuk sumbangan yang merupakan hasil sumbangan dan keprihatinan warga UKM yang terdiri daripada staf, pelajar dan alumni telah diberi kepada masyarakat sasaran. Dengan penglibatan universiti dan alumni, jelas menunjukkan bahawa UKM dan alumninya amat cakna dan prihatin akan keperluan mendesak masyakarat. Sokongan penuh diberikan terhadap aspirasi universiti sebagai sebuah universiti untuk rakyat.

Mulai Januari 2021, Misi Bantuan Kasih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) digerakkan ke lokasi pertamanya di Kuala Krai, Kelantan untuk memberi bantuan kepada 500 buah keluarga yang terjejas akibat banjir. Fasa pertama misi ini bergerak dengan lima buah kenderaan termasuk sebuah lori ke Kelantan. Turut hadir membantu mengagihkan barangan sumbangan ini adalah ADUN Guchil, Yang Berhormat Helmi Abdullah bersama TaskForce Krai, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Bomba dan Polis Di Raja Malaysia. Hasil sumbangan staf, pelajar, alumni dan masyarakat umum, bantuan berbentuk sumbangan wang tunai, barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak dan sebagainya telah diagihkan kepada mangsa.



Seterusnya, Misi Bantuan Kasih 2.0 digerakkan pada 28 Januari 2021 ke negeri Pahang yang juga merupakan antara negeri paling teruk terjejas dengan bencana banjir pada tahun tersebut. Misi kali ini menumpu perhatian bagi membolehkan beberapa Maahad Tahfiz di Lanchang, Temerloh dan Mentakab beroperasi semula. Agihan juga turut disumbangkan kepada surau dan Masjid di daerah Lanchang dan Temerloh. Misi ini membawa naskah al-Quran dan Yasin, bantal, tikar plastik, sejadah, sabun, pelitup muka dan alat tulis dengan kos keseluruhan melebihi RM25,000.

Tidak ketinggalan, UKM turut membantu masyarakat disekelilingnya. Misi Bantuan Kasih 3.0 bergerak pula pada 28 Februari 2021 ke dua lokasi berhampiran university, iaitu di Seksyen 16, Bandar Baru Bangi dan Kampung Sungai Buah, Dengkil. Tujuan utama bantuan kasih 3.0 adalah untuk membantu masyarakat yang terkesan akibat banjir dan juga penularan COVID-19. Sebanyak 300 bakul keperluan harian diagihkan kepada golong B40 yang terdiri dari ibu tunggal, warga emas, OKU dan orang-orang asli.







Misi Bantuan Kasih 4.0 telah diadakan bagi membantu masyarakat yang terkesan akibat wabak COVID-19 di sekitar Bandar Baru Bangi pada 29 Ogos 2021. Misi kali keempat ini digerakkan bagi membantu 100 buah keluarga daripada golongan asnaf dengan memberi sumbangan keperluan makanan asas seperti beras, sardin, gula, biskut dan lain-lain.

Misi Bantuan Kasih 5.0 telah melaksanakan aktiviti pembinaan surau dan tandas serta membaik pulih prasarana lain yang telah rosak di Kampung Chueh, Pulau Banding, Gerik, Perak. Misi kali kelima ini juga digerakkan bagi membantu 20 buah keluarga orang asli dengan memberi sumbangan keperluan makanan asas seperti beras, sardin, gula dan lain-lain.

Misi Bantuan Kasih 6.0 diadakan bagi membantu warga UKM yang terkesan dengan situasi semasa. Agihan sumbangan telah diserahkan kepada 30 orang warga Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan pasukan MBK akan bergerak ke fakulti lain pula.

"**UKM akan sentiasa tersemat di hati masyarakat,** dan mereka bukan mengenali **UKM** sekadar sebagai sebuah **gedung ilmu**, tetapi sebagai sebuah universiti yang s**angat prihatin kepada masyarakat** di sekitarnya.**"**









Misi Bantuan Banjir UKM

UKM telah mengenal pasti sebanyak **67 keluarga** kakitangan serta seramai **1,177 orang pelajar** yang terkesan daripada bencana banjir kali ini. Enam buah bas yang memuatkan seramai **120 orang sukarelawan** telah digerakkan ke beberapa lokasi banjir di kawasan **Bangi Lama dan Hulu Langat.**

Misi Bantuan Banjir UKM. Seramai 1,200 Sukarelawan UKM turun padang untuk membantu mangsa banjir. Sukarelawan yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) digerakkan ke lokasi banjir di kawasan Selangor bagi membantu mangsa yang terkesan dengan bencana itu.

Ia merupakan inisiatif untuk mengumpulkan sukarelawan bagi misi banjir secara pantas sejurus bencana yang membabitkan pihak Hal Ehwal Pelajar dan Pendaftar universiti melalui media sosial. Sukarelawan ini berperanan membantu membersihkan kawasan rumah mangsa terutama sekali penuntut dan kakitangan universiti yang terjejas akibat banjir. UKM telah mengenal pasti sebanyak 67 keluarga kakitangan serta seramai 1,177 orang pelajar yang terkesan daripada bencana banjir kali ini. Enam buah bas yang memuatkan seramai 120 orang sukarelawan telah digerakkan ke beberapa lokasi banjir di kawasan Bangi Lama dan Hulu Langat.

Inisiatif awal yang diambil oleh pihak universiti termasuklah menyediakan penempatan sementara bagi keluarga kakitangan yang terlibat. Pihak UKM sedia membuka pintu unit kediaman kami di kawasan Bangi dan Kuala Lumpur serta Kolej Kediaman yang kosong bagi menempatkan mangsa banjir yang terdiri daripada kakitangan universiti yang memerlukan. Selain itu, pihak universiti juga memberi perlepasan kepada pelajar dengan menangguhkan kelas dan kerja makmal selama seminggu untuk mereka membantu keluarga membersihkan kawasan yang terjejas. Zakat UKM turut menyalurkan sumbangan berupa barangan keperluan harian dan kewangan kepada kakitangan yang terkesan akibat bencana ini. Selain itu, kakitangan yang terkesan turut juga menerima sumbangan peribadi daripada alumni universiti yang bermurah hati untuk meringankan beban mangsa.

Menyedari jumlah hujan yang turun kali ini agak luar biasa sehingga mendatangkan bencana yang dasyat, semua pihak di UKM bersatu hati untuk menawarkan bantuan secepat mungkin. Inilah konsep keserakanan yang selalu diterapkan dalam warga universiti, sentiasa bersedia untuk berbakti kepada masyarakat.






FSSK Sumbang Barangan Keperluan Harian kepada Mangsa Banjir di Kota Tinggi









10 Januari 2021, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Program Kerja Sosial telah menjayakan misi bantuan banjir Kota Tinggi, Johor dengan memberi sumbangan dan bantuan kepada mangsa banjir di sana.

Sumbangan disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti 12,376 unit lampin pakai buang kanak-kanak dan dewasa, 327 susu tepung formula kanak-kanak, 300 susu segar, 648 unit teh uncang, 2,500 pelitup muka dan 50 unit pemanas air elektrik. Projek tersebut tercetus hasil maklumat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor berkaitan dengan keperluan segera bantuan barangan untuk mangsa banjir. Hasil daripada maklumat tersebut, pihak FSSK terpanggil untuk menggerakkan misi bantuan kemanusiaan kepada mereka yang terjejas dengan banjir di Kota Tinggi.

Pelaksanaan program ini juga telah dijayakan dalam tempoh yang singkat, iaitu selama enam hari bermula 5 Januari 2021. Misi bantuan banjir melalui Program Amal Limpahan Kasih FSSK UKM ini adalah kolaborasi bersama Institut Onn Jaafar, The Lost Food Project, Syarikat Bigwealthy Global Sdn Bhd dan Persatuan Profesional Islam Anak Johor (GAPHOR) serta Alternative Riders Club yang menjadi sukarelawan bagi membantu penyerahan sumbangan tersebut di Kota Tinggi. "Kepedulian dan keprihatinan rakan industri dalam melaksanakan tanggungjawab sosial ini sangat terpuji dan amat dihargai. Kerjasama ini wajar menjadi titik permulaan untuk berganding bahu dan meneruskan inisiatif projek-projek bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir di masa akan datang.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Dekan Jaringan dan Alumni FSSK, Prof. Madya Dr. Tengku Nor Rizan Tengku Mohd Maasum dan Setiausaha GAPHOR, Dr. Zulkifli Ambak.

"Sumbangan disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti **12,376 unit lampin** pakai buang kanak-kanak dan dewasa, **327 susu tepung formula** kanak-kanak, **300 susu segar, 648 unit teh uncang, 2,500 pelitup muka** dan **50 unit pemanas air elektrik."**

Penutup

Sepanjang tahun 2021 menyaksikan UKM menganjurkan pelbagai inisiatif dan acara yang mengetengahkan jalinan rapat kesemua pemegang taruh yang penting dalam pembangunan dan pemantapan UKM sebagai sebuah institusi perkongsian dan pengembangan ilmu. Ini selari dengan Falsafah, Visi dan Misi UKM yang berteraskan jaringan kerjasama erat di antara universiti, kerajaan, masyarakat dan industri.

UKM dibina atas hasrat rakyat Malaysia dan UKM mahu sentiasa menjadi sebuah institusi berorientasikan masyarakat, baik dari segi penyelidikan mahupun dalam aspek perkhidmatan yang lain. Usaha UKM untuk membangun dan memperkasa masyarakat diperhebat melalui UCTC dan ALUMNI-UKM dengan perkongsian kepakaran warganya sama ada di dalam mahupun di luar negara. Usaha-usaha ini semakin giat dilaksanakan berjajaran dengan salah satu kebitaraan UKM, iaitu Prihatin yang membariskan Prakarsa S.I.H.A.T, Kemasyarakatan, Perpaduan, Mesra OKU dan Kebajikan.

Sepertimana tangkasnya UKM membangun masyarakat setempat, UKM juga turut mengatur langkah dan memperkemas keunggulan UKM di peringkat antarabangsa agar sentiasa menjadi sebuah Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhlak mulia. Ini terbukti apabila semakin ramai warganya dan alumninya yang menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dalam usaha pengembangan ilmu dan pembangunan masyarakat.

Burung serindit terbang melayang.
Terhenti hinggap di ranting mati.
Bukan ringgit dipandang orang.
Tetapi memandang bahasa dan budi

Terbang melayang burung kedidi
Singgah hinggap di pohon cemara
Hidup muafakat semua jadi
Masyarakat ceria, maju negara

Kata tua kata bermanfaat.
Banyak manfaat dapat dirasa.
Hina bangsa tiada muafakat.
Tidak muafakat umat binasa

Penyerlahan Bakat



Pemerkasaan dan Kelestarian Kecemerlangan Bakat UKM

Pengurusan bakat adalah penyelesaian yang tepat untuk mendapatkan individu atau pemimpin yang terbaik untuk kepentingan UKM. Proses pengurusan bakat tidak hanya terhad untuk menarik individu atau pemimpin yang terbaik ke dalam organisasi, malahan membangunkan staf sedia ada pada tahap yang lebih tinggi adalah cabaran yang agak sukar untuk dilaksanakan.

Proses pengurusan bakat adalah proses yang berterusan yang memenuhi keperluan organisasi melibatkan penyumberan, pengambilan pekerja, membangun, mengembang, mengekalkan dan mempromosikan melalui kenaikan pangkat. Matlamat pengurusan bakat telah tercapai matlamatnya melalui pemerkasaan dan kelestarian kecemerlangan bakat pada tahap lebih tinggi.

“Penjawat awam perlu memiliki aspirasi dan keazaman inisiatif baharu melalui penerapan lima nilai, iaitu pantas, pengetahuan bertaraf dunia, memberi inspirasi, fleksibel dan berasaskan teknologi (S.W.I.F.T) tatkala negara sedang menuju ke fasa endemik”

Tan Sri Mohd Zuki Ali,
Ketua Setiausaha Negara



Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2021, UKM mempunyai 10,050 orang staf yang terdiri daripada staf Akademik, Pengurusan & Profesional (P&P) dan Pelaksana. Jumlah ini merangkumi Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur termasuk Hospital Pengajar, iaitu Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK). Jumlah staf UKM mengikut kampus sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Kategori	Jumlah
Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur	5,184
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)	3,970
Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK)	896
Jumlah keseluruhan	**10,050**

Rajah 19: Jumlah Staf UKM Mengikut Kampus Sehingga 31 Disember 2021

Kenaikan Pangkat Staf

UKM menyokong kemajuan kerjaya staf melalui peluang kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat staf akademik diukur melalui jalur kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, kepimpinan dan profesional. Kenaikan pangkat Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Pelaksana ditentukan mengikut syarat dalam skim perkhidmatan dan kecemerlangan prestasi.

Statistik kenaikan pangkat mengikut kategori bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Kategori	Jumlah staf
Akademik	92
Pengurusan dan Profesional (P&P)	46
Pelaksana	120

Rajah 20: Statistik Kenaikan Pangkat Mengikut Kategori Bagi Tahun 2021

Pecahan bilangan staf mengikut jenis kenaikan pangkat bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Kategori	Pecahan	Jumlah staf
Akademik	Profesor	19
	Profesor Madya	58
	Laluan Kerjaya	15
Pengurusan dan Profesional (P&P)	Guru Bahasa	9
	Merit	30
	Fleksi	7
Pelaksana	TBK	65
	Merit	55

Laluan kerjaya	Kenaikan pangkat berasaskan pengalaman dan pakar bidang;
Merit	Kenaikan pangkat staf yang telah memenuhi syarat kelayakan;
Fleksi / TBK	Kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan secara KUP setelah berkhidmat selama enam (6) tahun bagi Pengurusan dan Profesional (P&P) dan 13 tahun bagi Pelaksana.

Rajah 21: Pecahan Bilangan Staf Mengikut Jenis Kenaikan Pangkat Bagi Tahun 2021

Pelantikan Khas

UKM telah melaksanakan usaha berterusan bagi memperkasa dan mengukuhkan kebitaraan fakulti/ institut/pusat dengan melantik tokoh yang cemerlang dalam akademik, profesionalisme, tadbir urus universiti serta jaringan masyarakat melalui pelantikan khas. Ia juga merupakan salah satu inisiatif pengantarabangsaan UKM bagi mengukuhkan keteserlahan UKM serta membantu melonjak penyelidikan yang berimpak dengan mendapatkan kepakaran daripada agensi luar sama ada pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sehingga 31 Disember 2021, UKM telah melantik seramai 122 orang di bawah Skim Lantikan Khas. Jumlah pelantikan khas 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Lantikan	Aktif
1.	Profesor Adjung	42
2.	Profesor Kehormat	23
3.	Profesor Antarabangsa Tersohor	34
4.	Penyandang Kursi Kurniaan	1
5.	Felo Antarabangsa Tersohor	1
6.	Felo DiRaja	1
7.	Profesor Ikhtisas	0
8.	Felo Tamu	6
9.	Profesor Pelawat	13
10.	Felo Bersama	1
	Jumlah	**122**

Rajah 22: Jumlah Pelantikan Khas 2021

Cuti Belajar

UKM menyediakan kemudahan cuti belajar bagi memastikan kelayakan akademik dan kompetensi staf berada pada tahap tinggi. Pada tahun 2021, UKM meluluskan seramai 27 orang yang terdiri daripada 18 staf akademik dan sembilan (9) orang staf daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Jumlah yang diluluskan bercuti belajar 2021 adalah seperti jadual di bawah:

Kategori	Jumlah
Akademik	18
Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Pelaksana	9
Jumlah	**27**

Secara keseluruhan, staf UKM yang sedang cuti belajar sehingga 31 Disember 2021 adalah seramai 70 orang staf yang terdiri daripada 52 orang staf akademik dan 18 orang staf Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Pelaksana. Jumlah staf yang sedang cuti belajar sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti jadual di bawah:

Kategori	Jumlah
Akademik	52
Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Pelaksana	18
Jumlah	**70**

Pecahan Peringkat Pengajian Cuti Belajar sehingga 31 Disember 2021

Jadual 1: Pecahan Peringkat Pengajian Cuti Belajar sehingga 31 Disember 2021

PROGRAM	STAF AKADEMIK		STAF PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA (Lantikan UKM)		STAF PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA (Lantikan HCTM/HPKK)		JUMLAH
	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	
Doktor Falsafah	7	26	1	1	0	2	**37**
Doktor Pakar	0	8	0	0	0	3	**11**
Sarjana	1	4	0	0	0	7	**12**
Sarjana Perubatan	0	1	0	0	0	0	**1**
Post-Doktoral	2	2	0	0	0	0	**4**
Subkepakaran	0	0	0	0	1	2	**3**
Ijazah Sarjana Muda	0	0	0	0	0	1	**1**
Latihan Pengkhususan	0	1	0	0	0	0	**1**
Jumlah Keseluruhan	**10**	**42**	**1**	**1**	**1**	**15**	**70**
	52		**2**		**16**		

Secara keseluruhan, terdapat 70 orang staf UKM yang sedang bercuti belajar sehingga Disember 2021, yang merangkumi 52 orang staf Akademik, dua (2) orang staf P&P lantikan UKM, dan 16 orang staf P&P dan pelaksana lantikan HCTM dan HPKK.

Daripada 70 orang staf tersebut, seramai 12 orang sedang menyambung pengajian mereka di luar negara. Antara negara yang menjadi pilihan staf untuk bercuti belajar adalah United Kingdom, Kanada, Australia, Denmark dan Netherland.

Pecahan Staf Bercuti Belajar Mengikut Negara dan Peringkat Pengajian

Program	Malaysia	Australia	Kanada	Denmark	Netherland	United Kingdom	Jumlah
Doktor Falsafah	29	1	0	1	1	5	**37**
Doktor Pakar	11	0	0	0	0	0	**11**
Sarjana	11	0	0	0	0	1	**12**
Sarjana Perubatan	1	0	0	0	0	0	**1**
Post-Doktoral	2	1	0	0	0	1	**4**
Subkepakaran	2	0	1	0	0	0	**3**
Ijazah Sarjana Muda	1	0	0	0	0	0	**1**
Latihan Pengkhususan	1	0	0	0	0	0	**1**

Program	Malaysia	Australia	Kanada	Denmark	Netherland	United Kingdom	Jumlah
Jumlah Keseluruhan	58	2	1	1	1	7	70
	58			12			

Rajah 23: Pecahan Staf Bercuti Belajar Mengikut Negara dan Peringkat Pengajian

Universiti luar negara yang menjadi lokasi pilihan staf untuk bercuti belajar adalah University of Oxford, King's College London, University of Queensland, University of Melbourne, University of Copenhagen, University of Toronto dan pelbagai universiti lain.

Cuti Sabatikal

Cuti Sabatikal merupakan kemudahan yang diberikan kepada staf akademik yang berkelayakan untuk mengikut aktiviti berkaitan akademik seperti penyelidikan, penulisan, pengkomersialan atau penempatan di industri/agensi luar. Ia bertujuan memberi peluang kepada staf akademik untuk menambah dan meluaskan pengalaman, menjalankan penyelidikan, penempatan penyelidikan/industri, menghasilkan penerbitan dan memfokuskan pengkomersialan produk supaya memastikan tugas hakiki lebih berkesan.

Kategori	Staf Akademik		Jumlah
	Luar Negara	Dalam Negara	
Penyelidikan	4	4	8
Lawatan (Penempatan Industri/ Agensi Luar)	0	2	2
Pengkomersialan	0	1	1
Penulisan	1	1	2
Jumlah	5	8	13

Rajah 24: Jumlah Staf yang Diluluskan Cuti Sabatikal sehingga 31 Disember 2021

Anugerah Perkhidmatan

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan kepada staf UKM yang telah memberi perkhidmatan cemerlang di samping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai. Seramai 757 orang staf termasuk staf di Hospital Pengajar telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2021.

Bagi Anugerah Perkhidmatan 20, 30 dan 40 tahun, seramai 391 orang staf termasuk staf di Hospital Pengajar telah menerima penganugerahan. Penerima anugerah ini menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan sebagai tanda penghargaan daripada Universiti di atas jasa yang telah disumbangkan.

Jadual 2: Statistik Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021

Kategori / Entitiv	UKM Bangi KKL	HPKK	HCTM	Jumlah Besar
Akademik	150	-	-	
Pengurusan dan Profesional (P&P)	65	9	7	
Pelaksana	196	55	275	
Jumlah	**411**	**64**	**282**	**757**

Jadual 3: Statistik Penerima Anugerah 20, 30 dan 40 Tahun (Tahun 2021)

Kategori / Entitiv	UKM Bangi KKL	HPKK	HCTM	Jumlah Besar
Akademik	24	2	-	
Pengurusan dan Profesional (P&P)	18	2	1	
Pelaksana	318	5	21	
Jumlah	**360**	**9**	**22**	**391**

Kaunseling dan Intervensi Staf

Sesi bimbingan dan kaunseling adalah sangat penting bagi memastikan kestabilan emosi seseorang staf dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Sepanjang tahun 2021, terdapat sebanyak 82 sesi yang telah dijalankan menerusi medium atas talian dan juga sesi secara bersemuka. Antara isu yang dibincangkan dalam sesi bimbingan dan kaunseling adalah berkaitan kerjaya, keluarga dan juga isu kesihatan yang merangkumi kes sukarela dan juga rujukan.





Persaraan

Setiap warga UKM merupakan aset yang berharga yang pastinya mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap kecemerlangan dan kestabilan UKM sebagai sebuah Universiti watan. UKM sentiasa menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap warganya, tidak terkecuali kepada bakal pesara. Pada tahun 2021, seramai 142 orang staf UKM telah bersara/tamat perkhidmatan sama ada disebabkan bersara wajib, pilihan, meninggal dunia, atas sebab kesihatan dan demi kepentingan awam. Jumlah pesara mengikut kategori persaraan, dan kumpulan staf adalah seperti berikut:

Jadual 4: Jumlah Pesara Mengikut Kategori Persaraan dan Kumpulan

Kategori	Bilangan Pesara					Jumlah
	Wajib	Pilihan	Terbitan	Kesihatan	Demi Kepentingan Awam	
Akademik	42	11	3	-	1	57
Pengurusan dan Profesional (P&P)	2	2	1	1	-	6
Pelaksana	62	13	4	-	-	79
					Jumlah keseluruhan	**142**

Selain itu, bagi memastikan proses pemindahan ilmu pengetahuan yang bersifat eksplisit dan tasit dalam kalangan pesara dapat dimanfaatkan oleh staf yang lain atau pelapis mereka, dan bagi memastikan sumbangan yang berterusan boleh diberikan oleh individu pesara yang tersohor, UKM telah membuat pelantikan secara kontrak kepada pesara tersebut berdasarkan bidang kepakaran masing-masing untuk tempoh tertentu. Selain itu, jaringan dengan Persatuan Pesara UKM turut dilaksanakan bagi memastikan pesara UKM dapat terus menyumbang idea dan terlibat sama dalam pelbagai aktiviti anjuran UKM.

Menangani Cabaran Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 mencetuskan impak yang pelbagai terhadap staf dan UKM secara keseluruhannya. Kerjasama, kebertanggungjawaban dan kecekapan pengurusan UKM telah memastikan warganya berjaya mengharungi pandemik yang telah berlaku. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh UKM berkaitan dengan pengurusan sumber manusia seperti pengurusan kehadiran staf, pengurusan latihan, dan juga berkaitan dengan pengurusan psikologi dan emosi staf.

UKM telah membangunkan dasar, polisi, prosedur kerja, aplikasi dan sistem maklumat yang berkaitan dengan urusan sumber manusia secara dalam talian, dan diperkemas supaya relevan dengan keperluan semasa.

Antaranya Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) sebagai langkah pencegahan penularan wabak pandemik COVID-19 telah digubal bagi memberi kemudahan kepada staf untuk bekerja dari rumah. Manakala, Aplikasi MyUKM pula telah dibangunkan bagi membolehkan staf merekodkan kehadiran waktu bekerja dari luar UKM. Pihak UKM telah memberi kebenaran kepada staf untuk membawa pulang peranti komputer di samping memberi kebenaran akses kepada Sistem Maklumat Universiti secara laluan khas Remote Personal Computer.



Aplikasi MyUKM

Selain itu, dalam mengurus perubahan bagi pelaksanaan tugas dan memastikan pengekalan produktiviti dalam tempoh pandemik COVID-19, aktiviti seperti pengurusan mesyuarat, temu duga, kursus serta pengurusan pelanggan telah dilaksanakan secara dalam talian sebagai kelaziman baharu. Kelaziman baharu ini telah meningkatkan kemahiran staf dalam menggunakan pelbagai teknologi komunikasi. Aktiviti lain seperti Hari Bersama Pelanggan Secara Maya UKM 2021 (Kaunter Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar) juga telah dilaksanakan dalam talian menggunakan aplikasi tersebut.



Hari Bersama Pelanggan Secara Maya UKM 2021

Pembangunan dan Pengukuhan Kompetensi

Tahun 2021 menjadi dampak pembangunan dan pengukuhan kompetensi warga UKM yang dapat dilihat melalui penawaran program latihan seperti program suai tugas, program pengesahan perkhidmatan, latihan kompetensi, program Sarjana Pentadbiran Awam & Kepimpinan dengan kerjasama Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) serta program Doktor Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Fakulti Pendidikan.



Program Pembangunan dan Pengukuhan Kompetensi

Program Suai Tugas Staf Baharu UKM dirangka dan dipetakan selari dengan falsafah, visi dan misi UKM sebagai satu langkah pembangunan diri bagi memupuk kesepaduan nilai kebangsaan dan keutuhan jati diri staf baharu sebagai warga UKM. Program Orientasi, Program Transformasi Minda, Program Cerap PTj, Kursus Asas Penyelidikan dan Penerbitan serta Sijil Profesional Pengajaran Pendidikan Tinggi (SPPPT) antara komponen utama dalam program suai tugas. Kesemua program ini bertujuan untuk memastikan staf baharu UKM berupaya beradaptasi dan berasimilasi dengan budaya kerja UKM dalam mendepani perubahan semasa dunia pendidikan negara dan antarabangsa.

Profesional-UKM pada tahun 2021 berjaya melaksanakan latihan kompetensi sebagai satu keperluan produktiviti kerja dengan menawarkan sebanyak 42 kursus kompetensi yang diikuti oleh warga UKM secara dalam talian menggunakan aplikasi zoom dan pelantar MayaBestari@UKM. Pelantar MayaBestari@UKM telah membuktikan keberkesanan latihan berasaskan kompetensi dapat dilakukan secara dalam talian sebagai alternatif kepada pihak Profesional-UKM menawarkan kursus latihan meskipun berdepan dengan situasi pandemik yang melanda negara dan seluruh dunia. Keberjayaan perlaksanaan latihan kepada warga UKM dalam dibuktikan melalui analisis kehadiran dan penyertaan staf UKM dalam program peningkatan kompetensi menunjukkan sebanyak 85.07% warga UKM berjaya mencapai sasaran kehadiran 42 jam atau 7 hari setahun yang ditetapkan dalam objektif kualiti.

Memperkasa Kebitaraan Digital

Keterangkuman data dalam program pembangunan dan pengukuhan kompetensi UKM disokong oleh kewujudan dua sistem utama di Profesional-UKM, iaitu Sistem Pengurusan Pembangunan Bakat (Urus Bakat) dan Pelantar Maya Pembestarian Bakat (MayaBestari@UKM). Sistem Urus Bakat telah dilancarkan pada 31 Mei 2021 yang menggantikan Sistem Pengurusan Latihan-UKM (eSPeL). Sistem ini bertujuan menaik taraf pengurusan data analitik latihan dan pembangunan kompetensi staf UKM. Pemetaan kursus latihan berasaskan kompetensi generik dan fungsian dipaparkan dalam papan pemuka Sistem Urus Bakat bagi memastikan jurang kompetensi latihan dapat dikurangkan dan membantu staf UKM melaksanakan kerja dengan efektif dan produktif. Staf UKM boleh memantau pencapaian jam keperluan latihan tahunan dengan mudah melalui sistem ini. Terdapat komponen Profil Kepimpinan yang ditambah dalam sistem ini bagi memberikan informasi mengenai pelan penggantian kepimpinan UKM secara digital.

MayaBestari@UKM bertujuan menyediakan pelantar pembelajaran dalam talian bagi memenuhi keperluan latihan serta memperkasa kebitaraan digital staf UKM. Penambahbaikan sistem pada tahun 2021, menjadikan MayaBestari@UKM lebih mesra pelanggan dan menepati ciri kehendak pembangun modul kursus. Pelantar MayaBestari@UKM juga turut diperluaskan fungsinya dengan menggunakan pelantar ini untuk menduduki peperiksaan secara dalam talian seperti peperiksaan kompetensi pengambilan staf dan peperiksaan pengesahan jawatan staf.



Sistem Pengurusan Pembangunan Bakat UKM



Sistem Pelantar Maya Pembestarian Bakat UKM

Menerajui Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi

UKM sentiasa komited dalam memastikan staf UKM sentiasa kompeten, produktif dan berprestasi tinggi dikekalkan bagi peningkatan keupayaan sebuah institusi untuk terus bergerak ke hadapan dan memenuhi jangkaan pemegang taruh. Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi *(Competency Based Talent Management)* adalah salah satu agenda utama dalam memperkasakan pembangunan dan pengurusan bakat. Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Bakat UKM telah ditubuhkan bagi menentukan hala tuju Pelan Pembangunan Bakat bagi meningkatkan kompetensi dan kualiti bakat warga UKM.

Kerangka Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi diwujudkan bagi memastikan hala tuju dan perlaksanaan aktiviti pembangunan dan pengukuhan bakat dapat dilaksanakan secara sistematik dan komprehensif untuk diguna pakai oleh warga UKM. Pembangunan Model Kompetensi Generik dan Kompetensi Kepimpinan yang mempunyai identiti UKM sedang dibangunkan oleh Profesional-UKM. Kamus Kompetensi Generik (KKG) dan Kamus Kompetensi Kepimpinan (KKK) adalah hasil pelaksanaan Model Kompetensi Generik dan Model Kompetensi Kepimpinan yang dapat memandu keperluan dan perancangan pembangunan dan latihan kompetensi warga UKM dalam merapatkan jurang kompetensi yang wujud dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pada semua PTj UKM.

Kepimpinan Universiti Mendepani Cabaran



Program Bual Mesra Pengurusan Tertinggi Universiti bersama Pensyarah Baharu



Forum Naratif Tokoh Akademia

Profesional-UKM terus mara dan mengorak langkah dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan kepimpinan bagi peningkatan kompetensi bakat kepimpinan universiti. Penyediaan kelompok bakat kepimpinan bagi pelantikan jawatan strategik universiti adalah satu kaedah dalam membangunkan pelan penggantian universiti yang lestari.

Program kepimpinan disediakan mengikut susunan aras jawatan pentadbiran universiti. Program Bual Mesra Pensyarah Baharu dengan Pengurusan Tertinggi Universiti dan Program Pembayangan Pemimpin antara program kepimpinan fasa pertama yang diperkenalkan kepada ahli akademik UKM. Pensyarah baharu bersama pemimpin universiti bertemu bagi mencungkil kisah perjuangan seorang figura pemimpin daripada hari pertama melapor diri di UKM sehingga dilantik pada jawatan pentadbiran universiti. Program Pembayangan Pemimpin adalah satu bentuk program pementoran di antara pemimpin UKM dengan pensyarah baharu yang bertujuan memastikan semua pensyarah baharu mempunyai mentor dalam merangka pembangunan dan pengembangan kerjaya mereka di UKM.

Pemilihan dan penampilan bakat kepimpinan universiti disemarakkan melalui program Ikonik Kepimpinan seperti Forum Naratif Tokoh Akademia berjaya menyuntik semangat kebersamaan, komitmen dan inspirasi individu dalam mencorak kecemerlangan organisasi yang bersulamkan nilai jati diri UKM yang tinggi.

Kelestarian Pendanaan



Kelestarian Pendanaan

Kelestarian Pendanaan merupakan salah satu daripada Agenda Utama UKM yang perlu dicapai oleh warga UKM dan dilaksanakan secara bersepadu dengan penglibatan semua pihak dalam Universiti Watan dari pelbagai peringkat. Penjanaan pendapatan universiti membolehkan kelestarian UKM tanpa bergantung sepenuhnya kepada sesuatu pihak. Penglibatan dan penyertaan langsung serta bermakna oleh semua entiti yang berkemampuan di UKM membolehkan aktiviti penjanaan dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan universiti tidak terjejas.
Inisiatif penjanaan pendapatan di UKM adalah selaras dan seiring dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT), New Deals KPT, Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2021–2025, Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu IPT atau MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE) dan Pelan Strategik UKM 2021-2025.

"Ia akan berfokuskan kepada 3M, iaitu memulih kehidupan (recovery); membina semula daya tahan (resilience) dan memangkin pembaharuan (reform)"

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan



Merujuk petikan akhbar ucapan oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan di Berita Harian bertarikh 22 Oktober 2021 berkenaan 3M menjadi fokus utama Bajet 2022, beliau berkata, iktibar pertama yang harus diambil adalah persediaan kita menghadapi kemungkinan berlakunya pandemik lain pada masa hadapan, peralihan ke arah digitalisasi adalah sangat penting kerana ia adalah satu pengubah keadaan yang dapat merapatkan jurang pendapatan rakyat, membina rantaian bekalan strategik dan menerapkan konsep kelestarian dalam rantaian bekalan termasuk sosial dan persekitaran kerana isu kelestarian dan keuntungan tidak lagi saling eksklusif.

Selaras dengan fokus 3M tersebut, UKM telah melalui fasa memulih kehidupan *(recovery)* dengan kemasukan pelajar secara berperingkat ke kampus. Impak positif semakin ketara apabila penjanaan pendapatan Universiti semakin pulih dan menghampiri kapasiti asal. Antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan ini adalah pengenaan caj penginapan dan pengwujudan inisiatif bantuan zakat dalam meningkatkan keupayaan pembayaran yuran yang akan memberi pulangan balik kepada Universiti. Seterusnya, dalam membina semula daya tahan *(resilience),* UKM dalam usaha menggerakkan pelbagai inisiatif penjanaan pendapatan dan penjimatan bagi memastikan kelestarian kewangan universiti yang stabil agar UKM boleh berkembang maju dengan sumber kewangan yang kukuh dalam keadaan ekonomi global yang semakin mencabar dan negara dalam keadaan pandemik COVID-19.

UKM menyahut usaha kerajaan dalam memangkin pembaharuan (reform) dengan penglibatan program antaranya Program Outreach KPT menerusi Program KPT Prihatin, Komunikasi Sejahtera (KRIS) dengan dana pembiayaan sebanyak RM5.6 juta bagi pelaksanaan 34 projek dan termasuk pembelian aset untuk Klinik Bergerak dalam usaha membantu warga UKM dan masyarakat luar.





Program KPT Prihatin, Komunikasi Sejahtera (KRIS) pada tahun 2021

Pada tahun 2021, usaha telah ditingkatkan untuk memperkasa dana kursi dan wakaf. UKM mencatat sejarah melalui penerimaan Dana Kursi Wakaf bernilai RM5 juta sumbangan Majlis Islam Sarawak yang mengabungkan antara Kursi dan Wakaf yang diaplikasikan pertama kalinya oleh Universiti Awam di Malaysia. Secara umumnya, dana kursi wakaf ini mengekalkan konsep kursi dalam pengoperasiannya akan tetapi pelaburan dana akan dilakukan mengikut hukum syarak sebagaimana yang digariskan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).



Majlis Penyerahan Dokumen Perjanjian Penubuhan Kursi Sheikh Othman Sarawak di Tingkat 22, Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Wisma Bapa Malaysia, Petrajaya Kuching pada 8 November 2021


UKM juga menerima Kursi Kelestarian UKM-YSD merupakan hasil kerjasama antara UKM dan Yayasan Sime Darby dan nilai prinsipal kursi sebanyak RM15 juta adalah untuk pendanaan berkenaan penyelidikan dan pendidikan atau penjanaan pelajar. Kursi Kelestarian UKM-YSD ini juga merupakan gabungan Kursi Pembangunan Lestari: Teknologi Sisa Sifar UKM-YSD dan Kursi Perubahan Iklim UKM-YSD yang memfokuskan kepada tiga (3) bidang penyelidikan, iaitu perubahan iklim, penyelesaian kitaran pintar dan pemacu sosioekonomi.

Majlis Pelancaran Kursi Kelestarian UKM YSD di UKM Bangi yang dilancarkan oleh YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 11 Mac 2021 (Sumber: New Straight Times)





Selain itu, Dana Endowmen RHB-UKM adalah hasil kerjasama antara UKM dan Yayasan RHB dengan nilai prinsipal kursi sebanyak RM8 juta untuk pendanaan mengenai penyelidikan dalam bidang kewangan dan perbankan.


RHB strengthens partnership with UKM to foster human capital development

Petikan akhbar The Star bertarikh 10 Ogos 2021


RHB, UKM to accelerate knowledge in digital tech


Petikan akhbar The New Straits Times bertarikh 10 Ogos 2021

Ringkasan Prestasi Penjanaan Pendapatan Lima (5) Tahun

Tahun 2020 dan 2021 merupakan era mencabar apabila penularan kes COVID-19 yang memuncak pada tahun tersebut, namun dengan tekad warga UKM yang jitu, semangat 'kebersamaan' yang tinggi dan sentiasa bersiap siaga, isu global ini dapat dihadapi dengan jayanya secara bersama dalam menangani impak pandemik COVID-19.

UKM sentiasa terus memperkukuh dan meningkatkan hasil penjanaan dalaman universiti dan penjimatan menerusi aktiviti penjanaan pendapatan dengan mengoptimumkan sumber, aset dan idea penjanaan sedia ada atau baharu untuk melestarikan kewangan universiti bagi mengekalkan kecemerlangannya. UKM juga menekankan konsep penjimatan, keuntungan perniagaan dan sumbangan yang lebih meluas kepada UKM secara menyeluruh. Keterlibatan warga dan semua entiti di UKM secara langsung atau tidak langsung adalah penting untuk memastikan pelbagai inisiatif penjanaan pendapatan dapat dilaksanakan dan dijayakan dengan efisien.

Merujuk kepada trend pencapaian penjanaan pendapatan universiti bagi tempoh lima (5) tahun (2017-2021) seperti pada Rajah 25 menunjukkan terdapat peningkatan pada setiap tahun, namun terdapat penurunan penjanaan pendapatan pada tahun 2021.




Rajah 25: Pencapaian Penjanaan Pendapatan Bagi Tempoh Lima (5) Tahun (2017-2021)

Penjanaan sumber dalaman bagi tahun 2021 berjumlah RM437.7 juta berbanding RM444.82 juta pada tahun 2020 dengan penurunan sebanyak 2% (RM7.1 juta).

Prestasi Penjanaan Pendapatan 2021

Sumber penjanaan dalaman merupakan pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadikan UKM sebagai salah satu universiti awam yang lebih fleksibel, kukuh dan mampan dari segi pengurusan kewangan. Pretasi Penjanaan Pendapatan 2021 UKM merangkumi pelbagai sumber dalaman mengikut kategori seperti pada Rajah 26.



Rajah 26: Sumber Penjanaan Dalaman Mengikut Kategori

Merujuk kepada Rajah 26, peningkatan hasil 2021 adalah daripada sumber berikut:

- Hasil yuran penginapan menunjukkan peningkatan sebanyak 73% (RM2.88 juta) kesan pembukaan semula kampus dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid, iaitu gabungan secara bersemuka dan dalam talian.
- Hasil barang dan perkhidmatan menunjukkan peningkatan sebanyak 15% (RM9.84 juta) disebabkan oleh hasil jualan buku, jubah konvo dan kenderaan lupus.
- Hasil sewaan juga meningkat sebanyak 10% (RM1.53 juta) kerana pemberian pengecualian dan penangguhan sewa (moratorium) berkurangan, iaitu enam (6) bulan sahaja kepada peniaga di premis milik UKM bagi membantu peniaga yang terkesan atas pelaksanaan PKP. Berbanding pada tahun 2020, moratorium diberikan kepada peniaga sepanjang tempoh PKP (9 bulan).
- Hasil perkhidmatan hospital turut menunjukkan peningkatan sebanyak 17% (RM12.72 juta) disebabkan faktor pembukaan wad eksekutif dan aktiviti rawatan komersial.

Pada tahun 2021, terdapat penurunan hasil penjanaan utama universiti yang terkesan dengan fasa pandemik terutamanya yuran pengajian dan penurunan hasil sumber dalaman 2021 ditunjukkan pada Rajah 27.



Rajah 27: Impak Pelaksanaan PKP kepada Hasil Penjanaan Sumber Dalaman Universiti

Merujuk kepada Rajah 27, penurunan hasil 2021 adalah daripada sumber berikut:

- Sumbangan dan penjanaan lain menunjukkan penurunan 10% (RM3.28 juta) berlaku kerana penerimaan yang kurang daripada agensi luar berbanding tahun sebelumnya khususnya pengurangan penyaluran bantuan aktiviti pelajar UKM B40.
- Faedah atau dividen pelaburan menunjukkan penurunan 55% (RM24.08 juta) apabila Bank Negara Malaysia menurunkan kadar faedah wang semalaman (OPR) bagi mengurangkan kos pinjaman dan seterusnya meningkatkan kecairan.
- Pendapatan penyelidikan menunjukkan penurunan 14% (RM7.66 juta) kesan daripada pengurangan penerimaan geran penyelidikan terutamanya Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) pada tahun 2021.


Kursi dan Endowmen

Salah satu aktiviti pendanaan universiti adalah melalui penubuhan kursi dan endowmen. Kursi dan Dana Endowmen adalah penglibatan filantropi pihak luar yang menyumbangkan dana dalam melestarikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan modal insan di UKM dan komuniti.

Nilai prinsipal bagi Kursi dan Dana Endowmen adalah dipelihara, dikekalkan dan tidak boleh dibelanjakan. Nilai prinsipal bagi Kursi adalah RM5 juta dan ke atas (≥RM5 juta) serta perlu melantik Penyandang Kursi. Manakala, nilai prinsipal bagi Dana Endowmen adalah RM1 juta dan ke atas (≥RM1 juta) serta tiada pelantikan Penyandang Kursi. Teras bagi Kursi dan Endowmen adalah bagi memartabatkan bidang penyelidikan, pendidikan, kebajikan pelajar dan warga universiti.

Merujuk kepada trend Pencapaian Kursi dan Dana Endowmen bagi tahun 2020 dan 2021 seperti pada Rajah 28 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun.

"Nilai prinsipal bagi Kursi adalah **RM5 juta dan ke atas (≥RM5 juta)** serta perlu melantik Penyandang Kursi. Manakala, nilai prinsipal bagi **Dana Endowmen adalah RM1 juta dan ke atas (≥RM1 juta)** serta tiada pelantikan Penyandang Kursi."



Rajah 28: Perbandingan Pencapaian Kursi dan Dana Endowmen bagi Tahun 2020 dan 2021

Peningkatan hasil Kursi pada tahun 2021 sebanyak 100% (RM15 juta) berbanding tahun 2020 berikutan hanya satu sahaja penerimaan sumbangan daripada pihak luar kepada universiti. Selain itu, hasil Endowmen menunjukkan peningkatan sebanyak 29% (RM3.12 juta) berikutan peningkatan penerimaan sumbangan daripada pelbagai pihak kepada universiti.

1. Penyelidikan & Penerbitan | **70%**
2. Pembangunan Komuniti | **20%**
3. Belanja pengoperasian | **10%**



Rajah 29: Agihan Hasil Pelaburan Kursi/Dana Endowmen


Secara keseluruhan, hasil pelaburan semua kursi dan dana endowmen bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM3,913,522.28. Rajah 29 menunjukkan agihan hasil pelaburan Kursi/Dana Endowmen. Sebanyak 70% daripada hasil pelaburan kursi dan dana endowmen digunakan bagi tujuan penyelidikan dan penerbitan. Sebanyak 20% hasil pelaburan digunakan bagi tujuan pembangunan komuniti, manakala baki 10% digunakan untuk belanja operasi dan pengurusan.

Dana Wakaf Ilmu UKM (DWIUKM)

DWIUKM merupakan projek usahasama antara UKM dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah dimeterai pada 2017. Melalui DWIUKM, PWS telah memberi kebenaran kepada UKM untuk menguruskan hal ehwal wakaf di UKM seperti membuat kutipan, membuat pelaburan dan juga menggunakan kutipan wakaf yang diperoleh. Segala hal ehwal berkaitan pengurusan tersebut akan dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) yang keanggotaannya terdiri daripada pengurusan tertinggi UKM bersama PWS.

UKM sehingga tahun 2021 mempunyai dua (2) jenis wakaf, iaitu Wakaf Am dan Wakaf Khas. Wakaf Am adalah produk wakaf yang kutipannya akan dilaburkan menggunakan pelaburan patuh syariah dan kemudiannya pendapatan daripada pelaburan tersebut akan digunakan bagi pembiayaan projek kesihatan, pendidikan dan pembangunan. Sumber Wakaf Am diperoleh melalui Wakaf Tunai dan juga Wakaf Emas. Manakala, Wakaf Khas pula adalah projek wakaf yang diwujudkan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi membiayai projek khusus ataupun pembelian peralatan yang memberikan manfaat kepada warga UKM dan amat diperlukan oleh sesuatu PTj.

Prestasi kutipan Wakaf Am dan Wakaf Khas bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti pada Rajah 30.



"Wakaf Am dan **Wakaf Khas** bagi tahun **2021** berjumlah **RM549,165.21**, dengan peningkatan sebanyak **164%** berbanding tahun **RM 207,827.08** bagi tahun **2020**."

Merujuk kepada Rajah 30, prestasi kutipan keseluruhan Wakaf Am dan Wakaf Khas bagi tahun 2021 berjumlah RM549,165.21, dengan peningkatan sebanyak 164% berbanding tahun RM 207,827.08 bagi tahun 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan pengenalan pelbagai produk baharu wakaf pada tahun 2021 di samping kerjasama yang dilakukan bersama PTj di UKM bagi pembukaan Wakaf Khas. Selain itu, pada tahun 2021 UKM juga menerima sumbangan wakaf peralatan daripada Affin Islamic Bank bernilai sebanyak RM10,000 yang disampaikan kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM).



Sumbangan wakaf peralatan bernilai RM10,000 kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) yang disampaikan oleh Tuan Haji Musa Abdul Malek (Ahli Lembaga Pengarah Affin Islamic Bank) kepada Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Gafor (Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan HCTM) disaksikan Prof. Ts. Dr. Faizal Mohamed (Pengarah Yayasan Canselor) pada 22 November 2021.

Penajaan

Kelestarian kewangan universiti juga bergantung kepada penajaan yang diterima selain daripada dana endowmen dan wakaf. Penajaan ini merangkumi tajaan kepada pelajar, pensyarah, ruang dan penyelidikan juga merupakan platform filantropi yang ditawarkan oleh UKM kepada pihak luar dan pemain industri.

Tawaran biasiswa ini berfokuskan kepada pelajar daripada golongan berpendapatan rendah B40 dan M40 yang mengalami masalah kewangan untuk menyambung pelajaran ke UKM. Biasiswa ini merangkumi penajaan yuran pendaftaran, yuran pengajian, dan elaun sara hidup bulanan. OSK Foundation dan Jameel Education Foundation telah memberikan biasiswa berjumlah RM330,000 bagi penajaan penuh kepada pelajar yang layak dan cemerlang dalam pelajaran melalui Yayasan Canselor UKM.





Antara Penerima Biasiswa OSK Foundation daripada UKM

Selain itu, penajaan ruang dan kemudahan fasiliti merupakan salah satu inisiatif Yayasan Canselor dalam mengangkat aktiviti filantropi untuk menaik taraf ruang yang akan digunakan bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Salah satu penajaan yang diterima oleh UKM pada tahun 2021 adalah penajaan ruang yang bernilai RM500,000 daripada Orogenic Resources dan ARB Berhad. Penajaan ini adalah untuk aktiviti penyelidikan bersama pihak industri-UKM dengan peralatan yang terkini dan terbaharu seperti Makmal Kolaborasi IR4.0

"Salah satu penajaan yang diterima oleh **UKM** pada **tahun 2021** adalah penajaan ruang yang bernilai **RM500,000** daripada **Orogenic Resources dan ARB Berhad.**"

Projek Pembangunan Khas

Projek Pembangunan Khas berfokuskan kepada inisiatif baharu dalam merealisasikan hasrat filantropi pelbagai pihak. UKM sentiasa komited menggerakkan pelbagai bidang baharu bagi membantu penjanaan universiti. Antara produk yang telah dibangunkan adalah seperti Sistem Penjualan Plat Kenderaan Edisi Khas UKM (UBIDA), portal sumbangan rasmi UKM (Give2UKM) dan sistem e-dagang (Gerbang Niaga@UKM). Sehingga kini UBIDA telah digunakan oleh empat (4) buah universiti awam, iaitu UNIMAS, UITM dan UPM dengan yuran langganan sebanyak RM258,500. Manakala, penjualan Plat Kenderaan Edisi Khas UKM telah menghasilkan penjanaan kepada universiti sebanyak RM1.8 juta sehingga tahun 2021.

Gerbang Niaga@UKM merupakan sebuah platform e-dagang yang telah mula dibangunkan pada tahun 2021 sebagai salah satu platform yang menawarkan servis pengurusan pelupusan aset, penyewaan ruang dan parkir secara atas talian melalui kaedah belian dan bidaan. Kemudahan yang disediakan dalam sistem ini mampu memberi manfaat dari segi penjimatan masa dan tenaga, dan tidak lagi bergantung kepada proses manual. Sistem ini akan mula digunakan secara rasmi pada tahun 2022.



Majlis Pelancaran Plat Kenderaan UKM sempena Ulang Tahun UKM ke-50 yang telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook


Zakat

Rentetan daripada MoU antara UKM dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS), UKM dilantik sebagai Penolong Amil yang diberi kuasa untuk mengutip dan mengagihkan zakat terus kepada warga UKM. Menurut MoU, 50% dari jumlah kutipan zakat tahunan akan diagih oleh UKM, manakala 50% lagi akan diagihkan oleh LZS. Kadar agihan yang ditetapkan adalah 6.25% untuk pengurusan pentadbiran (Amil), manakala baki 43.75% adalah untuk diagihkan kepada lima (5) golongan asnaf yang layak.

Sehubungan dengan itu, bagi mengurus kutipan dan agihan zakat, Bahagian Zakat Jabatan Bendahari ditubuhkan. Dua (2) jawatankuasa dibentuk bagi menguruskan hal ehwal zakat di UKM, iaitu Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat UKM (TAZUKM) yang merupakan jawatankuasa induk yang bertanggungjawab untuk pengurusan zakat dan Jawatankuasa Tabung Agihan Zakat UKM (JAZUKM) yang bertanggungjawab menguruskan agihan zakat.

Bahagian zakat mendokong penuh aspirasi UKM dalam membangunkan institusi cemerlang, berinovasi dan produktif dengan menyediakan 21 jenis bantuan zakat kepada kakitangan dan pelajar yang berkelayakan. Bantuan ini sangat berpotensi dalam membentuk sumber manusia yang cemerlang untuk kesinambungan institusi yang gemilang.

Merujuk kepada kutipan dan agihan zakat bagi tahun 2020 dan 2021 seperti pada Rajah 31 adalah menunjukkan terdapat peningkatan pada setiap tahun.



Rajah 31: Perbandingan Kutipan dan Agihan bagi Tahun 2020 dan 2021

Merujuk kepada Rajah 31, terdapat peningkatan kutipan zakat dalam tahun 2021 sebanyak 6% (RM0.8 juta) berbanding tahun 2020. Sumber kutipan adalah melalui potongan gaji staf, kutipan kaunter dan zakat korporat. Selain itu, agihan oleh UKM 50% daripada jumlah zakat yang dikutip juga menunjukkan peningkatan sebanyak 29% (RM1.71 juta) berbanding tahun 2020. Antara skim bantuan yang dilaksanakan adalah program Bantuan Persekolahan, Bantuan Perumahan, Bantuan Komputer Riba, Bantuan Insentif Kecemerlangan (Kenaikan PNGK), Bantuan Insentif Kecemerlangan (Penerbitan Jurnal), Bantuan Insentif Pelajar Baharu (Pasca-Siswazah), Bantuan Sokongan Pengajian, Bantuan Musibah Banjir, Program Memperkasakan Mahasiswa dan Program Bantuan Banjir yang diberikan kepada staf dan pelajar UKM yang layak.



Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Haji Toriman menerima replika cek sumbangan banjir UKM berjumlah RM315,536 hasil kutipan daripada Pusat Zakat UKM, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti yang diagihkan kepada warga UKM yang terlibat dengan banjir yang melanda negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad meluangkan masa menyantuni mangsa banjir yang merupakan staf UKM di Hulu Langat dan menyampaikan cek sumbangan baik pulih daripada Tabung Amanah Zakat UKM kepada mangsa banjir tersebut.



Prestasi Perbelanjaan 2021

Penjanaan sumber dalaman bagi 2021 berjumlah RM437.7 juta, manakala perbelanjaan adalah sebanyak RM568.68 juta seperti berikut:

Jadual 4: Prestasi Perbelanjaan 2021

BUTIRAN	SEBENAR 2021 RM JUTA	SEBENAR 2020 RMJUTA	VARIAN 2021 vs 2020 RM JUTA	VARIAN 2021 vs 2020 %	CATATAN
Perjalanan & Sarahidup	1.27	3.58	-2	-64%	Pengurangan keperluan Perbelanjaan Perjalanan akibat pandemik COVID-19.
Perhubungan & Utiliti	58.16	63.26	-5	-8%	Penjimatan utiliti disebabkan pelaksanaan BDR & PdP.
Sewaan	7.46	9.78	-2	-24%	Pengurangan perbelanjaan bagi sewaan bas.
Bekalan Pakai Habis	192.47	187.16	5	3%	Keperluan pembelian ubat, bahan pakai habis dan bahan kimia COVID-19.
Penyelenggaraan & Pembaikan	87.54	93.50	-6	-6%	Kawalan agihan peruntukan bagi penyelenggaraan.
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	204.40	152.84	52	34%	Peningkatan kos rawatan perubatan kakitangan dan keraian atau jamuan.
Dermasiswa & Bantuan Pelajaran	16.05	11.51	5	40%	Peningkatan pemberian Skim Zamalah.
Cukai & Insurans	1.32	2.30	-1	-43%	Pengurusan insurans perubatan pelajar antarabangsa diserah kepada pihak agensi Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu Educational Malaysia Global Services.
Jumlah	**568.68**	**523.93**	**45**	**9%**	


Prestasi Kewangan

Penyata kewangan UKM ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021 dan hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun berakhir 31 Disember 2021. Penyata kewangan UKM telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards).*

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan dan entiti diberi tempoh sehingga tiga (3) tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu. Dalam peralihan kepada MPSAS, Kumpulan dan Universiti mengambil kesempatan daripada pengecualian peralihan bagi aset infrastruktur. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, aset infrastruktur tidak dipermodalkan sebagai komponen hartanah loji dan peralatan selaras dengan MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan. Bagi tahun semasa, universiti mengenal pasti dan mengiktiraf aset infrastruktur yang berkenaan. Pengiktirafan kos, susut nilai terkumpul dan caj susut nilai untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dilaraskan secara retrospektif.


Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan Pendapatan dan Perbelanjaan (Kumpulan)

Pendapatan (Kumpulan) 2021 dan 2020



Rajah 32: Perbandingan Pendapatan (Kumpulan) bagi Tahun 2021 dan 2020

Perbelanjaan (Kumpulan) 2021 dan 2020



Rajah 33: Perbandingan Perbelanjaan (Kumpulan) bagi Tahun 2021 dan 2020

Rajah 33 ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan sebanyak 11.0% disebabkan oleh belanja susutnilai aset konsesi perkhidmatan Hospital Pakar Kanak-Kanak, penyelenggaraan aset dan pengiktirafan belanja faedah konsesi perkhidmatan kepada syarikat konsesi bermula pada tahun 2021.

Ringkasan Kedudukan Aset dan Liabiliti

Aset Semasa (Kumpulan) 2021 dan 2020



2021: 1,238 juta

1. Tunai & Kesetaraan Tunai | **84%**
2. Penghutang | **10%**
3. Inventori | **2%**
4. Aset Kewangan | **4%**

2021: 1,178 juta

1. Tunai & Kesetaraan Tunai | **89%**
2. Penghutang | **9%**
3. Inventori | **2%**
4. Aset Kewangan | **0%**

Rajah 34 menunjukkan peningkatan aset semasa sebanyak 19.7% disebabkan oleh geran belum terima, iaitu geran tambahan mengurus sebanyak RM26 juta diterima pada tahun berikutnya.

Rajah 34: Perbandingan Aset Semasa (Kumpulan) bagi Tahun 2021 dan 2020

Aset Bukan Semasa (Kumpulan) 2021 dan 2020



2021: RM7,377 juta

1. Hartanah, Loji & Peralatan | **97%**
2. Aset Kewangan | 3%
3. Lain-lain | **0%**

2020: RM7,486 juta

1. Hartanah, Loji & Peralatan | **97%**
2. Aset Kewangan | **2%**
3. Lain-lain | **1%**

Rajah 35: Perbandingan Aset Bukan Semasa (Kumpulan) bagi Tahun 2021 dan 2020

Rajah 35 menunjukkan pengurangan aset bukan semasa sebanyak 1.5% adalah disebabkan oleh susut nilai Bangunan Hospital Pakar Kanak-Kanak (PFI) yang diambil kira sepanjang tahun 2021 berbanding tahun 2020 dan susut nilai hanya diambil kira untuk bulan Disember 2020 sahaja.

Liabiliti Semasa (Kumpulan) 2021 dan 2020



2021: RM105 juta

1. Pemiutang | **79%**
2. Peruntukan Manfaat | **14%**
3. Liabiliti Konsesi Perkhidmatan | **7%**

2020: RM131 juta

1. Pemiutang | **69%**
2. Peruntukan Manfaat | **12%**
3. Liabiliti Konsesi Perkhidmatan | **18%**

Rajah 36: Perbandingan Liabiliti Semasa (Kumpulan) bagi Tahun 2021 dan 2020

Rajah 36 menunjukkan penurunan liabiliti semasa sebanyak 19.7% disebabkan oleh bayaran kepada syarikat konsesi telah bermula pada Januari 2021 bagi Hospital Pakar Kanak-Kanak (PFI).

Liabiliti Bukan Semasa (Kumpulan) 2021 dan 2020



2021: RM1,120 juta

1. Liabiliti Konsesi Perkhidmatan | **53%**
2. Pendapatan Tertunda | **25%**
3. Peruntukan Manfaat| **19%**
4. Lain-lain | **3%**



2020: RM1,097 juta

1. Liabiliti Konsesi Perkhidmatan | **55%**
2. Pendapatan Tertunda | **25%**
3. Peruntukan Manfaat| **18%**
4. Lain-lain | **3%**

Rajah 37: Perbandingan Liabiliti Bukan Semasa (Kumpulan) bagi Tahun 2021 dan 2020

Rajah 37 menunjukkan peningkatan liabiliti bukan semasa sebanyak 2.1% disebabkan oleh peruntukan manfaat gantian cuti rehat dan kos perubatan.

Hospital Pengajar UKM

Menyantuni Masyarakat, Memperkasa Kesihatan



Sepintas Lalu

Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur di Cheras terus berdiri megah dengan adanya dua buah Hospital Pengajar, iaitu Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) yang menjadi kebanggaan UKM. Malah, UKM menjadi satu-satunya Universiti Awam (UA) Malaysia yang memiliki dua buah Hospital Pengajar

Sesuai dengan TERAS UKM, UKM memberi perhatian terhadap S.I.H.A.T. *(Sustainable Inclusive Healthcare that is Affordable and Trustworthy)* dalam usaha mengukuhkan keupayaan bakat tempatan dalam sektor perubatan, biomedikal dan teknologi kesihatan. Dengan kewujudan dua buah Hospital Pengajar ini, kualiti perkhidmatan terhadap pesakit dapat ditingkatkan.

Secara umumnya, fungsi Hospital Pengajar berbeza dengan Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Fungsi utama Hospital Pengajar adalah seperti berikut:

Perkhidmatan

- Menyediakan perkhidmatan perawatan komprehensif
- Pusat Rujukan Tertiari
- Khidmat Perundingan Kepakaran

Pendidikan

- Kemudahan latihan kepada Fakulti Perubatan dan Fakulti lain di UKM
- Latihan Klinikal di Pusat-pusat Kecemerlangan
- Latihan Subkepakaran kepada KKM, Universiti dalam dan luar negara.

Penyelidikan

- Menyokong penyelidikan berimpak tinggi
- Bekerjasama dengan organisasi dalam dan luar negara.

> UKM menjadi satu-satunya **Universiti Awam (UA)** Malaysia yang memiliki dua buah Hospital Pengajar. Sesuai dengan **TERAS UKM,** UKM memberi perhatian terhadap **S.I.H.A.T.** *(Sustainable Inclusive Healthcare that is Affordable and Trustworthy).”*

Bidang Sains dan Teknologi

Hospital Pengajar UKM dipandu oleh satu badan yang dikenali sebagai Majlis Hospital Pengajar UKM. Majlis berfungsi membincangkan semua polisi dan dasar berkaitan Hospital-hospital Pengajar UKM, menerima laporan secara berkala berkaitan pengurusan, kewangan dan pembangunan hospital, mencadangkan kepada pengurusan hospital langkah-langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa; dan membuat pemantauan terhadap perjalanan hospital selari dengan hala tuju yang digariskan.

Struktur Majlis adalah seperti berikut:

Pengerusi Naib Canselor UKM

Ahli
Tiga orang Ahli LPU tidak termasuk Pengerusi
Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Pengarah Hospital Pakar Kanak-kanak
Dekan Fakulti Perubatan
Dekan Fakulti Sains Kesihatan
Dekan Fakulti Farmasi
Dekan Fakulti Pergigian
Pendaftar
Bendahari

Setiausaha Timbalan Pendaftar
Hospital Canselor Tuanku Muhriz



Baris atas dari kiri: YBhg. Prof. Dato’ Dr. Hanafiah Haruna Rashid (Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Makmor Bakry (Dekan Fakulti Farmasi), YBhg. Prof. Dr. Raja Affendi Raja Ali (Dekan Fakulti Perubatan), YBhg. Prof. Dr Noor Hayaty Abu Kasim (Dekan Fakulti Pergigian), YBhg. Prof. Dr. Suzana Sahar (Dekan Fakulti Sains Kesihatan), Encik Mursidi Ahamad (Timbalan Pendaftar HCTM).
Baris bawah dari kiri: YBrs. Dr. Hjh Ina Md. Yasin (Pendaftar UKM), YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Sukiman Sarmani (Ahli LPU), YBhg. Prof. Dato’ Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Haji Toriman (Naib Canselor UKM), YBhg. Dato’ Yeow Wah Chin (Ahli LPU), Puan Norini Mohamad (Bendahari UKM).

Sejarah Ringkas Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) mula dibina pada 2 November 1993. Pembinaan HUKM dimulakan di tapak seluas 23 hektar di Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur. Pada 1 Julai 1997, HUKM telah siap dibina dan memulakan operasi dilengkapi dengan pelbagai peralatan moden dan terkini. YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah merasmikannya pada 14 Julai 1998.

HUKM dinamakan semula sebagai Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) pada 14 Oktober 2014 dan telah disempurnakan perasmiannya oleh DYMM Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM. Penjenamaan baharu ini merupakan suatu pengiktirafan dan kebanggaan warga UKM terhadap kelangsungan kecemerlangan Hospital Pengajar yang ditubuhkan pada tahun 1997 untuk melahirkan pakar dalam pelbagai bidang perubatan dan kesihatan.

Pentadbiran HCTM disokong oleh 13 buah Jabatan Klinikal, sembilan (9) buah Jabatan Sokongan Klinikal, enam (6) buah Jabatan Pentadbiran dan lapan (8) Pusat Kecemerlangan Hospital yang mempunyai peranan dan fungsi tersendiri bagi menyokong pentadbiran dan pengurusan HCTM.

Tahun 2022 merupakan tahun yang amat penting.

Menyokong Kepada Penyelidikan Berimpak Tinggi







Pengajaran Bermutu Tinggi







Kepakaran Klinikal


Sesuai dengan kedudukannya sebagai Pusat Rujukan Tertiari, Hospital Pengajar UKM mempunyai pelbagai kepakaran /subkepakaran perubatan, iaitu:

Kepakaran / Subkepakaran 104					
1	*Adolescent Health In Primary Care*	36)	Neonatalogi	70)	Perubatan Pemulihan Surgeri
2	*Advanced Acute Stroke Care and STEMI Network*	37)	Neurologi	71)	Perubatan Rehabilitasi Ortopedik
3	*Advanced Resuscitation*	38)	Neuro-Otologi	72)	Perubatan Reproduktif
4	Anestesia dan Rawatan Intensif	39)	Neurosurgeri	73)	*Point-Of-Care UltraSound (POCUS)*
5	Anestesia Kardiotorasik	40)	Obstetrik & Ginekologi	74)	Psikiatri Am dan Dewasa
6	Anestesia Obstetrik	41)	Oftalmologi	75)	Psikiatri Geriatrik
7	Anestesia Pediatrik	42)	Oftalmologi Pediatrik	76)	Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja
8	Bedah Mulut dan Maksilofasial	43)	Okuplastik	77)	Psikiatri Komuniti
9	Dermatologi	44)	Onkologi Klinikal	78)	Radiologi Diagnostik
10	*Dermatology In Primary Care*	45)	Ortopedik Am	79)	Radiologi Intervensi
11	Endokrinologi & Metabolisma	46)	Otorinolaringologi (ENT)	80)	Radiologi Neurointervensi
12	Forensik	47)	Otorinolaringologi (Kanak-kanak)	81)	Rawatan Rapi/Intensif
13	Gastroenterologi & Hepatologi	48)	Paliatif	82)	Respiratori
14	Geriatrik	49)	Patologi (Anatomik)	83)	Retina Medikal
15	Gigitan Ular & Toksikologi (Snake Envenoming & Toxinology)	50)	Patologi (Forensik)	84)	Rheumatologi
16	Ginekologi	51)	Patologi (Hematologi)	85)	Selular Immunoterapi Kanser
17	Ginekologi Pediatrik & Remaja *(Paediatric Adolescents Gynaecology)*	52)	Patologi (Patologi Kimia)	86)	*Smoking Cessation*
18	Glaukoma	53)	Pediatrik Oftalmologi	87)	Surgeri Am
19	*Health Screening & Promotive Health*	54)	Pembedahan Artroplasti	88)	Surgeri Endokrin
20	Hematologi	55)	Pembedahan Kardiotorasik	89)	Surgeri gastro-usus
21	Hidung dan Dasar Otak	56)	Pembedahan Onkologi Ortopedik	90)	Surgeri Hepatobiliari
22	*High Fidelity Clinical Simulation*	57)	Pembedahan Pediatrik	91)	Surgeri Kolorektal
23	Infertiliti	58)	Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif	92)	Surgeri Pediatrik
24	Kardiologi	59)	Pembedahan Trauma, Kecederaan, Kaki dan Bukulali/ Rawatan Kaki Diabetik	93)	Surgeri Plastik dan Rekonstruktif
25	Katarak	60)	Pembedahan tulang belakang (Spinal)	94)	Surgeri Rekonstruktif Payudara
26	Kawalan Infeksi	61)	Pembedahan/Rawatan Kecederaan Sukan	95)	Surgeri Tangan
27	Kepala dan Leher	62)	Pemindahan Sum-sum Tulang	96)	Surgeri Transplan
28	Kornea	63)	Pengurusan Kesakitan (Akut dan Kronik)	97)	Surgeri Vaskular
29	Laringologi (Tekak, Peti Suara)	64)	Penyakit Berjangkit	98)	Terapi Sel Regeneratif
30	*Longterm Stroke Care*	65)	Perubatan Am dan Pediatrik Am	99)	Tetapi Sel Regeneratif
31	Makmal & Diagnostik	66)	Perubatan Cara Kerja	100)	Transplantasi Sel Stem
32	*Maternal fetal medicine*	67)	Perubatan Kecemasan	101)	Traumatologi
33	Mikrobiologi Perubatan & Imunologi	68)	Perubatan Keluarga	102)	Uroginekologi
34	*Minimally Invasive Surgery (MIS)*	68)	Perubatan Keluarga	103)	Urologi
35)	Nefrologi	69)	Perubatan Pemulihan	104)	*Vitreo-retina*

Prestasi Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Prestasi HCTM menunjukkan peningkatan dalam memberikan perkhidmatan melalui statistik kehadiran pesakit sejak 2010 kecuali pada 2020.

Statistik Kedatangan Pesakit ke HCTM 2010 – 2021




	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pesakit Luar	403,699	398,795	538,987	543,505	530,917	547,117	553,400	566,303	591,250	614,687	428,923	440,681
Pesakit Dalam	34,517	35,171	34,473	35,263	35,837	37,190	39,094	37,002	37,769	40,082	32,689	29,874
Jumlah Keseluruhan	438,216	433,966	573,460	578,768	566,754	584,307	592,494	603,305	629,019	654,769	461,612	470,555

Rajah 38: Kedatangan Pesakit ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz pada Tahun 2010 hingga 2021

Pada tahun 2021, sejumlah 470,555 orang pesakit telah mendapatkan perkhidmatan pesakit luar dan dalam di Hospital Canselor Tuanku Muhriz berbanding seramai 461,612 pada tahun 2020 (peningkatan sebanyak 2%). Secara khususnya, pengurangan kategori pesakit dalam adalah pada kadar 9% (29,874) berbanding tahun 2020 (32,689), manakala terdapat peningkatan pesakit luar pada kadar 3% (440,681) berbanding tahun 2020 (428,923). Walaupun terdapat sedikit peningkatan melibatkan pesakit luar, pengurangan pesakit dalam masih berlaku disebabkan penggunaan Wad HCTM yang masih memberikan tumpuan kepada perawatan COVID-19 yang ketara mendadak pada Julai hingga September 2021.

HCTM telah menerima seramai 629,019 orang pesakit pada tahun 2018 (peningkatan 4% daripada tahun 2017), 603,305 orang pesakit pada tahun 2017 (peningkatan 2% daripada tahun 2016) dan sejumlah 592,494 orang pesakit mendapatkan perkhidmatan pada tahun 2016 (peningkatan 1% daripada tahun 2015). Tahun 2020 menunjukkan penurunan jumlah pesakit yang tinggi (30% daripada tahun 2019), namun terdapat peningkatan sebanyak 2% pada tahun 2021. Jumlah tertinggi pesakit luar dan pesakit dalam direkodkan dalam tempoh 11 tahun perkhidmatan (2010-2021) adalah pada tahun 2019, iaitu sebanyak 614,197 orang (pesakit luar) dan 40,082 orang (pesakit dalam).


Statistik Pesakit Mengikut Kategori Jantina 2017 – 2021



Rajah 39: Statistik Pesakit Mengikut Kategori Jantina 2017 – 2021

Rajah 39 menunjukkan daripada jumlah keseluruhan pesakit 470,555 yang mendapatkan rawatan pada tahun 2021 di HCTM, jumlah pesakit perempuan adalah lebih tinggi pada kadar 55% berbanding lelaki (45%) dan juga berdasarkan tiga (3) tahun sebelum, iaitu pada kadar 53% (2020), 55% (2019), 56% (2018).


Statistik Pesakit Mengikut Kategori Jantina 2017 – 2021



Rajah 40: Statistik Pesakit Mengikut Kategori Bangsa 2017 – 2021

Rajah 40 menunjukkan bangsa Melayu merupakan pesakit tertinggi dengan purata kehadiran sebanyak (62%) pada 2021, diikuti oleh bangsa Cina sebanyak (28%), seterusnya diikuti oleh bangsa India, bumiputera dan lain-lain.


Statistik Pesakit Mengikut Kategori Warganegara dan Bukan Warganegara 2017 – 2021



Seramai 98% pesakit yang hadir mendapatkan rawatan di HCTM merupakan pesakit berstatus warganegara, manakala 2% mewakili pesakit bukan warganegara seperti yang ditunjukkan pada Rajah 41.

Rajah 41: Statistik Pesakit Mengikut Kategori Warganegara dan Bukan Warganegara 2017 – 2021

Statistik Pesakit Mengikut Kategori Umur 2017 – 2021



Rajah 42: Statistik Pesakit Mengikut Kategori Umur 2017 – 2021

Manakala, Rajah 42 pula menunjukkan bahawa pesakit yang berusia antara 26–45 tahun merupakan golongan tertinggi hadir mendapatkan rawatan di HCTM (29%) diikuti dengan pesakit yang berusia di antara 61–75 tahun (27%) dan 46–60 tahun (18%). Bagi kategori usia >75 tahun sebanyak (8%) dan 18–25 tahun adalah sebanyak 6%. Pesakit di antara bawah 1 tahun hingga 17 tahun adalah masing-masing pada kadar antara 2%–6%.

Program Kualiti Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Bagi memastikan penambahbaikan berterusan, pelbagai program Kualiti dirancang melalui Jabatan Kualiti HCTM. Berikut merupakan antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Program Pensijilan MS ISO 9001 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) HCTM
- Program Akreditasi MSQH
- Program Akreditasi MS 15189 Makmal
- Program Pengiktirafan Hospital Rakan Bayi
- Program Amalan 5S
- Program Keselamatan Pesakit
- Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif
- Program Mortaliti dan Morbiditi
- Program Antimicrobial Stewardship (AMS)
- Program Hospital Mesra Ibadah







Program Amalan 5S, HCTM

Pengiktirafan 4 Bintang bagi kategori Team Excellence, 5S & Anugerah 5 Organisasi Terbaik Sektor Awam Kategori *Organization Excellence (QE)*

Annual Productivity & Innovation Showcase (ArtS) anjuran MPC pada 15 dan 18 November 2021 (secara atas talian).

Persediaan Kepada Pengiktirafan *Malaysian Society For Quality In Health* (MSQH)



Keterlibatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz dalam Pengurusan COVID-19

Kesinambungan daripada penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020, HCTM masih meneruskan usaha dalam membendung dan mengurangkan penularan wabak ini. Pada 22 Disember 2020, HCTM telah mengaktifkan semula Pelan Bencana COVID-19 HCTM dan masih berfungsi sehingga kini sebagai langkah kesiapsiagaan menghadapi peningkatan semula wabak COVID-19. Jawatankuasa yang telah ditubuhkan sebelum ini turut diperkukuhkan seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pemandu;
b. Jawatankuasa Gerak Balas COVID-19 (Operasi);
c. Pasukan Surveilan COVID-19; dan
d. Bilik Gerakan COVID-19.

Bagi mengukuhkan pengurusan COVID-19 untuk membantu Negara menangani COVID-19, HCTM melaksanakan:

a. Pembukaan Wad-wad COVID-19 sebagai persediaan bagi menghadapi peningkatan jumlah pesakit COVID-19 termasuk menukar fungsi wad sedia ada menjadi Wad COVID-19.
b. Penguncupan pelbagai perkhidmatan klinikal termasuk perkhidmatan pembedahan, endoskopi dan klinik dengan pengurangan kadar operasi;
c. Penumpuan hanya kes kecemasan yang membahayakan nyawa diteruskan di Dewan Bedah dan Pusat Endoskopi mengikut garis panduan yang ketat;
d. Pelaksanaan saringan yang ketat bagi pesakit yang memerlukan pembedahan;
e. Penyediaan Pusat Saringan (swab centre) Pandu Lalu di HCTM bagi pesakit yang akan mengikuti pembedahan pesakit yang telah dirancang untuk pembedahan Surgeri Elektif (GA), Endoscopy dan Local Anesthesic (LA) secara tempahan oleh doktor;
f. Penyediaan COVID Transit Bay sebagai satu inisiatif dalam mengurus penempatan pesakit sebelum mereka dihantar masuk ke Wad COVID HCTM;
g. Pemasangan tirai plastik di wad-wad bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19 dalam kalangan pesakit;



h. Pengujian RTK semua pesakit yang akan dimasukkan ke wad;
i. Penyediaan Wad Transit bagi pesakit yang telah menjalani ujian RTK;
j. Peningkatan komunikasi dalaman melalui Pasukan Komunikasi Krisis dengan mengedarkan Kenyataan Dalaman setiap hari berhubung status terkini COVID-19 di HCTM kepada semua warga;
k. Arahan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan pemakluman berkaitan pengoperasian/ pengurusan pesakit COVID-19 turut dikeluarkan melalui edaran Pekeliling Pejabat Pengarah dari semasa ke semasa;
l. Pemberian Elaun Khas COVID-19 kepada kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan pesakit COVID-19;
m. Pengaktifan Pasukan Surveilan untuk memantau kepatuhan SOP dalam kalangan kakitangan. Pasukan ini akan mengeluarkan surat amaran terhadap kakitangan yang didapati tidak mematuhi SOP di seluruh kawasan HCTM;
n. Pengurusan pelbagai bantuan daripada Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, pihak Swasta, Parti Politik dan individu. Antara sumbangan yang diterima adalah berbentuk kewangan, peralatan, barangan makanan dan keperluan harian. HCTM juga telah menerima sumbangan empat (4) unit kontena bagi menampung peningkatan jumlah mayat di Unit Forensik.







Program Imunisasi Vaksin COVID-19 HCTM

Sebagai universiti watan, UKM juga turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui khidmat yang diberikan oleh Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM). Dalam usaha untuk mencapai imuniti kelompok (herd immunity), HCTM tidak ketinggalan untuk menyediakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) melalui Special PPV di HCTM sendiri, PPV Pandu Lalu menggunakan ruang di Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) dan PPV Bergerak (Mobile PPV). Melalui usaha ini, UKM dapat membantu pemberian sebanyak 95,180 vaksin meliputi Dos 1, Dos 2 dan Dos 3 (Penggalak).

Program PPV ini bermula 1 Mac hingga 23 November 2021 melibatkan seramai 612 orang yang terdiri daripada pelbagai kategori jawatan termasuk sukarelawan. Perbelanjaan PPV HCTM sepanjang operasi adalah sebanyak RM232,848.44 (tidak termasuk elaun petugas).

Program PPV Bergerak mensasarkan penerima dalam kalangan penduduk luar bandar termasuk mereka yang terlantar di rumah. Ia memberikan kemudahan kepada mereka yang mempunyai masalah capaian akses vaksin, masalah kemudahan kenderaan dan lain-lain lagi. Jelasnya, usaha ini mengambarkan keprihatinan UKM dalam membantu masyarakat umum.

Bagi tujuan penyelarasan pemberian vaksin, Task Force Vaksin COVID-19 HCTM telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Pro Naib Canselor, Kampus Kuala Lumpur, manakala Ketua Unit Kawalan Infeksi, Dr. Sharifah Azura Salleh telah dilantik sebagai Penyelaras.



PPV Khas HCTM

- Mulai 18 Mei 2021
- Untuk penerima yang dirujukkan oleh Klinik Pakar dan Wad di HCTM dan juga rujukan PPV luar di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur





PPV Bergerak - Parit Sulong

- Mulai 14 Jun 2021
- Jumlah Penerima: 5300 orang (5000 Sinovac, 300 Pfizer)

Jaringan dan Khidmat Masyarakat

HCTM merupakan Hospital Pengajar yang telah dipilih untuk mengetuai Program KPT PRIHATIN, KOMUNITI SEJAHTERA (KRIS) di kawasan Lembah Klang dan Zon Selatan. Program klinik bergerak ini merupakan satu program melibatkan penyediaan rawatan asas dan pemeriksaan percuma kepada warga tempatan khususnya golongan rentan bandar bagi memperkasakan penjagaan kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Peruntukan sebanyak RM5,580,000.00 telah disalurkan bagi menjayakan pelaksanaan program ini untuk tempoh 2021 sehingga 2022.

HCTM telah melaksanakan sebanyak 12 program KRIS sepanjang tempoh mulai Jun hingga Disember 2022.

> Peruntukan sebanyak **RM5,580,000.00** telah disalurkan bagi menjayakan pelaksanaan program ini untuk **tempoh 2021 sehingga 2022.“**

Program Outreach

- Unjuran perbelanjaan sebanyak RM5,580,000.00 telah disediakan bagi pelaksanaan 34 projek yang dijadualkan dilaksanakan sehingga Oktober 2022. Peruntukan juga termasuk pembelian aset (penyediaan Klinik Bergerak).
- Jawatankuasa Teknikal dan Pelaksanaan Program *Outreach* - KPT Prihatin, Komuniti Sejahtera (KRIS), HCTM dipengerusikan oleh Pengarah HCTM.
- KPT membenarkan Program Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak HCTM dijadikan sebagai Program *Outreach*-KRIS.
- Pelawaan kepada PPUM, HPUPM, HUiTM untuk turut serta.
- Pelawaan juga kepada PTj di UKM

Sehingga Disember 2021, JK Outreach-KRIS merancang:

a) Program Saringan Kesihatan KPT
b) Program Sunathon
c) Program Pendidikan Kesihatan Fakulti Perubatan, UKM
d) HCTM Hygiene Program
e) Klinik Optometri Bergerak
f) Klinik Pergigian Bergerak
g) Program Pemakanan dan Kesihatan



Bantuan Banjir Kakitangan Kampus Kuala Lumpur

Manga yang terlibat seramai 155 orang kakitangan Kampus Kuala Lumpur. HCTM turut terlibat menghulurkan bantuan





Program Outreach-KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS)

Sunathon HCTM

Berlangsung pada 11 Disember 2021 di Hospital Canselor Tuanku Muhriz. Disertai oleh 97 orang kanak-kanak terdiri daripada anak-anak warga UKM, HCTM dan HPKK, anak-anak yatim dari Rumah Tengku Budriah dan Rumah Ronald McDonald serta anak-anak penduduk sekitar Hulu Langat.

Disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abdul Razak.





Sunathon PDRM-HCTM 2021

Berlangsung pada 19 Disember 2021 di Bukit Aman

Disertai oleh 62 orang kanak-kanak terdiri daripada anak-anak warga PDRM. Disempurnakan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani,

Sunathon Parit Sulong 2021

Berlangsung pada 24 Disember 2021 di MRSM Batu Pahat

Disertai oleh 42 orang kanak-kanak. Disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Dr Noraini dan disertai oleh anak-anak penduduk sekitar Part Sulong



Sejarah Ringkas Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK)





Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) telah dibangunkan bersebelahan dengan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) di Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur bagi menaikkan taraf perkhidmatan kesihatan sedia ada. Pelaksanaan projek ini yang berkeluasan 2,171,531 kaki persegi adalah bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan kesihatan khususnya dalam bidang kepakaran kanak-kanak dan ia menjadi Hospital Pakar Kanak-kanak pertama di Malaysia. Objektif penubuhan HPKK adalah untuk menjadi pusat rujukan dalam bidang kepakaran kanak-kanak yang tersohor.

Hospital ini mempunyai 243 katil dan 54 *step-down apartments* (bagi menyediakan penempatan kepada pesakit yang sedang pulih bersama keluarga mereka). Terdapat juga Pusat Pesakit Antarabangsa *(International Patients Centre)* bagi menjana kewangan melalui medical tourism. Terdapat juga bangunan tempat letak kereta bertingkat bagi menempatkan 1,300 kenderaan pada satu-satu masa.

Hospital ini mempunyai sistem maklumat hospital bersepadu dan berkonsepkan 'paperless'. HPKK UKM mempunyai ciri-ciri mesra pesakit, mesra keluarga dan mesra kakitangan. Terdapat juga 10 makmal penyelidikan sebagai usaha menjadikan hospital ini intensif penyelidikan dalam bidang perubatan pediatrik. Pada 31 Disember 2020, UKM secara rasminya telah menerima bangunan HPKK setelah UKM mengeluarkan *Certificate of Acceptance (CoAC)* kepada syarikat konsesi pada 30 Disember 2020. HPKK dijangka akan mula beroperasi pada Mac 2021.

Sebagai hospital pakar kanak-kanak pertama di Malaysia, terdapat lima (5) bidang kekuatan utama perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh HPKK, iaitu:

1. Pusat Perkembangan Kanak-kanak
2. Rawatan Implan Koklea
3. Rawatan Surgeri Skoliosis
4. Rawatan Surgeri Laparoskopi Pediatrik
5. Rawatan Surgeri *Neuro-Oncology Intraoperative Hybrid MRI*

HPKK telah mula beroperasi secara berfasa dengan menerima pesakit luar pertama pada 27 April 2021. Pengoperasian berfasa ini dimulakan dengan penerimaan pesakit luar yang kebanyakannya terdiri daripada pesakit yang pernah menerima rawatan di HCTM. Pada permulaan pengoperasian, seramai 612 orang pesakit telah hadir bagi mendapatkan rawatan di Klinik Pakar, 181 orang pesakit telah hadir bagi mendapatkan rawatan di Rehabilitasi dan seramai 78 orang pesakit telah hadir mendapatkan rawatan di Perkembangan Kanak-kanak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pesakit luar HPKK bagi bulan pertama pengoperasian sehingga 28 Mei 2021 adalah seramai 871 orang pesakit. Seterusnya, HPKK turut merangka perancangan pembukaan wad pada bulan Jun 2021. Walau bagaimanapun, hasrat awal HPKK ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu susulan pengambilmilikan sementara sebagai Hospital COVID-19.

HPKK Ke Hospital COVID-19: Sejarah Tercipta



"Peperangan masih belum tamat dan semakin sengit. Kita perlu bersatu dan kesepaduan akan membezakan sama ada kita akan menangani COVID-19 dengan baik."

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Dalam keterujaan dan persiapan HPKK UKM untuk menerima pesakit kanak-kanak pertama secara berfasa pada akhir bulan April 2021, satu sejarah telah tercipta dan melakar transformasinya yang tersendiri sekali gus mengubah norma perkhidmatan rawatan HPKK UKM. Segalanya berubah apabila Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah telah mengumumkan pengambil alihan sementara HPKK sebagai Hospital Pesakit COVID-19 melalui sidang media pada 22 Mei 2021 di bawah Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 susulan peningkatan kes COVID-19 yang mendadak di Malaysia pada ketika itu. Melalui pemilikan sementara HPKK UKM oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) HPKK akan berperanan menjadi Hospital Pesakit COVID-19 bagi pesakit kategori 4 dan 5 yang mempunyai gejala serius dan memerlukan pemantauan serta rawatan rapi di ICU. Pada 4 Jun 2021, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Yasin telah menandatangani Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 yang membenarkan HPKK beroperasi sepenuhnya sebagai hospital merawat pesakit COVID-19. Pada 4 Jun 2021, HPKK secara rasmi telah beroperasi sebagai Hospital COVID-19.

Pada 11 Jun 2021, YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yasin dengan diiringi Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad telah melakukan lawatan ke HPKK bagi meninjau persiapan serta persediaan untuk menerima dan merawat pesakit COVID-19. Tarikh 17 Jun 2021 merupakan tarikh keramat yang akan kekal tersemat dalam sejarah apabila pesakit pertama dari MAEPS Serdang telah dirujuk ke HPKK. Beberapa buah wad telah dibuka oleh HPKK UKM bagi menampung kemasukan pesakit kategori 4 dan 5, iaitu:

1) Unit Rawatan Rapi (ICU) yang dibahagikan kepada ICU 1, ICU 2 dan ICU 4; dan
2) Wad Pediatrik Hemato-Onko (WPH) untuk menempatkan pesakit *Stepdown*

Susulan peningkatan kes postif COVID-19 yang mendadak di Lembah Klang pada sekitar bulan Julai 2021, HPKK dengan kerjasama daripada *Greater Klang Valley Special Task Force* telah merancang langkah strategik bagi mengoptimumkan tindakan pengesanan kes, perkhidmatan perawatan, sokongan logistik perubatan dan am, perkhidmatan sokongan kepada komuniti, petugas kesihatan dan barisan hadapan. Dalam hal ini, HPKK telah membuka Jabatan Kecemasan (ED) yang dibahagikan kepada wad E (di kawasan kecemasan) dan wad L (di kawasan lobi utama) untuk menempatkan pesakit yang memerlukan rawatan dan pemantauan di samping membantu hospital lain di Lembah Klang.

HPKK melabuhkan tirai sebagai Hospital COVID-19 dengan pemindahan pesakit terakhir pada 8 Oktober 2021 ke Hospital Kuala Lumpur. Pada 15 Oktober 2021, notis penamatan pengambilalihan HPKK sebagai Hospital COVID-19 telah dipersetujui pada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengambilalihan Sementara HPKK UKM Bil.3/2021 bertarikh 27 Oktober 2021.

HPKK merancang untuk kembali kepada fungsi asal sebagai hospital pakar kanak-kanak pada minggu ketiga November 2021. Berikut adalah kronologi transformasi HPKK:

27 April
- Pengoperasian HPKK secara berperingkat
- Penerimaan pesakit pertama

21 Mei
- HPKK menerima lawatan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Dato Dr. Norhizan dan delegasi KKM dan KPT
- KM menyatakan hasrat mengambilalih sementara HPKK

4 Jun (2 minggu)
- Tan Sri Muhyiddin Yassin menandatangani surat Pengambilmilikan sementara HPKK oleh KKM melalui Seksyen 3 & 4 Ordinan Darurat Kuasa-kuasa Perlu 2021

11 Jun (1 minggu)
- Tan Sri Muhyiddin Yassin melawat HPKK diringi Menteri KPT dan KMM bagi meninjau persiapan HPKK sebagai Hospital COVID

17 Jun (1 minggu)
- HPKK mula beroperasi sebagai hospital COVID
- Menerima pesakit COVID pertama rujukan dari MAEPS

28 Julai (6 minggu)
- Pembukaan Wad ED secara rasmi
- Menerima pesakit COVID pertama ke ED rujukan dari HTAR Klang

15 Oktober (11 minggu)
- Tamat pengoperasian sebagai Hospital Covid-19

Statistik kumulatif pesakit COVID-19 mengikut kes sehingga 8 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

01	02	03	04	05	06
842 JUMLAH KES	6 Dalam Rawatan (ICU 1)	1 Dalam Rawatan (ICU 2)	744 Kes Sembuh	20 Kes Dipindahkan	71 Kes Kematian

Berikut merupakan perincian rujukan daripada fasiliti kesihatan yang diterima oleh HPKK UKM daripada pelbagai hospital di sekitar Lembah Klang:

Bil	Fasiliti Kesihatan	Jumlah Pesakit
1	MAEPS	488
2	Hospital Tuanku Ampuan Rahimah (HTAR)	220
3	Hospital Kuala Lumpur (HKL)	69
4	Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)	16
5	Hospital Putrajaya	14
6	Hospital Kajang	13
7	Hospital Shah Alam	4
8	Hospital Serdang	2
9	Lain-lain	16
	Jumlah	**842**

Kesiapsiagaan Pengambilalihan HPKK UKM sebagai Hospital COVID-19



Lawatan Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Perdana Menteri Malaysia



Lawatan Tan Sri Dato' Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Lawatan Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, Naib Canselor UKM



Lawatan Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood dan Datuk Dr. Choong Chee Keong



Barisan Hadapan HPKK



Rawatan ke atas Pesakit COVID-19




Pesakit Pertama di HPKK



Lawatan dari Greater Klang Valley Task Force (GKVTF)



Sebelum



Selepas

Transformasi Wad




Sebelum




Selepas

Transformasi Jabatan Kecemasan


Transformasi Lobi Utama HPKK UKM



Sebelum



Selepas pembukaan wad L



Selepas penutupan wad L

Aktiviti Perkhidmatan Kaunseling Dalam Tempoh Hospital COVID-19

Talian Sokongan Psikososial COVID-19 telah mula beroperasi pada 17 Jun 2021 bagi memberi sokongan psikologi dan emosi kepada kakitangan yang berkhidmat di HPKK sepanjang HPKK menjadi Hospital COVID-19. Talian hotline ini dibuka pada jam 8.00 pagi sehingga 5 petang (setiap hari bekerja). Talian ini dikendalikan oleh Pasukan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial COVID-19 (MHPSS) HPKK yang terdiri dari Pegawai Psikologi Klinikal dan Pegawai Kaunseling. Sepanjang perkhidmatan ini dibuka, pihak pasukan MHPSS HPKK telah menerima 11 panggilan dan satu kes hadir secara bersemuka. Pasukan MHPSS menggunakan pendekatan PFA (Psychological First Aid) bagi menyantuni panggilan yang diterima.





Pemindahan Pesakit Terakhir ke Hospital Kuala Lumpur



Barisan Hadapan HPKK UKM

Peralihan Semula Hospital Pakar Kanak-kanak UKM pada Fungsi Asal

Setelah menamatkan pengoperasian sebagai Hospital COVID-19 secara rasminya pada 15 Oktober 2021, HPKK telah mensasarkan untuk kembali kepada fungsi asal, iaitu Hospital Pakar Kanak-kanak. Pada peringkat awal, HPKK telah merancang untuk memulakan pengoperasian semula pada minggu ketiga bulan November 2021. Namun, perancangan untuk membuka semula HPKK UKM terpaksa ditangguhkan kerana berlakunya isu kulat di sekitar kawasan HPKK. Kerja membaik pulih telah giat dilakukan bagi memastikan pengoperasian HPKK dapat berjalan seperti sedia kala semula.

Tamat Fungsi HPKK sebagai **Hospital Covid-19:**
15 Oktober 2021 (Jumaat)

Jangkaan pengoperasian **semula HPKK:**
Minggu ke-3 November 2021

Penangguhan penerimaan **pesakit:**
Masalah kulat

> Susulan peningkatan kes **postif COVID-19** yang mendadak di Lembah Klang pada sekitar bulan J**ulai 2021, HPKK** dengan kerjasama daripada ***Greater Klang Valley Special Task Force*** telah merancang langkah strategik bagi mengoptimumkan tindakan **pengesanan kes, perkhidmatan perawatan, sokongan logistik perubatan dan am, perkhidmatan sokongan kepada komuniti, petugas kesihatan** dan **barisan hadapan."**

Peristiwa Penting Bagi Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM Tahun 2021



Kunjungan Ahli Jawatankuasa Rumah Kebajikan Ronald McDonald
5 Mac 2021



Pembukaan Klinik Pakar
27 April 2021



Lawatan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi dan YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Kesihatan untuk melihat pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Lalu bertempat di Tempat Letak Kenderaan Bertingkat HPKK
3 Jun 2021



Lawatan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Perdana Menteri Malaysia untuk melihat sendiri persiapan HPKK sebelum memulakan operasi sebagai Hospital COVID-19
11 Jun 2021



Lawatan oleh YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Kesihatan melihat persiapan HPKK selepas gelombang ketiga
29 Julai 2021



Pesakit COVID-19 terakhir meninggalkan HPKK
8 Oktober 2021



Penyata Kewangan



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 63.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Kebangsaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Kebangsaan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Kebangsaan Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan.

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Kebangsaan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ@JUNED)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
8 OGOS 2022

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH (AKAUN KUMPULAN)

Kami **PROF. EMERITUS DATO' DR. MOHAMAD ABD. RAZAK** dan **PROF. DATO' TS. DR. MOHD. EKHWAN HJ. TORIMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai, Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti,

PROF. EMERITUS DATO' DR. MOHAMAD ABD. RAZAK
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Tarikh : 17 FEB 2022

UKM Bangi

PROF. DATO' TS. DR. MOHD. EKHWAN HJ. TORIMAN
Naib Canselor

Tarikh : 17 FEB 2022

UKM Bangi

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Saya, **MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN (K.P. 720726-01-5267)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
Di Kajang Selangor)
Pada 17 FEB 2022) **MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A.(M)**

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B530
Norhaizan Binti Omar
(N921)
1.1.2021 - 31.12.2023
MALAYSIA

Tetuan Roslina & Norhaizan
Peguambela & Peguamcara
No. 5M, Jalan Hentian 3,
Hentian Bas Kajang,
Off Jalan Reko,
43000 Kajang, Selangor.
Tel : 603-8741 9275 Fax : 603-8737 3904
H/P : 012-6260728
Email : haizanomar@gmail.com

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan 2021 RM	Kumpulan 2020 RM *Dinyatakan semula*	Universiti 2021 RM	Universiti 2020 RM *Dinyatakan semula*
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah loji dan peralatan	4	7,161,829,792	7,287,589,218	7,120,226,147	7,242,442,696
Aset tak ketara	5	3,852,284	3,946,526	3,852,284	3,946,526
Pelaburan dalam entiti dikawal	6	-	-	8,000,000	8,000,000
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	7	204,170,614	186,894,912	204,170,614	186,894,912
Aset kewangan lain	8	970,574	700,000	500,000	500,000
Penghutang transaksi tukaran	9	6,234,081	6,826,198	6,234,081	6,826,198
		7,377,057,345	7,485,956,854	7,342,983,126	7,448,610,332
ASET SEMASA					
Inventori	10	26,777,031	21,464,677	22,149,984	17,005,074
Penghutang transaksi tukaran	9	90,392,140	98,827,994	77,358,444	78,295,091
Terhutang oleh entiti dikawal dari transaksi tukaran	11	-	-	14,683,618	15,206,378
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	7	55,243,195	-	55,243,195	-
Penghutang transaksi bukan tukaran	12	30,094,698	3,739,873	26,000,000	-
Simpanan tetap di bank		939,273,437	961,721,917	934,284,342	956,087,786
Tunai di tangan dan di bank		95,954,952	92,263,403	82,248,460	74,485,058
		1,237,735,453	1,178,017,864	1,211,968,043	1,141,079,387
Aset operasi dihentikan	13	160,861	-	-	-
Jumlah aset semasa		1,237,896,314	1,178,017,864	1,211,968,043	1,141,079,387
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang transaksi tukaran	14	73,632,681	77,441,800	53,983,663	50,535,485
Pemiutang transaksi bukan tukaran	15	8,339,081	3,612,759	8,339,081	3,612,759
Liabiliti konsesi perkhidmatan	16	7,198,662	24,281,830	7,198,662	24,281,830
Peruntukan	17	14,535,927	15,980,839	14,535,927	15,980,839
Pemiutang pajakan	18	207,632	96,540	-	-
Pinjaman	19	138,815	9,845,163	-	-
Peruntukan cukai		154,246	-	-	-
		104,207,044	131,258,931	84,057,333	94,410,913
Liabiliti operasi dihentikan	13	1,198,052	-	-	-
Jumlah liabiliti semasa		105,405,096	131,258,931	84,057,333	94,410,913
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Liabiliti konsesi perkhidmatan	16	592,699,508	599,898,170	592,699,508	599,898,170
Peruntukan	17	217,257,361	197,408,343	217,257,361	197,408,343
Pemiutang pajakan	18	594,625	233,859	-	-
Pinjaman	19	23,157,698	24,517,764	-	-
Pendapatan tertunda	20	279,571,232	269,722,238	279,571,232	269,722,238
Akaun amanah penyelidikan	21	4,653,884	3,871,600	-	-
Cukai tertunda	22	2,445,500	1,780,300	-	-
		1,120,379,808	1,097,432,274	1,089,528,101	1,067,028,751
ASET BERSIH		7,389,168,755	7,435,283,513	7,381,365,735	7,428,250,055

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan 2021 RM	Kumpulan 2020 RM	Universiti 2021 RM	Universiti 2020 RM
EKUITI/ASET BERSIH				
Kumpulan Wang :-				
Kumpulan Wang Mengurus	237,362,094	284,888,902	225,474,074	273,770,444
Kumpulan Wang lain : -				
Pembangunan	6,272,988,617	6,354,902,968	6,272,988,617	6,354,902,968
Entiti Perniagaan	121,667,030	87,741,838	121,667,030	87,741,838
Tabung Amanah dan Akaun Khas	79,978,282	72,402,752	79,978,282	72,402,752
Hasil	278,328,359	253,706,083	282,413,359	257,791,083
Pelaburan	163,446,080	145,663,956	163,446,080	145,663,956
Pinjaman	23,735,500	23,735,500	23,735,500	23,735,500
Penyelidikan	211,662,793	212,241,514	211,662,793	212,241,514
	7,389,168,755	7,435,283,513	7,381,365,735	7,428,250,055

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan 2021 RM	Kumpulan 2020 RM *Dinyatakan semula*	Universiti 2021 RM	Universiti 2020 RM *Dinyatakan semula*
HASIL					
Transaksi bukan pertukaran					
Geran mengurus		1,056,142,550	945,645,629	1,056,142,550	945,645,629
Geran pembangunan dilunaskan	20	199,477,990	50,060,754	199,477,990	50,060,754
Geran penyelidikan dilunaskan	20	69,065,167	33,693,467	69,065,167	33,693,467
Yuran pelajar (disubsidi)		74,575,673	76,027,822	74,575,673	76,027,822
Perkhidmatan perubatan (disubsidi)		92,933,061	80,383,884	92,933,061	80,383,884
Sumbangan dan derma		29,564,205	33,864,533	29,564,205	33,864,533
Pendapatan bukan pertukaran lain	23	40,819,137	40,631,554	40,819,137	40,477,597
		1,562,577,783	1,260,307,643	1,562,577,783	1,260,153,686
Transaksi pertukaran					
Yuran pelajar		62,550,674	54,479,412	62,550,674	54,479,412
Perkhidmatan perubatan		78,712,666	69,294,614	-	-
Pendapatan penyelidikan dan perkhidmatan lain		4,173,274	14,057,380	-	-
Pendapatan kewangan	24	19,593,005	44,266,716	19,221,198	44,580,111
Pendapatan lain	25	83,406,080	50,957,587	69,600,032	61,984,421
		248,435,699	233,055,709	151,371,904	161,043,944
JUMLAH HASIL		1,811,013,482	1,493,363,352	1,713,949,687	1,421,197,630
PERBELANJAAN					
Emolumen pekerja	26	883,440,658	864,962,783	863,726,471	848,152,471
Perkhidmatan dan bekalan	27	607,176,831	560,540,054	537,001,493	496,678,489
Pemberian dan kenaan tetap		19,736,921	15,768,181	16,384,796	11,612,967
Susut nilai dan pelunasan	28	186,433,554	109,972,232	182,906,067	106,471,210
Perbelanjaan lain	29	77,529,790	118,601,440	79,921,470	129,328,604
Kos kewangan	30	81,509,288	1,535,779	80,893,709	-
JUMLAH PERBELANJAAN		1,855,827,042	1,671,380,469	1,760,834,006	1,592,243,741
DEFISIT SEBELUM CUKAI		(44,813,560)	(178,017,117)	(46,884,319)	(171,046,111)
Cukai	31	(1,301,196)	(691,948)	-	-
Kurangan tahun semasa dari operasi berterusan		(46,114,756)	(178,709,065)	(46,884,319)	(171,046,111)
Defisit dari operasi dihentikan		-	-	-	-
DEFISIT TAHUN SEMASA		(46,114,756)	(178,709,065)	(46,884,319)	(171,046,111)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/ EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

Kumpulan	Nota	Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Khas RM	Hasil RM	Pelaburan RM	Pinjaman RM	Penyelidikan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2020		67,247,232	283,005,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,648,380,659
Pelarasan tahun lepas	36	-	-	-	-	-	(34,388,081)
Seperti yang dinyatakan semula		67,247,232	283,005,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,613,992,578
Defisit tahun semasa		(8,773,480)	10,359,120	9,079,171	-	(26,889,746)	(178,709,065)
Pindahan		13,929,000	(39,658,934)	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2020		72,402,752	253,706,083	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,435,283,513
Pada 1 Januari 2021		72,402,752	253,706,082	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,468,201,492
Pelarasan tahun lepas	36	-	-	-	-	-	(32,917,981)
Seperti yang dinyatakan semula		72,402,752	253,706,082	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,435,283,511
Defisit tahun semasa		(8,540,364)	99,337,254	(4,717,876)	-	(628,721)	(46,114,756)
Pindahan		16,115,894	(74,714,977)	22,500,000	-	50,000	-
Pada 31 Disember 2021		79,978,282	278,328,359	163,446,080	23,735,500	211,662,793	7,389,168,755

Kumpulan	Nota	Mengurus RM	Pembangunan RM	Perniagaan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2020		402,263,928	6,379,350,527	117,061,530	7,648,380,659
Pelarasan tahun lepas	36	(34,388,081)	-	-	(34,388,081)
Seperti yang dinyatakan semula		367,875,847	6,379,350,527	117,061,530	7,613,992,578
Defisit tahun semasa		(142,986,945)	(24,447,559)	4,950,374	(178,709,065)
Pindahan		60,000,000	-	(34,270,066)	-
Pada 31 Disember 2020		284,888,902	6,354,902,968	87,741,838	7,435,283,513
Pada 1 Januari 2021		317,806,883	6,354,902,968	87,741,837	7,468,201,492
Pelarasan tahun lepas	36	(32,917,981)	-	-	(32,917,981)
Seperti yang dinyatakan semula		284,888,902	6,354,902,968	87,741,837	7,435,283,511
Defisit tahun semasa		(90,209,891)	(81,914,351)	40,559,193	(46,114,756)
Pindahan		42,683,083	-	(6,634,000)	-
Pada 31 Disember 2021		237,362,094	6,272,988,617	121,667,030	7,389,168,755

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/ EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

Universiti	Nota	Mengurus RM	Pembangunan RM	Perniagaan RM	Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Khas RM	Hasil RM	Pelaburan RM	Pinjaman RM	Penyelidikan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2020		383,982,516	6,379,350,527	117,061,530	67,247,232	286,590,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,633,684,247
Pelarasan tahun lepas	36	(34,388,081)	-	-	-	-	-	-	-	(34,388,081)
Seperti yang dinyatakan semula		349,594,435	6,379,350,527	117,061,530	67,247,232	286,590,897	136,584,785	23,735,500	239,131,260	7,599,296,166
Defisit tahun semasa		(135,823,991)	(24,447,559)	4,950,374	(8,773,480)	10,859,120	9,079,171	-	(26,889,746)	(171,046,111)
Pindahan		60,000,000	-	(34,270,066)	13,929,000	(39,658,934)	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2020		273,770,444	6,354,902,968	87,741,838	72,402,752	257,791,083	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,428,250,055
Pada 1 Januari 2021		306,688,425	6,354,902,968	87,741,838	72,402,752	257,791,082	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,461,168,035
Pelarasan tahun lepas	36	(32,917,981)	-	-	-	-	-	-	-	(32,917,981)
Seperti yang dinyatakan semula		273,770,444	6,354,902,968	87,741,838	72,402,752	257,791,082	145,663,956	23,735,500	212,241,514	7,428,250,054
Defisit tahun semasa		(90,979,453)	(81,914,351)	40,559,192	(8,540,364)	99,337,254	(4,717,876)	-	(628,721)	(46,884,319)
Pindahan		42,683,083	-	(6,634,000)	16,115,894	(74,714,977)	22,500,000	-	50,000	-
Pada 31 Disember 2021		225,474,074	6,272,988,617	121,667,030	79,978,282	282,413,359	163,446,080	23,735,500	211,662,793	7,381,365,735

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan 2021 RM	Kumpulan 2020 RM	Universiti 2021 RM	Universiti 2020 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Defisit sebelum cukai	(44,813,560)	(179,806,207)	(46,884,319)	(172,835,201)
Pelarasan untuk:-				
Geran mengurus	(1,056,142,550)	(945,645,629)	(1,056,142,550)	(945,645,629)
Geran pembangunan dilunaskan	(199,477,990)	(50,060,754)	(199,477,990)	(50,060,754)
Geran penyelidikan dilunaskan	(69,065,167)	(33,693,467)	(69,065,167)	(33,693,467)
Pendapatan dividen	(720,000)	-	(500,000)	(500,000)
Pendapatan faedah simpanan tetap	(20,057,813)	(30,280,356)	(19,906,006)	(30,093,751)
Pendapatan faedah pinjaman kakitangan	(353,303)	(116,469)	(353,303)	(116,469)
Kenaikan nilai saksama pelaburan melalui lebihan atau defisit	-	(11,833,509)	-	(11,833,509)
Keuntungan jualan pelaburan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	3,753,880	(2,036,382)	3,753,880	(2,036,382)
Keuntungan jualan pelaburan lain	(2,215,769)	-	(2,215,769)	-
Pembalikan penjejasan nilai	(21,000)	(501,894)	-	-
Caj peruntukan gantian cuti rehat	11,148,205	44,915,915	11,148,205	44,915,915
Caj peruntukan manfaat perubatan pasca persaraan	27,938,721	17,807,083	27,938,721	17,807,083
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	185,653,262	108,949,451	182,125,775	105,448,429
Susut nilai aset tak ketara	780,292	1,022,781	780,292	1,022,781
Kerugian pelupusan hartanah, loji dan peralatan	206,253	28,144	206,253	28,144
Kurangan nilai saksama pelaburan	3,753,880	1,276,265	3,753,880	1,276,265
Rosot nilai penghutang tukaran	1,744,501	36,278,513	1,183,315	35,702,500
Hapuskira hartanah, loji & peralatan	-	-	-	-
Hapuskira penghutang	2,204,847	23,448,983	2,204,847	293,633
Faedah sewa beli	35,389	21,370	-	-
Faedah pinjaman lain	71,050	445,175	-	-
Faedah kredit pusingan	-	219,843	-	-
Faedah liabiliti konsesi perkhidmatan	80,893,709		80,893,709	
Faedah surat kredit dan bil berbayar	509,140	849,391	-	-
	(1,074,174,023)	(1,018,711,753)	(1,080,556,227)	(1,040,320,412)
Perubahan modal kerja:-				
Inventori	(5,312,354)	322,632	(5,144,910)	361,684
Penghutang transaksi tukaran	5,314,327	30,771,975	(3,750,904)	59,815,765
Terhutang oleh subsidiari dari transaksi tukaran	-	-	522,760	(6,315,678)
Pemiutang transaksi tukaran	(2,611,067)	21,490,632	3,448,178	11,505,150
Pemiutang transaksi bukan tukaran	4,726,322	326,078	4,726,322	326,078
Tunai (digunakan untuk)/dijana dari aktiviti operasi	(1,072,056,795)	(965,800,436)	(1,080,754,781)	(974,627,413)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI (Sambungan)	Kumpulan 2021 RM	Kumpulan 2020 RM	Universiti 2021 RM	Universiti 2020 RM
Bayaran cukai tahun semasa	(1,146,953)	(120,235)	-	-
Terimaan/(bayaran) cukai	310,375	(3,114,884)	-	-
Bayaran gantian cuti rehat dan manfaat perubatan	(20,682,820)	(19,876,310)	(20,682,820)	(19,876,310)
Terimaan geran pembangunan dari kerajaan	205,978,000	119,502,535	205,978,000	119,502,535
Terimaan geran penyelidikan	72,941,815	87,828,512	72,941,815	87,828,512
Terimaan akaun amanah penyelidikan	1,359,100	659,880	-	-
Bayaran dari akaun amanah penyelidikan kepada pihak ketiga	(576,816)	(213,509)	-	-
Penerimaan geran mengurus	1,030,142,550	945,645,629	1,030,142,550	945,645,629
Penerimaan dividen	720,000	-	500,000	500,000
Penerimaan faedah dari simpanan tetap	20,057,813	30,280,356	19,906,006	30,093,751
Penerimaan faedah dari pinjaman kakitangan	353,303	116,469	353,303	116,469
Pembayaran faedah sewabeli	(35,389)	(21,370)	-	-
Pembayaran faedah pinjaman lain	(71,050)	(445,175)	-	-
Pembayaran faedah kredit pusingan	-	(219,843)	-	-
Pembayaran faedah surat kredit	(509,140)	(849,391)	-	-
Terimaan bayaran semula pinjaman kakitangan	910,112	1,850,772	2,273,954	2,382,622
Pemberian pinjaman kakitangan	(2,273,954)	(2,382,622)	(910,112)	(1,850,772)
Bayaran Faedah liabiliti konsesi perkhidmatan	(80,893,709)		(80,893,709)	
Tunai bersih dijana dari aktiviti operasi	154,526,442	192,840,378	148,854,206	189,715,023
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Penambahan hartanah, loji dan peralatan	(61,573,266)	(70,680,901)	(60,266,652)	(68,386,367)
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	1,473,177	5,396,197	151,171	5,435,732
Penambahan aset tak ketara	(686,051)	(205,650)	(686,051)	(205,650)
Pelupusan aset tak ketara	1	-	1	-
Pelaburan dalam entiti dikawal	-	-	-	(1,000,000)
Belian pelaburan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	(80,000,000)	(25,000,000)	(80,000,000)	(25,000,000)
Jualan pelaburan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit	(26,657)	2,257,784	(26,657)	2,257,784
Belian tunai pelaburan lain	-	-	-	-
Jualan pelaburan lain	2,405,809	-	2,215,770	-
Tunai bersih diguna untuk aktiviti pelaburan	(138,406,987)	(88,232,570)	(138,612,418)	(86,898,501)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Bayaran konsesi perkhidmatan	(24,281,830)	-	(24,281,830)	-
Bayaran pajakan	471,858	(68,542)	-	-
Pinjaman diterima	187,400	-	-	-
Pinjaman dibayar	(11,253,814)	22,993	-	-
Tunai bersih diguna untuk aktiviti pembiayaan	(34,876,386)	(45,549)	(24,281,830)	-

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan 2021 RM	Kumpulan 2020 RM	Universiti 2021 RM	Universiti 2020 RM
(Pengurangan)/Penambahan bersih tunai dan setara tunai	(18,756,931)	104,562,259	(14,040,042)	102,816,522
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	1,053,985,320	949,423,061	1,030,572,844	927,756,322
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	1,035,228,389	1,053,985,320	1,016,532,802	1,030,572,844
TUNAI DAN SETARA TUNAI				
Simpanan tetap di bank	939,273,437	961,721,917	934,284,342	956,087,786
Tunai di tangan dan di bank	95,954,952	92,263,403	82,248,460	74,485,058
	1,035,228,389	1,053,985,320	1,016,532,802	1,030,572,844

Komitmen penggunaan tunai :-

	Kumpulan 2021 RM	Kumpulan 2020 RM	Universiti 2021 RM	Universiti 2020 RM
Pembelian aset, loji dan hartanah	8,643,368	22,166,448	8,643,368	22,166,448
Deposit di bank sebagai cagaran	-	-	-	-
	8,643,368	22,166,448	8,643,368	22,166,448

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENYESUAIAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

Universiti	JUMLAH BAJET		Amaun sebenar pada asas setanding	Perbezaan bajet akhir dan amaun sebenar
	Bajet Asal RM	Bajet Akhir RM	RM	RM
HASIL				
Pemberian kerajaan:-				
Geran kerajaan	990,691,773	872,879,750	898,879,500	(25,999,750)
Geran kerajaan (tambahan)	72,500,000	146,263,050	159,263,050	(13,000,000)
Yuran pengajian:-				-
Prasiswazah	40,500,000	26,000,000	23,823,536	2,176,464
Pasca Siswazah	49,500,000	41,000,000	42,019,322	(1,019,322)
Yuran penginapan	19,000,000	6,000,000	6,655,321	(655,321)
Hasil operasi pesakit	40,900,000	40,900,000	43,247,374	(2,347,374)
Jualan barang dan perkhidmatan	7,000,000	1,000,000	1,240,196	(240,196)
Sewaan	13,200,000	6,200,000	6,683,455	(483,455)
Pelaburan	33,200,000	25,200,000	16,991,877	8,208,123
Sumbangan dan lain-lain	8,700,000	3,700,000	9,826,997	(6,126,997)
JUMLAH HASIL	1,275,191,773	1,169,142,800	1,208,630,628	(39,487,828)
PERBELANJAAN				
Emolumen:-				
Gaji dan upahan	559,582,456	547,229,776	507,377,372	39,852,404
Elaun tetap	185,258,908	190,178,248	181,386,819	8,791,429
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	90,841,237	90,083,026	89,717,294	365,732
Elaun lebih masa	11,479,872	8,611,595	9,690,809	(1,079,214)
Faedah-faedah kewangan yang lain	9,029,500	13,402,605	17,466,893	(4,064,288)
Perkhidmatan dan bekalan:-				
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	1,730,000	1,715,822	629,944	1,085,878
Pengangkutan barang-barang	391,000	333,117	183,082	150,035
Perhubungan dan utiliti	99,617,000	71,739,913	63,477,618	8,262,295
Sewaan	14,055,000	12,999,800	6,012,985	6,986,815
Bekalan dan bahan-bahan lain	121,849,000	129,788,748	122,598,287	7,190,461
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli	91,170,000	87,811,676	86,634,135	1,177,541
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	31,628,000	30,794,322	42,791,450	(11,997,128)
Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti - EKK	46,000,000	61,490,000	67,784,558	(6,294,558)
Harta Modal	1,000,000	12,197,745	15,781,920	(3,584,175)
Pemberian dan kenaan tetap:-				
Biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran	2,610,000	1,234,000	1,075,848	158,152
Pemberian dalam Negeri	500,000	500,000	374,352	125,648
Perbelanjaan lain	6,449,800	5,059,725	4,653,529	406,196
JUMLAH PERBELANJAAN	1,273,191,773	1,265,170,118	1,217,636,895	47,533,223
(KURANGAN)	2,000,000	(96,027,318)	(9,006,267)	(87,021,051)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENYESUAIAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2021

Nota kepada Penyata Penyesuaian Bajet dan Amaun Sebenar:-

1. Bajet diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek dan program. Bajet yang diluluskan adalah meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2021, dan termasuk Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM), Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) serta semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2. Bajet asal telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 15 Disember 2020 merangkumi Geran Kerajaan yang diluluskan selepas pembentangan bajet di Parlimen serta sasaran Sumber Dalaman yang disasarkan dijana bagi tahun 2021. Manakala bajet tambahan merangkumi Geran Tambahan yang diterima dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sepanjang tahun 2021.

3. Universiti menggunakan asas perakaunan yang berbeza dalam penyediaan bajet dan penyata kewangan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akruan. Namun begitu, persembahan butiran atau item bajet di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi memudahkan perbandingan amaun bajet dan perbelanjaan sebenar dibuat.

4. Berdasarkan kepada bajet akhir jumlah defisit dijangka sebanyak RM96,027,318. Jumlah defisit sebenar berjumlah RM9,006,267 iaitu perbezaan sebanyak RM87,021,051 terutamanya disebabkan perkara-perkara berikut:-

   - Amaun geran Kerajaan sebenar yang diterima melebihi apa yang terkandung di dalam bajet sebanyak RM25,999,750 dan juga geran tambahan berjumlah RM13,000,000.
   - Wabak *COVID-19* dan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan dalam tahun 2020 mengakibatkan pelbagai aktiviti tidak dapat dilaksanakan sebagaimana dijangka. Di samping itu, Universiti juga mengambil langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemah selaras dengan Perbendaharaan Malaysia (PB 3.1) Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Malaysia berkuatkuasa pada 18 Ogos 2019 oleh Kerajaan Persekutuan dan Pekeliling Bendahari Bil. 3/2020. Perkara-perkara ini menyebabkan jumlah perbelanjaan sebenar telah kurang sebanyak RM47,533,223 berbanding dengan jumlah bajet.

5. Maklumat bajet seperti yang tertera di atas dibuat mengikut asas tunai dan mengikut sebagaimana yang disedia untuk kelulusan kepada pihak berwajib. Pembentangan bajet tidak mengikut pengkelasan seperti di Penyata Aliran Tunai dan asas yang digunakan juga adalah berbeza. Sekiranya dikelaskan seperti pengkelasan Penyata Aliran Tunai, jumlah untuk aktiviti operasi dan pelaburan serta perbezaan dengan seperti yang tertera di Penyata Aliran Tunai adalah seperti berikut:-

	Jumlah mengikut Penyata bajet	Jumlah mengikut Penyata Aliran Tunai	Jumlah perbezaan	Perbezaan setanding *	Perbezaan asas
Aliran tunai dari aktiviti:-	RM	RM	RM	RM	RM
Operasi	7,250,669	148,854,206	(141,603,537)	7,485,735	(149,089,272)
Pelaburan	(16,256,936)	(138,612,418)	122,355,482	559,660	121,795,822
Perubahan tunai	(9,006,267)	10,241,788	(19,248,055)	8,045,395	(27,293,450)

* Untuk penerangan tentang perbezaan setanding, rujuk maklumat di perenggan-perenggan sebelumnya.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT AM

Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada 18 Mei 1970 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Aktiviti utama Universiti adalah sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menjalankan program-program pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Universiti juga menjalankan aktiviti bercorak komersil yang dilaksanakan oleh unit perniagaan.

Aktiviti penting entiti-entiti dikawal dinyatakan pada Nota 6.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada **17 Februari 2022**.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*). Pemakaian MPSAS dibuat pertama kali untuk tahun kewangan 2020 dengan mengambil kira pengecualian yang mana dibenarkan.

MPSAS 33 membenarkan pengecualian peralihan di mana entiti diberi tempoh sehingga 3 tahun untuk mengiktiraf aset dan/atau liabiliti tertentu. Dalam peralihan kepada MPSAS, Kumpulan dan Universiti mengambil kesempatan daripada pengecualian peralihan ini terhadap aset infrastruktur. Pada tahun sebelumnya, aset infrastruktur tidak dipermodalkan sebagai komponen hartanah loji dan peralatan menurut MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan.

Untuk tahun semasa, Universiti mengenalpasti dan mengiktiraf aset infrastruktur yang berkenaan. Pengiktirafan terhadap kos, susut nilai terkumpul dan caj susut nilai untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2020 dilaraskan secara retrospektif. Kesan pengiktirafan aset infrastruktur diterakan di Nota 4, Nota 4a dan Nota 36.

2.2 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.3 Matawang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (“RM”), iaitu matawang fungsian untuk Kumpulan dan Universiti.

2.4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pertimbangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari dibuat semakan secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 3.18.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Tiada perubahan kepada polisi-polisi perakaunan penting berbanding dengan polisi-polisi yang digunakan dalam tahun sebelum kecuali untuk perkara-perkara berikut:-

- **Pengiktirafan aset infrastruktur – Nota 2.1 dan Nota 3.18(iii)**

- **Pengiktirafan pendapatan ganti rugi cuti belajar dan pecah kontrak perkhidmatan.**
  Dalam tahun terdahulu, pendapatan ganti rugi belajar dan pecah kontrak perkhidmatan diiktiraf apabila Universiti mengiktiraf amaun penghutang berkenaan. Berdasarkan kepada kecondongan untuk permohonan diskaun, rundingan untuk penyelesaian yang mengambil tempoh masa yang panjang serta berbagai faktor lain, amaun penerimaan ganti rugi yang sebenar dan tarikh penerimaan tidak dapat ditentukan dengan pasti. Apabila penjejasan nilai diiktiraf, amaun ini diiktiraf sebagai belanja dan sebarang pembalikan diiktiraf sebagai pendapatan lain.

  Untuk tahun semasa, pengiktirafan penghutang dikreditkan kepada pendapatan tertunda. Pengiktirafan pendapatan dibuat mengikut amaun yang diterima dari penghutang. Sebarang penjejasan nilai yang dibuat terhadap penghutang didebitkan kepada pendapatan tertunda dan sebarang pembalikan penjejasan dikreditkan kepada penghutang apabila hapus kira diiktiraf.

  Pihak Pengurusan Universiti berpendapat lebih wajar untuk mengiktiraf pendapatan mengikut amaun sebenar yang diterima.

Pelarasan secara retrospektif dibuat kepada baki awal perkara-perkara tersebut di atas. Kesan kepada perubahan didedahkan di dalam Nota 36.

3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Universiti dan entiti-entiti dikawal yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Entiti dikawal adalah entiti yang mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

3.1 Asas Penyatuan

Untuk tujuan penyatuan, penyata kewangan entiti dikawal diselaraskan di mana perlu bagi memastikan keseragaman polisi perakaunan di peringkat Kumpulan.

Transaksi di antara entiti Kumpulan, baki dan pendapatan (atau perbelanjaan) terhasil dari transaksi di dalam Kumpulan yang belum direalisasi dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja.

3.1.1 Entiti dikawal

Kumpulan

Entiti-entiti dikawal disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa sehingga tarikh luput kawalan berkuat kuasa. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan entiti dikawal yang diperoleh atau dilupuskan dalam tahun semasa dimasukkan ke penyata kewangan dari tarikh Kumpulan mendapat kawalan sehingga tarikh Kumpulan berhenti mengawal entiti berkenaan.

Untuk perubahan kepentingan entiti dikawal yang tidak melibatkan kehilangan kawalan, perubahan ini ditaksir sebagai transaksi ekuiti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.1.1 Entiti dikawal (sambungan)

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikekalkan oleh Kumpulan akan ditaksir semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit. Nilai saksama ini adalah nilai saksama daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata prestasi kewangan berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai entiti yang dilabur berasaskan perakaunan ekuiti atau instrumen kewangan lain bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

Universiti

Pelaburan di dalam entiti dikawal dinyatakan pada kos selepas caj penjejasan nilai di dalam penyata kedudukan kewangan Universiti.

Dividen dan agihan lain dari entiti dikawal diiktiraf sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan Universiti. Agihan ini diiktiraf sebagai pendapatan bagi lebihan bersih selepas tarikh kawalan dan tidak memberi kesan kepada kos pelaburan di dalam entiti berkenaan.

Pada setiap tarikh akhir tahun pelaporan, Universiti menyemak kewujudan petanda terdapatnya penjejasan nilai ke atas entiti dikawal. Bila wujud petanda berkenaan, amaun pemulihan yang kurang dari nilai bawa pelaburan diiktiraf sebagai penjejasan nilai.

3.2. Instrumen Kewangan

3.2.1 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Aset-aset kewangan dikelaskan seperti berikut:

- Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit.
- Pinjaman dan Penghutang;
- Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang; dan
- Aset Kewangan Sedia Dijual.

Pengkelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi. Pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan serahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pasaran adalah diiktiraf di waktu komitmen pembelian dibuat.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.2. Instrumen Kewangan (sambungan)

3.2.1 Aset Kewangan (sambungan)

(b) Penilaian berikutan (sambungan)

i. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Pinjaman dan Penghutang

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas penjejasan nilai.

Instrumen pinjaman yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

iii. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan yang mempunyai ketetapan matang dan bayaran tetap (atau boleh ditentukan ketetapannya) dikelaskan sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan berhasrat positif dan berkemampuan untuk memegang aset berkenaan sehingga matang. Selepas taksiran awal, aset berklasifikasi begini akan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif selepas penjejasan nilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira sebarang premium atau diskaun pada tarikh perolehan termasuk fi dan kos yang bersepadu sebagai faedah efektif. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

iv. Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Selepas taksiran awal, aset kewangan sedia dijual akan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf. Penyahiktirafan ini dibuat melalui lebihan atau defisit.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.2. Instrumen Kewangan (sambungan)

3.2.1 Aset Kewangan (sambungan)

(d) Penjejasan nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap mengalami penjejasan nilai apabila terdapat bukti objektif tentang penjejasan nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penjejasan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

i. Aset Kewangan dinyatakan Pada Kos Terlunas

Untuk aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas, semakan awal dibuat untuk menentukan samada terdapat, secara individual, bukti objektif tentang penjejasan nilai untuk aset kewangan yang signifikan secara individual, atau secara kolektif untuk aset yang tidak signifikan bila berdiri secara individual.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai ditaksir sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian penjejasan nilai tersebut diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penjejasan nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas penjejasan nilai tersebut diiktiraf, kerugian penjejasan nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dijejas nilai.

'Signifikan' bermaksud bandingan kepada kos asal manakala 'berpanjangan' bermaksud bandingan kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dijejas nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebihan atau defisit, dipindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebihan atau defisit.

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual, semakan penjejasan nilai menggunakan asas yang sama dengan aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, amaun yang dinyatakan untuk penjejasan nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan di antara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebihan atau defisit.

3.2.2 Liabiliti Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai: -

- liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, atau
- pinjaman dan pembiayaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.2. Instrumen Kewangan (sambungan)

3.2.2 Liabiliti Kewangan (sambungan)

(b) Pengiktirafan dan Taksiran Awal (sambungan)

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dagangan dan pemiutang lain, overdraf bank, pinjaman dan pembiayaan, dan kontrak jaminan kewangan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Pinjaman dan Pembiayaan

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Hapus silang (*Offsetting*) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3.3. Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.4. Inventori

Inventori dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai direalisasi bersih selepas ditolak kos penyiapan dan pengedaran. Walaubagaimanapun, untuk kelas inventori yang diedarkan atau digunakan tanpa sebarang bayaran atau dengan bayaran yang nominal, kelas inventori tersebut dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semula.

Kos barangan ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Kos termasuk harga pembelian sebenar dan kos sampingan yang ditanggung dalam membawa inventori ke lokasi kini.

3.5. Hartanah, loji dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan taksiran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan penjejasan nilai terkumpul.

Untuk aset-aset lain, kos mengandungi segala kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadu dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau defisit.

Kerja dalam proses merujuk kepada kos perbelanjaan yang belum lagi disempurnakan pada akhir tempoh kewangan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan termasuk pengambilan tanah. Setelah projek siap dan mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja, pengkelasan ke kategori aset yang berkenaan akan dilakukan.

(b) Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusutnilaikan secara berasingan.

Tanah milik bebas dan projek dalam kemajuan tidak disusutnilaikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.5. Hartanah, loji dan peralatan

(b) Susut Nilai

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia tahun penggunaan berikut:-

Aset	Tahun
Tanah pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan dan pembaikan	5
Jentera	5
Kenderaan	5
Peralatan dan kelengkapan	5
Aset insfrastruktur	
• Jaringan jalan raya	10
• Jaringan kumbahan dan perparitan	
• Jaringan kumbahan	20
• Jaringan perparitan	20
• Jaringan takungan dan perparitan	
• Sistem takungan air	10
• Sistem perpaipan utama	20
• Jaringan elektrikal	20

Nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

3.6. Aset Tak Ketara

Aset tak ketara mengandungi harta intelek Universiti dan pembaharuan kepada aset dan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dibuat berdasarkan kepada anggaran jangka tempoh perlindungan aset tak ketara berkenaan seperti berikut :-

Jenis harta	Tempoh tahun	Jenis harta	Tempoh tahun
Paten	20	Varieti Tumbuhan Baru	20
Cap Dagang	10	Rekabentuk Susunatur Litar Bersepadu	15
Rekabentuk Perindustrian	25	Pembaharuan Utiliti	20
Hak Cipta	10	Perisian	5

3.7. Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantian cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskaun dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun Semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf secara akruan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai peruntukan manfaat kakitangan.

Jenis peruntukan manfaat kakitangan yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat dan manfaat perubatan pasca persaraan. Pengiraan peruntukan dibuat berdasarkan kaedah penilaian aktuari.

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.8. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

Liabiliti Kontingen

Kumpulan dan Universiti tidak mengiktiraf liabiliti kontingen (melainkan aliran sumber ekonomi dijangka akan berlaku), tetapi memberi penerangan tentang kontingensi di dalam nota kepada penyata kewangan.

3.9. Sifat dan Tujuan Kumpulan Wang dan Rizab

a. Kumpulan Wang Mengurus

Kumpulan wang mengurus merujuk kepada aktiviti operasi pengurusan Kumpulan dan Universiti.

b. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan wang pembangunan merujuk kepada lebihan penilaian semula aset tanah Universiti dan hasil serta perbelanjaan yang berkaitan dengan geran pembangunan bagi projek yang telah tamat.

3.9. Sifat dan Tujuan Kumpulan Wang dan Rizab

c. Kumpulan Wang Entiti Perniagaan

Kumpulan wang entiti perniagaan merujuk kepada aktiviti komersial Universiti.

d. Kumpulan Wang Tabung Amanah Dan Akaun Khas

Kumpulan wang tabung amanah dan akaun khas merujuk kepada aktiviti yang dikhususkan untuk akaun amanah dan akaun khas lain.

e. Kumpulan Wang Hasil

Kumpulan wang hasil merujuk kepada jumlah hasil yang dijanakan oleh Universiti serta perbelanjaan langsung dan perbelanjaan lain yang berkaitan bagi aktiviti penjanaan hasil tersebut.

f. Kumpulan Wang Pelaburan

Kumpulan wang pelaburan merujuk kepada aktiviti berkaitan dengan dana pelaburan yang diluluskan oleh Universiti.

g. Kumpulan Wang Pinjaman

Kumpulan wang pinjaman merujuk kepada aktiviti pinjaman bagi pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan Universiti.

h. Kumpulan Wang Penyelidikan

Kumpulan wang penyelidikan merujuk kepada hasil dan perbelanjaan yang berkaitan aktiviti projek penyelidikan yang telah tamat.

3.10. Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan transaksi bukan tukaran

a. Geran Kerajaan tanpa syarat perlaksanaan spesifik diiktiraf sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.

b. Geran Kerajaan dengan syarat perlaksanaan spesifik diiktiraf sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.10. Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

c. Pendapatan yuran (bersubsidi) yang kurang dari nilai saksama pembelajaran diberikan oleh Universiti diiktiraf berdasarkan akruan mengikut peratusan tempoh pembelajaran atau apabila Universiti tidak perlu membuat pemulangan yuran kepada pelajar.

d. Pendapatan sewaan (bersubsidi) yang kurang dari nilai saksama fasiliti disewakan oleh Universiti diiktiraf mengikut asas akruan mengikut tempoh perjanjian penyewaan.

e. Hasil perkhidmatan (bersubsidi) rawatan perubatan hospital, klinik dan hasil penjualan ubat-ubatan yang kurang dari nilai saksama diberikan oleh Pusat Kesihatan Universiti diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan.

f. Sumbangan dari pihak luar yang terdiri daripada orang perseorangan atau korporat akan diiktiraf apabila hak untuk menerimanya dapat dipastikan.

Pendapatan transaksi tukaran

g. Pendapatan yuran (tidak bersubsidi) diiktiraf berdasarkan akruan mengikut peratusan tempoh pembelajaran atau apabila Universiti tidak perlu membuat pemulangan yuran kepada pelajar.

h. Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap diiktiraf mengikut asas akruan.

i. Pendapatan dari kutipan sewaan diiktiraf mengikut asas akruan mengikut tempoh perjanjian penyewaan yang berkaitan.

j. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.

k. Hasil keuntungan daripada pinjaman kenderaan dikira berasaskan baki pokok pinjaman setiap bulan. Keuntungan daripada pinjaman komputer diiktiraf terus semasa pinjaman dikeluarkan.

l. Hasil perkhidmatan (tidak bersubsidi) operasi hospital, klinik dan hasil penjualan ubat-ubatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan.

m. Pendapatan bagi pengurusan dan perkhidmatan perundingan serta khidmat perubatan diiktiraf berasaskan akruan apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan. Pendapatan projek rundingan diiktiraf berasaskan akruan mengikut peratus kerja siap.

n. Hasil jualan aset diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan telah beralih kepada pembeli.

3.11. Penjejasan untuk Aset Bukan Kewangan

Semakan dibuat pada akhir tahun pelaporan dan apabila terdapat petanda bahawa nilai bawa aset bukan kewangan mungkin di bawah amaun yang boleh diperoleh. Penjejasan nilai diiktiraf untuk amaun nilai bawa aset melebihi dari amaun yang boleh diperoleh. Amaun yang boleh diperoleh ialah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilai guna. Penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Nilai guna untuk aset bukan janaan tunai.

